

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil.33

Rabu

1 Julai 2009

K A N D U N G A N

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009	(Halaman 2)
- Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009	(Halaman 105)
USUL:	
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 54)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 144)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Penetapan Tempoh Pembinaan Hospital Queen Elizabeth - <i>Datuk Eric E. Majimbun (Sepanggar)</i>	(Halaman 144)
■ Pemulihan Projek Terbengkalai Plaza Rakyat - <i>Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 148)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 1 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Sebelum Yang Berhormat Menteri bolehkah saya membuat pertanyaan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara apa, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkara Parlimen, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dalam...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak buat pertanyaan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dalam keadaan sekarang ini pertanyaan hanya boleh dibuat melalui *standing order* – peraturan mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, tetapi kerana kesuntukan masa itu, hanya satu perenggan pertanyaan sahaja. Tuan Yang di-Pertua boleh jawab - jawab, tidak boleh jawab pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, siaran langsung TV1 ini sekarang ia secara berpilih-pilih – setengah jam itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Pembangkang langsung tidak ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya difahamkan secara berpilih-pilih. Saya mendapat SMS daripada rakyat – tidak perlu saya jelaskan siapa, ada dua tiga SMS. Dia kata sudah tidak seronoklah. Biarlah macam yang lepas juga iaitu pada permulaan, daripada awal hingga pukul 10.30 pagi. Kalau ada pergaduhan dan sebagainya biarlah rakyat menilai. Itulah sifat pembangkang, dia suka menghentam dan sebagainya. Penilaiannya kepada rakyatlah. Jadi, tidak perlulah RTM merasa bimbang apa-apa. Ini pandangan sayalah, Tuan Yang di-Pertua, daripada hasrat rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya harap kementerian mengambil nota tentang perkara ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya berpendapat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading itu ada kena kerana baru-baru ini saya difahamkan bila pembangkang sedang berucap tiba-tiba dia pergi kepada interviu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi, kami dapat banyak laporan di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara yang sama, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *There must be more openness* dalam Parlimen dan RTM, bukan satu konsep *One Malaysia* ini apa maknanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (PINDAAN) 2009

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Kecil Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA 2009

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang di tangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[30 Jun 2009]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

10.07 pg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang saya sebut semalam semasa saya memulakan perbahasan saya, saya ada keyakinan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan II adalah handal dalam urusan kewangan negara dan dia akan buat kerjanya dengan baik. Pada pendapat saya beliau adalah lebih sesuai untuk memegang jawatan Menteri Kewangan I [*Tepuk*] yang sekarang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada pendapat saya juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah lebih sesuai untuk menjadi Menteri Pertahanan yang bertugas menjaga senjata api.

Dengan ini saya akan membangkitkan beberapa isu untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Isu pertamanya adalah mengenai perdagangan mata wang asing yang telah dijalankan oleh Bank Negara. Kita semua tahu dalam tahun awal 90-an iaitu 1992 hingga 1993 Bank Negara telah melibatkan diri mereka dalam perdagangan mata wang asing dengan tujuan spekulatif. Akibatnya ia mengalami kerugian yang begitu besar berjumlah RM30 bilion.

Akibat daripada kejadian ini Gabenor Bank Negara dan *Assistant Governor* Bank Negara pun meletak jawatan. *Assistant Governor* Bank Negara itu ialah Tan Sri Nor Mohamed Yakcob yang sekarang ini beliau adalah seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dengan adanya *experience* yang buruk ini saya ingin tahu dalam *bill* – rang undang-undang yang dibentangkan hari ini, dalam Dewan ini, apakah mekanisme yang akan digunakan atau diamalkan oleh Bank Negara kelak supaya pegawai-pegawai Bank Negara tidak kira sesiapa pun tidak akan melibatkan Bank Negara dalam *speculative forex trading*.

■ 1010

Saya ada meneliti rang undang-undang ini, dan di klausa 76 iaitu "*Business which the Bank may not transact*". Di antaranya ada enam *business* yang tidak boleh Bank Negara melibatkan diri mereka di dalamnya tetapi keenam-enam aktiviti ini tidak menyebut, menghalang *speculative Forex trading*. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa selepas kelulusan rang undang-undang ini, apakah mekanisme yang akan diguna pakai oleh Bank Negara untuk menghalang atau mengelakkan kejadian *speculative Forex trading* yang dijalankan oleh Bank Negara, dan apakah mekanisme yang akan diguna pakai untuk mengelakkan kerugian yang begitu besar dialami oleh Bank Negara pada masa kelak.

Isu kedua yang saya ingin sentuh adalah mengenai *the economy liberalizations measure* yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam. Kita menyambut baik tentang liberalisasi ekonomi ini dan tetapi saya ada sedikit *reservation* mengenai, bagaimana kesannya sama ada ia berkesan memangkinkan dan menarik pelabur asing.

Satu keburukan atau *shortfall* dalam polisi kerajaan kita adalah, *we are not consistent*. Malaysia Government, Kerajaan Malaysia adalah terkenal di antara masyarakat antarabangsa sebagai satu kerajaan yang menjalankan polisinya dengan *flip-flop*. Masa ini kata begitu, masa

hadapan kata yang lain. Apakah jaminan yang akan diberikan kepada pelabur-pelabur asing bahawa pada masa ini 30% ekuiti bumiputera, *equity participation* telah dimansuhkan. Akan tetapi apakah jaminan yang telah diberikan kepada pelabur-pelabur asing bahawa polisi ini tidak akan dipakai balik lagi pada masa akan datang. Kalau mereka melabur, berbilion-bilion dalam ekonomi kita, dan dua, tiga tahun selepas ekonomi pulih, adakah kerajaan akan *go back step* dan *implement* lagi, melaksanakan polisi begitu. Itulah yang saya rasakan. Itu adalah satu perkara yang penting untuk menarik pelabur asing...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Yang Berhormat telah menghuraikan beberapa asas baru yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana polisi-polisi liberarisasi. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa nampaknya semua polisi liberalisasi ini dibuat dengan tergesa-gesa kerana nombor satu, memancing undi kerana kerajaan tahu mereka telah hilang kepercayaan daripada kebanyakan pengundi-pengundi negara ini, dan kedua kerana situasi di mana yang tidak boleh diatasi dengan sistem yang sedia ada dan sejak dari tahun 70-an, polisi yang telah diguna pakai telah luput dan tidak boleh diguna pakai maka untuk mengatasi masalah tersebut dengan tidak mengakui bawah satu kesalahan yang serius telah dibuat oleh Barisan Nasional, maka membuat satu polis yang baru, nampaknya semua ini adalah dibuat dengan tergesa-gesa, *no far-reaching, and no far-thinking policy* dalam polisi-polisi ekonomi ini. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sekali gus..., boleh?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sedikit penjelasan. Lanjutan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, tetapi sedikit sahaja. Saya pinjam sedikit kata-kata bekas Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Musa Hitam. Beliau berkata, pertama kita harus terima kenyataan situasi berubah dan kita mesti bersedia untuk terima perubahan tetapi akhirnya Yang Berhormat Bandar Kuching kita mesti kuasai keadaan. Kepada saya, yang dilakukan sekarang oleh Perdana Menteri sekarang ialah menyesuaikan diri dengan perubahan tetapi apa pun yang akan berlaku kemudian ialah kita menguasai keadaan, bukannya kita tolak bulat-bulat. Apa pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan berikan jawapan....

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh saya tanya sedikit?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh, boleh.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya juga ingin tanya tentang 30% ekuiti bumiputera ini.

Tadi Yang Berhormat Bandar Kuching katakan kerana Kerajaan Malaysia selalu dikatakan selalu tidak konsisten. Saya hendak tanya yang dahulu, 30% saham bumiputera oleh pelabur asing yang dahulu, adakah sekarang mereka berhak untuk membeli balik atau menjualkan saham-saham ekuiti bumiputera itu?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Soalan ini akan saya biarkan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab tetapi saya bersetuju sangat dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa ini berkemungkinan besar langkah-langkah ini adalah untuk memancing undi dan nampaknya mungkin pilihan raya umum akan datang, oleh itu langkah-langkah ini dijalankan. Akan tetapi soalan asal saya adalah, sama ada langkah ini adalah konsisten, kerana kita masih ingat dalam tahun 1999, sebelum pilihan raya umum pada masa itu, masyarakat Cina ada membentangkan satu *suqiu* dari masyarakat Cina dan ia diterima dengan baiknya oleh Tun Mahathir, yang pada masa itu Perdana Menteri negara kita. Akan tetapi selepas Pilihan Raya Umum 1999, dia kata *suqiu* ini adalah tuntutan yang ekstremis. Beliau juga kata bahawa, dia terpaksa untuk menerima baik *suqiu* untuk memancing undi pengundi Cina. Akan tetapi selepas pilihan raya umum, dia berkata *suqiu* ini adalah tuntutan ekstremis, tuntutan Komunis.

Oleh itu saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, sama ada langkah-langkah yang diumumkan ini, adakah akan dikekalkan atau konsisten dari segi pelaksanaannya dan juga untuk masyarakat antarabangsa, pelabur-pelabur asing. Ini adalah yang saya fikir apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah penting untuk menimbulkan keyakinan pelabur-pelabur asing.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Silakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Bandar Kuching. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju bahawa kita memang menyambut baik langkah-langkah seperti ini, tidak lagi kekalkan 30% untuk bumiputera, untuk *company* yang hendak disenaraikan di Bursa Saham.

■1020

Itu pun memang selama ini kami di DAP yang menyerukan. Jadi hari ini adalah menunjukkan bahawa apa yang kita kata selama ini benar dan betul dan ini adalah baik untuk negara. Jadi yang penting ialah kita menyambut baik bahawa Barisan Nasional telah mengambil nasihat kami, DAP, [Disampuk] tetapi ia mesti dikekalkan dan ia juga mesti *transparent*. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya amat bersetuju dan ini menunjukkan bahawa DAP adalah satu parti politik yang ada *foresight* dan Barisan Nasional

adalah satu parti politik yang ada *hindsight* sahaja, tidak ada *foresight*. Okey, saya akan pergi kepada isu ketiga saya...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...ialah mengenai polisi Bank Negara yang telah membenarkan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sedikit. Sebelum pergi ketiga.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah lepas, sudah lepas. Lain kali, lain kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat, tidak bagi, duduklah Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Macam takut sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya telah pergi ke isu ketiga iaitu mengenai tempoh bayaran balik..

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bandar Kuching..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduklah, dia tidak bagi jalan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah terlepas.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Nanti Yang Berhormat ucapalah. Saya perlu menghormati Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Putatan hendak jadi herokah, Putatan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini tidak ada hero.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, duduklah, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bandar Kuching, teruskan Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Padang Serai apa tahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Isu ketiga adalah mengenai *hire purchase* dalam tahun...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sebentar Yang Berhormat, *point of order.*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, bila saya cari *point of order*, saya tidak berapa pasti tetapi saya hendak tanya satu soalan. RTM intai di sini, okey, di atas asas mana dia intai, nombor satu. Nombor dua, saya baru dapat SMS mengatakan *as soon as* Bandar Kuching sedang berucap, dia telah *went off the air*, dapat *interview* orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini macam mana? Bukan, Tuan Yang di-Pertua, tolong dengar apa saya cakap. Ini gambaran yang diberi kepada rakyat di Malaysia, nombor satu, menipu apa yang terjadi di Dewan ini. Kalau tidak, saya mengarahkan dengan kerjasama Tuan Yang di-Pertua, kita menghantar semua RTM keluar kerana dia mengelirukan semua ini dan menipu masyarakat di Malaysia ini. Macam mana ini boleh terjadi? Kenapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *point of order*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh tolong kepada saya...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *Point of order* apa itu? Baca dulu *point of order*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Stranger in the House*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Stranger in the House*. Bolehkah kita usir dia? Bukan saya tidak suka mereka, tetapi mereka memutarbelitkan, menceritakan yang tidak benar dan ini tidak boleh dibenarkan. Macam mana seorang Tuan Yang di-Pertua di sini sedang menjalankan tugas tetapi apa yang terjadi di Dewan ini, di luar ini, di seluruh negara nampaknya perkara yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada *interview* dijalankan. Mana ada *interview*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah berucap ini. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, fahamkah apa yang saya cakap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukup faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Fahamkah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah cukup faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya kluatir kerana apa yang saya kata kerana saya marah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup. Jangan terlalu marah, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Okey, nombor satu, bolehkah saya dapat...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Cukuplah itu, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini cari..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain itu, tidak payahlah tegur, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh dapat satu *ruling*? Nombor satu, kita hantar *strangers* ini keluar supaya mereka ini tidak berada di sini. Mereka, pada pengetahuan saya mereka adalah bukan wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Perkara ini telah pun saya buat keputusan tadi apabila Yang Berhormat Sri Gading mengemukakan isu yang sama. Saya telah katakan dan saya minta pihak yang berkenaan untuk mengambil perhatian terhadap teguran Ahli Parlimen yang dikemukakan pagi ini. Cukuplah sekadar itu, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan berapa, Yang Berhormat?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: 36(12). Saya rasa ini ialah memesongkan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan, Yang Berhormat. 36(12) tidak berkaitan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa boleh pakai juga kerana kalau apa yang dijalankan di dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat, isu yang sama telah saya buat keputusan. *You must accept this*, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini juga penting kepada Dewan, nama baik Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah pun saya putuskan tadi...

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Buang masa sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dan keputusan itu tidak menunjukkan bahawa Tuan Yang di-Pertua menghargai atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Don't question*, jangan pertikaikan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan, saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Don't do that*.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Duduk, duduk, duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak minta tanya sama ada apa yang dijalankan di dalam Dewan ini yang dilihat oleh rakyat, apa yang berlaku di dalam ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Barisan Nasional telah pun mengemukakan perkara yang sama dan telah pun saya buat keputusan. Saya minta pihak berkenaan untuk merujuk dan mengambil perhatian terhadap...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...cadangan yang telah dikemukakan dan teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Dan telah dikemukakan balik oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, jawapan yang sama. Yang Berhormat tidak perlu bangun lagi untuk mengemukakan perkara yang sama.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak sokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Cukuplah itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pihak RTM...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Pihak RTM jelasnya tidak hormat kepada keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak membetulkan keadaan sebelum...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan RTM dikeluarkan daripada Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat patuh kepada peraturan mesyuarat. Isu ini telah pun saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka langsung tidak hormati. Mereka harus dikeluarkan daripada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. cukup.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya minta mereka hormati keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Atau mereka dikeluarkan daripada Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta Yang Berhormat duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hanya dua jalan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mengelirukan rakyat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...ataupun dikeluarkan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mereka, RTM, mesti hormati Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mesti hormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa yang ditunjukkan dalam televisyen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat juga perlu menghormati Tuan Yang di-Pertua. Saya kata perkara ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita hormat. Kita takkan buat macam di Perak. Kita hormat sama Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara ini kita minta pihak berkenaan untuk mengambil perhatian.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi kita mohon dengan jasa baik supaya satu keputusan diambil terhadap RTM yang sedang mengelirukan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kita mohon dengan rendah diri kepada Tuan Yang di-Pertua yang paling...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat. Saya mohon Yang Berhormat duduk dan cukuplah dengan isu ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Keluarkan RTM.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Suruh mereka keluar sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Semua pun sudah keluar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...sama ada RTM menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua ataupun mereka jangan jalankan secara langsung. Jangan panggil dia secara langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta Bandar Kuching untuk teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak perlu ada siaran langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai, saya minta Yang Berhormat duduk.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: 'Jugam' duduk, 'Jugam' duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Bandar Kuching, teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan-rakan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh gulung, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak, belum, belum, baru mula sahaja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Isu ketiga...

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Ipoh Barat duduklah, bagi kawan peluang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Point of order* lagi sekali. Sekejap, kita ada masalah di sini, masalah rumit. Sekarang saya kawatir macam mana dia tidak ada lagi? RTM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah hilangkan diri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payahlah tegur macam itu, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya kawatir mahu buat *police report* kah apa kerana mereka hilang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu ini tidak sepatutnya dibawa dalam perbahasan ini, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ketiga ini yang saya akan bangkitkan adalah berkenaan polisi Bank Negara atas *hire purchase* kereta. Sejak beberapa tahun lalu, Bank Negara telah membenarkan tempoh pembayaran *hire purchase* itu dipanjangkan daripada 5 tahun ke 7 tahun dan selepas itu ke 9 tahun. Langkah ini adalah untuk menggalakkan atau memudahkan orang ramai untuk membeli kereta dan kononnya ia adalah untuk memberi satu faedah kepada pengguna-pengguna, tetapi sebenarnya ia tidak memanfaatkan para pengguna.

Selepas pelaksanaan polisi ini, iaitu memanjangkan tempoh pembayaran *hire purchase* ke 9 tahun, apa kesan yang telah kita tengok adalah peningkatan dalam kes-kes *default* pembayaran *hire purchase* itu.

■1030

Ia bermakna bahawa mereka yang tidak berkemampuan pun oleh sebab polisi kerajaan ini adalah amat menarik, oleh itu mereka merasa mereka pergi membeli kereta walaupun pendapatan mereka tidak dapat atau *they are cannot afford*. Ini adalah satu kesan. Kesan satu adalah kes-kes *default* itu meningkat dan juga oleh sebab lebih ramai orang beli kereta ia mengakibatkan trafik jam yang lebih teruk, kian hari kian teruk dan juga pencemaran udara.

Apa yang paling penting adalah kesannya kepada ekonomi negara kita keseluruhannya. Oleh sebab lebih pengguna-pengguna jalan raya membeli kereta maka sebahagian besar *disposable income* itu digunakan untuk membeli kereta, membayar pinjaman kereta. *Disposable income* ini yang bakinya, ia telah menjejaskan kegiatan-kegiatan bidang ekonomi yang lain. Kita sekarang mula merasai kesan ekonomi itu. *All the money has been concentrated in the payment, repayment of loan*. Oleh itu saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji balik polisi ini dan memendekkan tempoh pembayaran sewa beli. Isu keempat yang saya ingin sebutkan adalah mengenai caj-caj...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada mulanya tentang perjanjian sewa beli atau *hire purchase agreement* dengan izin, pada mulanya hanya dibenarkan 3 tahun sahaja – 36 bulan, selepas itu hingga 5 tahun – 60 bulan. Pada masa kini adalah dilanjutkan sehingga 9 tahun – 108 bulan. Inilah satu langkah yang diambil oleh institusi-institusi kewangan walaupun ada kawalan oleh Bank Negara.

Ini akan mengakibatkan ramai peminjam tidak ada masa yang panjang untuk membayar *hire purchase* sahaja, *insurance* sahaja, *installment* sahaja. Inilah satu urusan kewangan mereka akan menghadapi satu kesusahan khususnya dalam masa kemelesetan ekonomi ini.

Adakah apa-apa langkah dari Kementerian Kewangan melalui Yang Berhormat Bandar Kuching boleh bertanya Yang Berhormat Menteri untuk membantu mereka membayar *installment* yang tidak mampu ditanggung oleh mereka pada masa sekarang? Adakah ini satu langkah yang lebih positif dan boleh membantu para peminjam tentang perjanjian sewa beli ini? Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching bersetuju bagaimana kerajaan harus membantu mereka iaitu para peminjam ini yang menghadapi masalah-masalah tentang sewa beli ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang ini bukan mencelah, ini tumpang berucap Yang Berhormat. *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Boleh jugalah, tumpang, tumpang. Ini memang adalah satu kaedah jangka masa pendek, *short term solutions*. Apa yang saya sebutkan tadi adalah mengenai *long term* dan saya berasa bahawa polisi Barisan Nasional mestilah ditukarkan sekarang khususnya selepas 8 Mac, *political tsunami*. Dengan memanjangkan tempoh pembayaran *hire purchase* ini, ia hanya meningkatkan *sales* pekilang-

pekilang kereta dan ia hanya meningkatkan *revenue* syarikat-syarikat *core* sahaja dan akhirnya pengguna-pengguna dan rakyat jelata yang akan menderita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan mengenai jual beli Tuan Yang di-Pertua, oleh kawan saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Akan tetapi saya hendak tanya soalan ini, kenapakah kerajaan mengelirukan sesiapa yang menyewa atau meminjam wang dari bank-bank dan institusi kerana dia mendapat katakana tempoh bayaran sekarang telah ditingkatkan dari 3 tahun ke 9 tahun.

Nampaknya ini adalah satu usaha oleh kerajaan supaya lebih orang ramai membeli atau menyewa kereta-kereta. Akan tetapi kenapa kerajaan tidak memberitahu kepada pembeli-pembeli dan rakyat Malaysia bahawa *life span* oleh kereta-kereta hanya 3 tahun atau 4 tahun. Kancil sampai 5 tahun sepatutnya sudah luput. Kenapa kerajaan boleh memberi galakan, memberi macam mana, macam-macam faedah yang sebenarnya menipu, mengelirukan dan akhir sekali memiskinkan orang yang sudah miskin lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya punya Kelisa sudah 6 tahun, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Inilah apa yang saya telah sebut Barisan Nasional hanya mementingkan dan memberi prioriti kepada syarikat-syarikat besar dan *at the expends of the* rakyat jelata. Isu keempat...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bandar Kuching, Bandar Kuching, sedikit sahaja. Di atas *point* itu minta tambahan sedikit. Saya tertarik dengan persoalan mengatakan banyak aspek tanggungjawab Bank Negara yang agak mengelirukan. Saya mohon penjelasan, sejauh manakah setakat ini pengalaman Yang Berhormat Bandar Kuching melihat bahawa tahap interaksi masyarakat di dalam memahami aspek-aspek peraturan dan perundangan yang melibatkan Bank Negara. Ini adalah kerana pada pandangan saya, Bank Negara berada di dalam kedudukan bukan sebagai dengan izin *money making situation*. Ia lebih bersifat kepada ke arah pemudah cara orang tengah di antara rakyat dengan kerajaan, mengurus kewangan.

Dengan kekuatan Bank Negara yang ada, saya mohon penjelasan adakah merupakan tanggungjawab Bank Negara juga di dalam aspek literasi terutamanya dalam aspek *hire purchase* yang sering kali mengelirukan rakyat di dalam aspek-aspek kontrak yang amat teknikal dan mengelirukan yang hanya timbul apabila permasalahan timbul. Jadi saya mohon penjelasan atas nada memohon Bank Negara melakukan banyak kerja-kerja literasi bagi memahamkan rakyat mengenai aspek-aspek produk perbankan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Hmmm....

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Bandar

Kuching tentang tadi yang dikatakan *hire purchase* bagi tempoh 9 tahun ini amat tidak wajarlah. Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat iaitu kerana dengan 9 tahun *hire purchase term* ini [Disampuk] dan ini mengakibatkan yang tidak mampu bayar, kereta kena tarik balik, opsyen. Selepas itu masih hutang kepada bank atau institusi kewangan dan mereka diambil tindakan untuk *sue* mereka atau tindakan mahkamah untuk dijadikan bukti. Ini akan menjadikan satu keadaan lebih bankrap di kalangan peminjam.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, memang...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta maaf. Saya rasa biar saya jawab dahulu. Ya, Yang Berhormat Padang Serai. Biar saya jawab dahulu, nanti, nanti. Saya telah kata, Bank Negara tugasnya seharusnya untuk menjaga orang ramai. Akan tetapi setakat ini Bank Negara hanya mementingkan syarikat-syarikat besar yang kroni Barisan Nasional. Langkah memanjangkan tempoh pembayaran *hire purchase* ini hanya menguntungkan syarikat-syarikat tol oleh sebab lebih kereta, lebih orang membayar tol. [Ketawa]

Seorang Ahli: Ya, ya...

■1040

Ia menguntungkan pekilang-pekilang Proton, Perodua, syarikat-syarikat besar ini adalah kroni UMNO dan syarikat-syarikat Petronas. Oleh itu, saya menyeru supaya polisi Bank Negara boleh diubah. Okey, isu keempat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ada mengenai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:...ganggu, mengenai caj-caj bank. Kita telah sebut di kedua-dua belah Dewan ini, telah sebut beberapa kali caj-caj bank yang begitu tinggi. [Menyampuk] Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat, kalau tidak silap adalah Timbalan Menteri Kewangan. Dahulu dalam Dewan ini adalah mereka akan mengeluarkan satu garis panduan atas apa-apa caj yang boleh dikenakan oleh bank. Akan tetapi, hampir hari ini saya masih teliti bahawa caj-caj yang dikenakan bank itu tiada perubahan langsung, tidak terkawal langsung. Saya ambil satu contoh, *bankruptcy search* yang dijalankan. Jikalau awak pergi *internet online search*, RM10 harus dibayar kepada pihak insolvensi untuk menjalankan *bankruptcy search*. Akan tetapi, ada bank yang mengenakan caj RM50 hingga RM60 satu *search* dan *also standard document, standard form document*. Ini hanya untuk pencetakan sahaja. Kos pencetakan ini hanya amat murah. Akan tetapi, saya lihat ada di kalangan bank-bank mengenakan *charge* untuk satu transaksi pinjaman. Mengenakan caj RM100 hingga RM200

untuk satu set *form* dokumentasi yang *standard form* ini. Adakah ini munasabah? Mengenai cek, saya diberitahu oleh Yang Berhormat Batu Gajah bahawa dahulu adalah amalan di kalangan *business* bahawa *payee*, siapa itu *payee*? Orang yang mengeluarkan cek tidak tulis, tidak mengisi nama *payee*. Dia hanya tulis jumlah berapa dan tandatangannya dan memberi cek kepada si penghutang, *creditor*. Kemudian, *creditor* ambil itu cek tulis nama sendiri. Akan tetapi, cek ini ditolak oleh sesetengah bank kerana tulisan tangan adalah berbeza. Adakah ini munasabah?

Selepas cek ini ditandang, pengeluar cek dikenakan caj lagi, RM10 atau RM20 dan juga dengan tunggakan mereka yang *default* atau *late payment*, *administrative charge*, *penalty interest*, semua akan dikenakan. *Amount* yang di *charged* itu biar sahaja bank sendiri untuk menentukan. Oleh itu, saya menyeru sekali lagi supaya Bank Negara boleh mengeluarkan garis panduan ini dengan secepat mungkin. Ini bukan satu perkara yang amat susah. Itu *like standard form document*, setiap hari berpuluh-puluh, beratus-ratus orang yang meminjam daripada bank dan mereka dikenakan *charge* ini yang begitu tinggi, beberapa ratus satu set dokumentasi dan ini tidak kira *legal fees* lagi.

Perkara akhir yang ingin saya bangkitkan, akhirnya Tuan Yang di-Pertua, *please bear with me*. Ia adalah mengenai *Islamic banking*. Di bawah *Islamic banking* itu adalah prinsipnya adalah, peminjam itu menjual hartanya kepada bank dan beli balik. Okey, sebagai contoh, itu jual dan beli balik. Harga jualnya adalah *amount* pinjaman yang dikeluarkan dan beli balik ini adalah *amount* pinjaman yang dikeluarkan tambah semua faedah, *interest* yang dikenakan sepanjang tempoh pembayaran itu. Misalannya, kalau seorang itu meminjam RM200,000 dan tempoh pembayarannya adalah 20 tahun, kadar interest 5 % maka, dia jual kepada bank dengan harga RM200,000 dan dia beli balik daripada bank dengan harga RM400,000. Okey, ini adalah di atas prinsip syariah *Islamic banking* dan sekiranya dia *default* selepas satu tahun pinjamannya dikeluarkan, bank berhak untuk menuntut segala RM400,000, *amount* tolak *whatever* apa yang telah dia bayar, kalau satu tahun dia sudah bayar RM20,000, bank berhak di bawah prinsip syariah untuk menuntut dalam mahkamah RM398,000. Ini adalah selepas satu tahun dia ambil pinjaman. Dengan *amount* ini, bank akan memfailkan kes dalam mahkamah.

Selepas *judgment* dikeluarkan oleh mahkamah, *judgment* ini adalah untuk menyuruh bahawa peminjam ini akan membayar RM398,000 kepada bank. *Judgment debt* ini akan dikenakan lagi faedah pada kadar 8% setahun. Ini kerana, ia adalah *judgment debt*, ia di peruntukan dalam undang-undang. Oleh itu, saya berasa ada *observation* daripada hakim-hakim di mahkamah bahawa ini adalah tidak adil kerana *you are charging future interest on the borrower*. Selepas *judgment*, *because judgment debt*, *interest upon interest* lagi. Hakim-hakim mahkamah mengatakan ini tidak adil tetapi tangan mereka terikat, *our hands are tied* kerana ini adalah di peruntukan di bawah undang-undang. Ini adalah prinsip *Islamic banking*. Oleh itu, saya harap Menteri Kewangan dan Bank Negara boleh memberi pertimbangan atas perkara ini.

Jangan kita melayan peminjam-peminjam di bawah *Islamic banking* dengan prinsip-prinsip *Islamic banking* yang begitu tidak adil. Ini adalah peruntukan undang-undang, hanya boleh diubah atau diperbetulkan dengan penggubalan atau *amendment to the law*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memberi peluang lebih ramai Ahli Parlimen turut serta dalam perbahasan ini, saya ingin mengehadakan masa perbahasan tidak lebih daripada 20 minit. Saya jemput Yang Berhormat Ledang.

10.49 pg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan sebelah sini, menyokong rang-rang undang-undang ini, yang sebelah sana tidak tahu lagi. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya merujuk kepada fungsi Bank Negara ini banyak dan saya ingin mengaitkan dengan perkara-perkara yang menjadi masalah kepada ramai di kalangan rakyat Malaysia terutamanya saya tidak jemu hendak membangkitkan sekali lagi soal CTOS dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang selalu disebutkan, sampai sekarang pun tidak ada satu ketegasan daripada pihak kementerian tentang rujukan yang dibuat oleh bank-bank tempatan yang sudah pasti diselia oleh Bank Negara terhadap penggunaan CTOS.

■ 1050

Walaupun saya difahamkan dan kita terima baik arahan daripada pihak kerajaan supaya bank-bank ini tidak merujuk 100% kepada CTOS tetapi bank-bank tempatan terutamanya di peringkat cawangan mudah membuat keputusan sama ada melewati ataupun menggagalkan permohonan pinjaman seseorang hanya semata-mata nama pemohon pinjaman ada dalam CTOS.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua dalam CTOS banyak nama yang tidak *update* ataupun nama salah dan sebagainya tapi bank tempatan mudah membuat keputusan hanya semata-mata kerana nama seseorang itu ada dalam CTOS. Ini yang menjadi masalah. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan misalnya membuat permohonan untuk mendapatkan pinjaman daripada sebuah bank. Dia sudah *sign* kontrak jual beli dengan pihak pemaju dengan harga sekian, tetapi oleh kerana proses pinjaman lewat, dia dapat tapi lewat daripada pihak bank. Kelewatan kerana mendapatkan *clearance* daripada CTOS dan sebagainya terpaksa keluar modal untuk mendapatkan khidmat peguam. Lewat urusan kelulusan pinjaman tersebut maka peminjam dikenakan *interest* ataupun faedah oleh penjual rumah yang hendak dibeli. Ini menyusahkan. Bukan satu atau dua kes Tuan Yang di-Pertua. Banyak kes dalam negara kita.

Jadi saya mintalah dalam Dewan yang mulia ini walaupun katanya ada rancangan, hendak dikaji semula tapi saya hendakkan satu ketegasan dan tindakan yang pantas supaya CTOS ini tidak menjadi keutamaan kepada bank-bank. Cukuplah dengan CCRIS dan sebagainya

lebih-lebih lagi dalam suasana sekarang. Kita hendak mempercepatkan proses pemulihan ekonomi, kita hendak mempercepatkan proses *multiplier effect* kepada ekonomi hasil daripada jualan rumah dan sebagainya tetapi *loan* lambat dengan sebab CTOS. Ini semua menyukarkan keadaan Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mintalah supaya CTOS ini menjadi keutamaan kepada pihak kementerian supaya bank-bank tidak taksud dengan CTOS.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk walaupun saya yakin fungsi Bank Negara juga ada kaitan dengan insurans kerana insurans ini *collect* duit. Bank tempatan meminta supaya kita beli insurans dan sebagainya. Insurans kepada kereta *third party* ini, pihak ketiga akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua insurans *third party* naik 200%. Kalau dahulu setakat bayar RM200 lebih, sekarang RM400. Ramai rakyat dalam kawasan saya datang YB sekarang ini kerajaan kenakan, pada rakyat kerajaan walaupun datang daripada insurans...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Menyampuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kita bercakap perkara yang betullah. Jadi yang ini pun Bank Negara perlu tengok. Jangan dengan sewenang-wenangnya syarikat insurans membuat kenaikan harga yang patut dibayar kepada insurans semata-mata kerana keuntungan syarikat tersebut. Biasanya Tuan Yang di-Pertua apabila kita sudah habis hutang kereta lama, kereta antik kita beli insurans pihak ketiga atau *third party* cukup tapi kenaikan kadar bayaran kepada insurans tersebut sangat besar akhir-akhir ini 200%. Ini juga pada saya perlu dilihat. Kita tidak boleh pandang ringan kerana umumnya masyarakat dalam negara kita yang memiliki kenderaan, motosikal terutamanya Tuan Yang di-Pertua kalau dahulu cuma bayar RM50 hingga RM80 sekarang RM200. Berat kepada mereka, berat untuk mereka beli insurans.

Jadi ini saya minta, rakan-rakan juga minta ramai yang bersetuju supaya dilihat dan kita mintalah kepada pihak insurans yang dikawal selia oleh Bank Negara ini supaya jangan sewenang-wenangnya mengambil keuntungan dalam situasi sekarang ini yang menyusahkan...

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, orang sebelah saya hendak tanya boleh Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru Sekolah Islam Adni dan juga rombongan kita daripada masyarakat setempat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Daripada mana itu Yang Berhormat, Maran?

Datuk Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Sebahagian daripada Maran, sebahagian daripada Kuala Lumpur, Ulu Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Kita tahu bahawa bank tempatan, bank kewangan dan sebagainya sebuah institusi kewangan dan juga syarikat insurans ini memang penting dalam kehidupan masyarakat kita sehingga ke luar bandar keperluan kenderaan dan sebagainya. Kalau kita lihat dalam akta ini pun kita tengok peranan Bank Negara saya nampak Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang Bank Negara ini bagi masyarakat luar bandar mungkin agak jauh. Pada mereka yang dekat ialah bank-bank tempatan seperti BSN, CIMB, Maybank dan sebagainya dan apabila masyarakat menghadapi masalah dengan bank-bank termasuklah syarikat insurans tadi, jadi pengguna-pengguna atau masyarakat ini sudah hilang di mana mereka hendak cari. Sebab pada mereka merasakan Bank Negara ini terlalu tinggi statusnya .

Jadi kalau kita lihat kepada peranan Bank Negara bukan sekadar mengeluarkan duit, bukan sahaja hendak mengendalikan dasar kewangan, dasar monetari negara bahkan juga menyelia institusi kewangan peranan mereka. Apakah peraturan yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan dan sebagainya termasuklah mungkin memberikan pandangan.

Kalau tidak silap saya baru-baru ini Menteri Kewangan ada Bank Negara mengeluarkan satu pamflet kepada masyarakat apakah caranya bagaimana mereka boleh mendampingi ataupun mendekati Bank Negara dalam menghadapi masalah-masalah kewangan yang berkaitan seperti yang saya sebutkan tadi.

Akan tetapi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat supaya kita tidak melihat bahawa Bank Negara ini ialah bank untuk bank-bank sedangkan peranan Bank Negara lebih luas daripada itu. Jadi apakah caranya supaya Bank Negara ini Menteri Kewangan ini turun padang bahkan setengah negeri mungkin Bank Negara sebahagiannya sudah ditutup. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, setuju atau tidak setuju dengan pandangan saya?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Maran, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang rakan saya di sebelah ini mencelah. Jadi saya jadikan itu sebahagian daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tapi pada dasarnya saya bersetuju dengan pandangan beliau. Begitu juga harga belian untuk mendapatkan perlindungan insurans daripada tahap insurans-insurans yang lain selain daripada *third party* yang juga sekarang harganya naik. Kalau dahulu RM1,000 sekarang RM2,000. Jadi pada saya kesemuanya membebankan. Akhirnya rakyat menyalahkan kerajaan seolah-olah kerajaan tidak melihat perkara ini. Sekarang ini kadang-kadang kenaikan yang tidak merujuk kepada pihak kementerian.

Saya fikir patutlah sewajarnya pihak kementerian lihat supaya biarlah kita berkongsi kesenangan dan juga kita berkongsi kesusahan. Jangan kita berkongsi kesenangan tapi waktu susah mereka seorang sahaja yang senang. Kita hendakkan supaya sama-sama senang, sama-sama susah. Pihak pembangkang pun sama-sama senang, sama-sama susah. Kita prihatin, dia prihatin...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh tanya pandangan sedikit..., boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Ledang. Sementara sahabat saya yang mewakili Barisan Nasional di sebelah sana, saya hendak ambil peluang untuk tanya pendirian Yang Berhormat. Dalam pembentangan rang undang-undang ini kita tengok ada satu para yang tidak seberapa *significant* iaitu tentang industri kewangan Islam atau berbentuk syariah yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebelum pada ini. Kita tahu kalau Yang Berhormat ikutlah beberapa bulan dahulu dua orang daripada rakyat Malaysia telah dilantik untuk menduduki kerusi di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu tentang hal ehwal mengkaji potensi *Islamic financial development*, dua orang. Satu Profesor Dr. Jomo, yang kedua Gabenor Bank Negara sekarang Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Abdul Aziz.

■ 1100

Namun sehingga hari ini rasanya, kita ada satu promosi besar-besaran mengatakan bahawa Malaysia adalah negara yang paling berpotensi sekali, yang diberi tanggungjawab di peringkat antarabangsa untuk memformulasikan potensi ataupun eksploitasi tentang amalan berdasarkan kewangan syariah dan Islam ini.

Hari ini ada satu para kecil sahaja dalam rang undang-undang ini yang menyebut sekali lalu, berkenaan dengan kedudukan syariah *law* berkenaan dengan kewangan ini yang hanya menyentuh tentang fungsi penasihat. Panel penasihat terhadap isu yang berkait dengan kewangan Islam. Apa pendirian Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun datangnya dari pihak Pembangkang, saya rasa ini pandangan yang bernas. Saya hendak menjurus ke situ tadi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini pandangan bernas dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya juga hendak sambung pertanyaan itu. Kita hendak juga maklum balas daripada pihak kementerian tentang banyak cadangan dahulu, terhadap penggunaan dinar mas. Saya yakin ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi. Saya sambung tentang kesusahan rakyat ini. Seperkara lagi tentang jumlah overdraf, dalam bahasa Melayu apa?

Sekarang ini kebanyakan pengusaha-pengusaha dan usahawan yang ada kemudahan overdraf ini daripada pihak bank, bukan mula resah Tuan Yang di-Pertua, bertambah resah. Ini kerana limit overdraf tersebut mula dikurangkan oleh pihak bank. Kalau dahulu RM1 juta dikurangkan kepada RM900 ribu. Baru bayar RM800 ribu sepatutnya ada *balance* lagi untuk

digunakan RM200 ribu tinggal RM100 ribu. Projek berjalan. Kalau ada overdraf RM100 ribu dikurangkan kepada RM90 ribu. Tahun hadapan kurang lagi 10%. Tahun hadapan kurang lagi. Saya rasa ini bukan kaedahnya Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu memulihkan ekonomi sebab nampak bank ini tidak berkongsi sewaktu susah.

Ini yang patut Bank Negara tengok. Jangan mudah membenarkan bank-bank tempatan mengurangkan limit overdraf. Begitu juga saya difahamkan walaupun saya memang tidak suka dengan kredit kad ini. Ramai juga rakan-rakan sekarang yang telah menerima notis daripada pihak bank, supaya limit kredit kad juga dikurangkan 10% setiap bulan. Pada pendapat saya, dalam keadaan sekarang waktu sama-sama susah, mereka tumpang senang seorang sahaja. Boleh Tuan Yang di-Pertua bagi sedikit sahaja pada Yang Berhormat Kuantan?

Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Ledang bercakap berkenaan dengan tidak menyusahkan rakyat. Kita hendak buat dasar-dasar yang menyenangkan rakyat. Saya ucapkan tahniah sebab di sini kita berkongsi, kita sama, sama ada Yang Berhormat Ledang ataupun kami, semua hendak buat yang terbaik untuk rakyat.

Saya hendak bertanya apa pandangan Yang Berhormat Ledang berkenaan dengan keputusan baru-baru ini iaitu berkenaan dengan rebet 10% insurans. Apabila kita memperbaharui insurans kereta, kita sebagai pengguna kalau kita pergi ke ejen, ejen yang dapat 10% itu. Akan tetapi sekarang dasar yang baru ialah apabila mereka terus kepada *company* ataupun *insurance company*, maka *insurance company* itu boleh bagi rebet kepada orang yang memperbaharui insurans motor. Bukankah ini satu dasar yang menyusahkan rakyat? Minta Yang Berhormat Ledang beri pandangan sedikit. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun datangnya dari Kuantan, saya pun bersama dengan Yang Berhormat Kuantan dalam soal ini. Prinsip saya mudah, "*susah sama susah senang sama senang*". Saya minta pihak kementerian menjawab. [Ketawa]

Tadi saya bangkitkan tentang *loan* dan begitu juga kredit kad. Walaupun saya tidak gemar kredit kad yang ini juga perlu dilihat oleh pihak Bank Negara, supaya jangan sewenang-wenangnya menyusahkan rakyat dalam keadaan sekarang. Akan tetapi saya setuju kalau pada peringkat awal penggunaan kredit kad ini diperketatkan, sebab ramai sekarang Tuan Yang di-Pertua, Saya menerima laporan lebih kurang 10% daripada pemegang kad kredit terdiri daripada belia yang berumur kurang dari 25 tahun, yang boleh jatuh bankrap kerana tidak membayar kredit kad.

Ini patut Bank Negara lihat. Jangan bank sewenang-wenangnya memberikan kemudahan kredit kad kepada pelajar. Walaupun ayahnya kaya, *parents* dia kaya tetapi dia belum lagi ada pendapatan yang tetap. Ditakdirkan ibu bapanya meninggal, dia tidak mampu bayar kredit kad dan jatuh bankrap. Ini kepada saya mesti ada limit dan jangan sewenang-

wenangnyanya kita beri kredit kad hanya kerana hendak tumpang senang tetapi tidak mahu tumpang susah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya kepada pihak kementerian iaitu... Yang akhir ini ada dua perkara. Satu ketika bank mudah menukar nama, tukar jenama dari Bank Bumiputera kepada bank... Akhirnya sekarang CIMB. Sudah hilang perkataan bumiputera itu. Akan tetapi bila tukar bank dan nama bank, nama yang tercatat dalam sesuatu hartanah misalnya tanah berubah.

Pejabat Tanah akan dikenakan caj kepada pemilik tanah kerana tukar nama penggadai, bank yang memberikan pinjaman. Kita kena caj, bank tidak bayar caj itu. Apabila sampai waktunya kita selesai hutang, kita hendak dapatkan geran semula ada caj-caj tertentu. Rupa-rupanya caj kerana tukar nama bank. Ini kepada saya Tuan Yang di-Pertua, amat tidak wajar kalau pihak Pejabat Tanah mengenakan caj kepada tuan punya tanah dan bank terlepas. Apabila kita rujuk kepada bank ini adalah urusan antara Pejabat Tanah dengan tuan punya tanah.

Ini juga pada saya Tuan Yang di-Pertua, tidak praktikal malah menyusahkan kerajaan. Ini saya mintak pihak kementerian lihat, supaya jangan sampai hanya kerana tukar nama bank, kerana percantuman bank akhirnya kita kena bayar duit yang dikenakan oleh Pejabat Tanah sebab tukar nama bank.

Paling akhir Tuan Yang di-Pertua ialah tentang di mana logiknya? Ini saya diminta untuk bertanya oleh rakan-rakan di mana logiknya. Misalnya saya ada sekeping cek yang saya hendak *bank in* kepada bank yang kita ada akaun akan tetapi masuk dalam peti. Tunggu tiga hingga empat hari kemudian cek tersebut diproses oleh satu pusat pengumpulan cek-cek yang dikutip, yang diurus oleh sebuah syarikat lain.

Bukan bank tetapi syarikat lain seolah-olah bank memberikan peluang perniagaan kepada syarikat lain hanya kerana mengurus cek. Sedangkan cek itu cek bank tersebut, kita hendak *cash* kan pada waktu itu. *[Ketawa]* Pada saya menyusahkan juga, dan sepatutnya dilihat oleh pihak bank. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini tetapi saya meminta supaya perkara-perkara yang dibangkitkan itu, mendapat perhatian dan jawapan dari pihak kementerian. Sekian terima kasih.

■1110

11.10 pg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *Assalamualaikum Warahmatullaah.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam perbahasan ini saya ingin menarik perhatian, dalam satu tajuk yang perlu diberi perhatian. Iaitu dalam bahagian yang ketujuh iaitu perniagaan kewangan Islam, yang merupakan satu lambaran baru dalam kegiatan ekonomi..

Bukan sahaja di peringkat antarabangsa bahkan diberi perhatian di negeri-negeri. Bukan sahaja di negeri orang Islam termasuk di negeri-negeri yang bukan Islam. Dalam melaksanakan sistem Islam ini, saya ingin mengingatkan beberapa perkara yang pernah disebut oleh seorang

ulama dan pemikir Islam yang terkemuka daripada India Almarhum Maulana Abul Hasan Ali Hasni Nadawi.

Dalam satu tulisan beliau mengatakan bahawa pelaksanaan Islam itu mengandungi dua keadaan sama ada melaksanakan di atas dasar hidayah, petunjuk kepada tuhan ataupun atas dasar *jibayah* semata-mata untuk mengambil kesempatan dari aspek-aspek keuntungan dengan menafikan perkara-perkara yang dilihat tidak memberi keuntungan kepada aspek kebendaan. Kita melihat perhatian kepada sistem kewangan Islam ini berpunca daripada keruntuhan komunisme di abad yang lalu dan merudumnya sistem liberal kapitalisme di abad ini.

Kalau komunisme merudum walaupun mereka mengharamkan riba tetapi tanpa asas agama. Dalam masa yang sama mereka mengharamkan keuntungan tanpa akhlak, ini sebab keruntuhan mereka. Ada juga yang mengaitkan kapitalisme yang menjadi punca keruntuhan mereka ialah menghalalkan riba yang menjadi dosa besar dalam Islam. Mereka menghalalkan keuntungan tanpa batasan akhlak. Bagi orang Islam akan melihat benarnya mukjizat Al-Quran Nur Karim yang tidak mampu dibaca oleh akal manusia. Kita melihat bagaimana sistem riba memamah sistem ekonomi liberal kapitalisme yang dianggap kaya raya dan diberi perlindungan oleh kuasa-kuasa besar dunia di negara barat.

Walaupun Islam tidak mengenakan hukum yang keras terhadap mereka yang melakukan kesalahan riba seperti hukum qisas dan hudud. Saya pernah sebut dalam Dewan ini dan saya ingin mengulangi sekali lagi pada hari ini. Al-Quran ialah memberi amaran, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] surah al-Bakarah; "*Wahai orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggallah saki baki daripada riba. Jika sekiranya kamu melakukan ataupun degil terus melakukan amalan ini bermakna kamu mengizinkan Allah SWT dan rasul mengisytiharkan perang terhadap kamu. Jika sekiranya kamu bertaubat, maka untuk kamu ialah modal-modal asal kamu dalam keadaan kamu tidak menzalimi orang lain dan kamu juga tidak dizalimi*".

Kami mengalu-alukan di dalam bahagian perniagaan kewangan Islam ini. Akan tetapi kita mestilah kembali kepada prinsip dan konsep Islam. Prinsip Islam yang berlandaskan kepada akidah, perhitungan dosa dan pahala. Konsep amar makruf nahi mungkar. Dalam amalan perbankan Islam ini, kita jangan lupa bahawa perkara amanah satu perkara yang sangat besar. Kita tidak boleh bergantung dengan undang-undang yang tersurat. Dalam masa yang sama kita mestilah hendak menyelesaikan perkara yang tersirat di dalam hati manusia.

Melahirkan petugas-petugas yang amanah. Kita perlu melihat dalam sejarah Islam menunjukkan 1,400 tahun yang lalu, sebenarnya Islam memulakan muamalah bank apabila nabi kita Muhammad SAW yang melakukan hijrah 1430 tahun yang lalu. Barangkali banyak di kalangan orang Islam ini tidak sedar bagaimana ketika melakukan hijrah itu nabi kita Muhammad SAW menugaskan menantunya Ali bin Abi Talib R.A. supaya mengembalikan amanah yang disimpan kepada Rasullulah SAW. Di sini menunjukkan di sana terdapat di kalangan penduduk

Mekah walaupun mereka bukan Islam, mereka menyimpan barang-barang mereka kepada Nabi Muhammad SAW.

Ini adalah muamalah bank yang pertama yang dilakukan. Di mana baginda menerima simpanan ini sebagai amanah untuk disimpan ataupun dijadikan sebagai pinjaman untuk dilakukan secara mudarabah.

Amanah memberi kepercayaan kepada pelabur-pelabur, memberi kepercayaan kepada semua pihak. Amanah merupakan satu perkara yang sangat penting yang hanya boleh ditanam di dalam diri manusia melalui pembangunan manusia. Hari ini perkara yang sangat penting. Kedua, konsep sambung lagi perkara yang menarik di dalam sejarah Islam kita. Apabila urusan amanah ini dilangsungkan oleh Zubir bin Awang seorang sahabat yang terkenal sebelum meninggal dunia, beliau adalah seorang yang amanah.

Banyak kalangan-kalangan menyimpan wang kepada Zubir bin Awang ataupun menyerahkan amanah. Beliau meminta supaya setiap amanah yang diberikan kepadanya hendaklah dilakukan muamalah secara mudarabah. Apabila beliau merasakan usianya sudah lanjut, beliau berwasiat kepada anaknya supaya membayar hutang-hutang, menyerahkan balik segala barang-barang amanah yang disimpan kepadanya. Apabila beliau meninggal dunia anaknya Abdullah bin Zubir mengumumkan di musim haji selama empat tahun sesiapa yang menyimpan ataupun memberi hutang kepada Zubir sila beritahu.

Dalam masa empat tahun, kalau masa sekarang kalau macam itu banyak orang mengaku. Ini menunjukkan bagaimana amanahnya generasi awal. Dalam masa empat tahun setelah dia selesaikan hutang, dipulangkan amanah dia dapati duit berbaki sebanyak, tidak silap saya 30 juta dinar. Di sini menunjukkan bagaimana muamalah bank dilakukan oleh Zubir bin Awang sejak 1,300 tahun yang lalu.

Bagaimana Saiful Dawlah Al Hamadani seorang Raja di daerah wilayah Islam di zaman Abbasiyah. Apabila datang ke Baghdad beliau dan pengikut-pengikutnya mengiringnya makan di satu restoran. Oleh kerana bayarannya banyak, tidak boleh bayar dengan dinar, kalau dibawa berat, terhad. Lalu beliau tulis pada kertas kepada orang punya restoran itu dan minta supaya dia ambil bayarannya di Baitul-Maqdis. Ini adalah muamalah cek yang pertama dalam sejarah manusia. Ini banyak perkara yang tersirat yang perlu kita kaji dan halangan ekonomi boleh mengkaji secara yang lebih mendalam.

Konsep yang penting dalam muamalah Islam ialah amar makruf nahi mungkar. Riba adalah mungkar dalam mengendalikan urusan perbankan Islam ini kita hendaklah menuju ke arah menghapus sistem riba itu. Saya tahu perkara ini tidak boleh dilakukan dalam masa yang cepat, perlu makan masa. Akan tetapi kita hendaklah mengambil tindakan ke arah menunjukkan baiknya sistem Islam ini sebagai alternatif pada sistem riba. Dalam hal ini saya mencadangkan supaya operasi bank Islam bukan sahaja bergantung kepada al-Bai' Bithaman Ajil, yang

keuntungannya yang dipertikaikan oleh rakan-rakan kerana terlalu besar yang perlu dikaji semula.

Ada orang mengatakan kalau di campur bayaran itu dengan *interest*, dengan riba lebih kurang sahaja. Di sini ada kekurangan, saya harap pihak ekonomi mesti kaji dengan mendalam apakah alternatif yang baik dan cara yang lebih baik yang berakhlak supaya tidak wujud penindasan. Yang kedua, hendaklah digalakkan sistem mudarabah.

■ 1120

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ustaz, maaf saya minta penjelasan sikit. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Marang, kenapa di dalam dua kerangka perbankan Islam ini, iaitu kerangka hutang, dengan izin, *debt base* dan juga kerangka *equity base*, atau perkongsian, menunjukkan bahawa keghairahan di dalam memperbanyakkan produk-produk ataupun industri ini, ke arah industri hutang. Padahal saya mengatakan dengan *Qadul Hassan*, *loan* dan sebagainya, musyarakah dan sebagainya, tetapi yang banyak diangkat ialah bukan yang itu tetapi yang diangkat ialah mudarabah, premis bithaman ajil yang mana bersifat, ya, lebih bermotifkan keuntungan yang lebih jelas.

Akan tetapi ke arah membantu yang mana mendasari keadilan sosial yang saya yakin Islam mengangkat agenda itu agak kurang ditekankan malah kurang mendapat tempat. Jadi saya nampak seolah-olah motifnya tidak seperti yang diangkat oleh Yang Berhormat Marang, motif amanah, motif membantu masyarakat tetapi lebih motif bersifat keuntungan dan itu terbukti dengan fakta. Yang mana dalam ruang lain saya akan berhujah di mana banyak *debt security* ini banyaknya ingkar ataupun *default*. Itu saya mohon penjelasan, kenapa industri yang lebih bersifat membantu itu tidak berkembang dengan baik...

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Ya, saya bersetuju dengan..., nanti habis ini dulu ya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Balik Pulau. Saya ingin menjelaskan bahawa konsep berhutang dalam Islam adalah konsep tolong-menolong, tolong-menolong di kalangan manusia. Oleh sebab itu dalam hadis Isra' dan Mikraj, kita di musim Isra' dan Mikraj, Nabi SAW. Melihat, bagaimana ditulis; "*Mereka yang memberi hutang diberi pahala 17 kali ganda, yang memberi sedekah 10 kali ganda*"

Lalu Nabi bertanya Malaikat Jibril; "*Mengapa beri hutang pahala lebih besar, beri sedekah lebih kecil?*" Jibril menjawab, "*mereka yang berhutang dan mereka yang kesempitan, yang kesusahan, yang diberi sedekah ini kadang-kadang kerjanya minta sedekah, ia senang, ini berlaku, mereka yang berhutang terdesak*".

Oleh sebab itu jangan kita mengambil kesempatan dengan mereka yang terdesak ini. Oleh sebab itu, saya setuju supaya bank Bithaman Ajil ini dikaji semula dan mudarabah merupakan satu sistem yang digalakkan dengan cara yang berpatutan. Di sana ada lagi muamalah Islam yang perlu dilaksanakan *al-Qadul Hassan* iaitu pinjaman tanpa *interest*, tanpa

faedah. Faedah sebenarnya tidak ada faedah, nama sahaja faedah, tanpa riba. Kita melihat seolah-olah tidak memulangkan keuntungan, sebenarnya *al-Qadul Hassan* yang diberikan kepada kalangan miskin tanpa riba, tanpa faedah ini menggalakkan produktiviti dan dalam amalan ada barakah. Barakah ini tidak ada dalam istilah ekonomi barat, merupakan aspek spiritual yang menggerakkan hati rakyat untuk bekerja dan beramanah dan ikhlas yang melahirkan pertumbuhan seperti mana disebut dalam al-Quran Nur Karim... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Kalau sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, nasihatkannya bukakan untuk mereka keuntungan, kemewahan yang melimpah ruah yang datang dari langit dan keluar dari bumi, ini janji dari Tuhan”.

Al-Qadul Hassan pinjaman tanpa riba, tanpa faedah langsung di kalangan miskin. Ini suatu perkara yang digalakkan dengan pemantauan, dengan perhatian yang dibuat oleh semua pihak supaya dikendalikan dengan cara yang sebaik-baiknya. Kita tak nafikan di sana ada orang yang tidak berakhlak yang meminjam, menyalahgunakan pinjaman, tidak dinafikan tetapi di sana ada orang yang ikhlas. Orang yang ikhlas inilah yang perlu kita bina dengan sebaik-baiknya.

Di sana ada zakat, zakat tidak boleh dibiarkan Jabatan Agama sahaja mengendalikan urusan zakat ini. Bank sendiri boleh mengendalikan urusan zakat dengan cara yang sebaiknya. Dan di sana ada wakaf, harta-harta wakaf yang terbengkalai, yang dibiarkan puluhan tahun, ratus tahun pun tak tahu, tak dilaburkan. Ini kita bertanggungjawab untuk menghidupkan pelaburan ini dan di sana ada pelaburan asing, muamalah Islam. Ini perlu digalakkan muamalah Islam ini dan kita tingkatkan di peringkat antarabangsa muamalah Islam.

Kita tahu banyak negara Islam yang kaya-raya melabur di bank-bank di barat, di Amerika, di Eropah, 99% saya berani katakan begitu, mereka laburkan di sana untuk bantu tak pasal-pasal. Bantu negara lain sedangkan di kalangan kita sendiri dalam keadaan yang merempat yang perlu ditolong. Ini menyalahgunakan kekayaan, kita perlu mengambil pengaruh melalui OIC dalam kegiatan ekonomi, dalam hal ini, *foreign exchange*, pertukaran wang asing. Mengapa kita bergantung kepada Dolar Amerika? Saya dah percaya Dolar Amerika ini, mungkin dia cetak kertas sahaja, kita pun tak tahu.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Boleh mencelah Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Dengan tidak ada saranan, kita tak tahu, tak tahu, kita merdekakan ekonomi kita. Sekian.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Marang. Sebelum itu saya ini Tuan Yang di-Pertua suka meraikan tetamu. Saya nak ucapkan selamat datang kepada pemimpin wanita kita di belakang daripada Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Daripada Maran ya. Ramai daripada Maran Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Marang. Bagi saya sebagai orang Islam bahkan di sebelah sini pun termasuklah Menteri Kewangan kita, saya ingat tidak menolak apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Marang ini. Cuma saya nak minta pandangan Yang Berhormat, saya tertarik apa yang pernah Yang Berhormat utarakan tentang masalah perpaduan, bukan saya nak politik Yang Berhormat, minta maaf sebab perpaduan ialah yang diwajibkan oleh Islam dan memperjuangkan undang-undang Islam juga kewajipan kita. Tidak kira pembangkang, Barisan Nasional dan sebagainya. Bahkan pada saya yang dibawa oleh agama Islam ini semuanya baik, boleh diterima oleh agama lain, boleh diamalkan oleh bangsa lain kerana untuk kebajikan, keselamatan, tak akan pembangkang seperti DAP dan sebagainya tak mahu selamat, semua nak selamat.

Persoalan saya sekarang, boleh tak apa salahnya daripada pihak Yang Berhormat seperti mana Yang Berhormat pernah cadangkan tentang perpaduan ini kita duduk bersama dengan Barisan Nasional dengan UMNO dan Menteri Kewangan kita untuk kita melihat balik apakah pendekatan yang boleh kita ambil sebagai pelaksanaan undang-undang kewangan dapat seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi dalam masa yang sama, bukan sahaja hasrat Yang Berhormat, hasrat saya dan Ahli-ahli Parlimen yang lain dalam Barisan Nasional ini boleh dipenuhi bahkan kita dapat melaksanakan undang-undang...

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Yang Berhormat Pokok Sena saja yang tak setuju.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: ...Apa yang cukup baik, yang cukup kita terima, memang ini hakikatnya.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Batu Pahat ketagih bercakap kah.

Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Apa pandangan Yang Berhormat? Apa salahnya kalau Yang Berhormat daripada sini yang mempunyai pemikiran yang cukup ikhlas ini bersama dengan kita, duduk bersama memikirkan apakah caranya untuk kita membetulkan sistem ini supaya kita tidak berdosa. Orang nak buat jahat Yang Berhormat Marang, walaupun dalam kepala kita, kita lantik dia sebagai pengurus. Saya percaya pada pengurus saya 70% tetapi kalau 70% dalam kepala dia nak menipu, kita tahu mana. Bagaimana caranya, kalau boleh saya cadangkan supaya kita bersama-sama. Terima kasih banyak.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Ya, saya rasa Yang Berhormat lebih selesa untuk melaksanakan Islam kalau ada di sini... *[Ketawa]* Saya minta supaya tulislah dalam *Hansard* ...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sila, sila, mari, mari.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: ...Tulis dalam *Hansard* pandangan-pandangan itu. Oleh kerana saya nak tumpu masa dalam perbahasan ini ...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya dah hantar Yang Berhormat Batu Pahat duduk sebelah sana dah, tak apa, agen kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Kejap lagi, ramai peminat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Marang, apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi memang ikhlas. Saya juga bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Marang tadi, satu pandangan yang sangat baik, yang amat sesuai, yang memang cocok dengan kehendak Islam. Jadi kalaulah kerajaan perpaduan dapat kita wujudkan, UMNO dan PAS, orang-orang PAS yang bijaksana, yang arif tentang agama, orang-orang UMNO yang arif tentang agama menggembelng tenaga, kita wujudkan satu keadaan yang paling baik akan menguntungkan orang-orang Islam. Jadi jangan pula Yang Berhormat Marang jawab secara politik, kita secara ikhlas, marilah kita bersama-sama. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Ya, masuk dalam Hansard ucapan itu... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada masalah pelaburan asing dan *foreign exchange* ini...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Rantau Panjang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sikit.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Kita perlu menghidupkan kembali G8 yang pernah dikendalikan oleh ...

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Sebelum masuk dalam pelaburan ini, saya ada nak minta pandangan beberapa perkara yang dibuat oleh bank.

■ 1130

Satunya sistem *tawarruk*, iaitu overdraf. Overdraf ini di dalam sistem yang digunakan oleh sistem bank Islam ini lebih tinggi keuntungannya diambil, lebih kurang 6.5%. Akan tetapi seperti CIMB kurang. Saya pun tidak faham. Sepatutnya bank yang menggunakan sistem ini lebih rendah daripada bank yang konvensional. Jadi, saya ingin minta pandangan supaya Bank Negara lihat di sini apabila hendak sebut dari sistem syariah.

Yang keduanya dari segi pinjaman dalam bentuk *samanu wa 'ajil*. Saya beritahu saya minta pandangan. HSBC, *foreign bank*, bank luar. Ia memperkenalkan satu sistem iaitu *smart loan*. *Smart loan* ini diberi pinjaman dalam bentuk overdraf. Makna, kalau kita pinjam diluluskan RM500,000, akan tetapi kita gunakan RM100,000 sahaja, faedah itu dikenakan kepada RM100,000 sahaja.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Tidak, saya hendak minta pandangan. Jadi ini lebih bentuk Islamik daripada *samanu wa 'ajil* yang digunakan oleh bank. Kenapa tidak ditukar *samanu wa 'ajil* ini kepada bentuk-bentuk seperti ini supaya keadilan dan pemerasan itu tidak wujud. Bagaimana pandangan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Ya, itulah yang saya sebutkan tadi. Oleh kerana itu saya melihat supaya pihak kerajaan menganjurkan perbincangan kerap berkenaan ekonomi ini supaya kita bincang dengan lumat untuk kita melaksanakan kegiatan Islam yang benar-benar menjadi model. Bukan sahaja untuk kebaikan umat Islam, bahkan untuk masyarakat yang bukan Islam dan seluruh manusia dan hari ini di England dikatakan bahawa perbankan Islam sudah diberi perhatian oleh masyarakat di England, di Perancis, dan lain-lain setelah melihat kegagalan sistem liberal-kapitalisme dan malah Islam tidak banyak terjejas dengan krisis ekonomi yang berlaku.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dengan sebab itu saya mengharapkan supaya operasi G8, GH yang pernah dikendalikan oleh Najmuddin al-Barqan dan Tun Dr. Mahathir satu masa yang lalu yang menghidupkan berbagai-bagai kerjasama di kalangan negara Islam khusus dalam bidang ekonomi dan pernah mengutarakan supaya wang dinar, dinar emas mengganti dolar, malah di kalangan negara-negara Islam khusus dan boleh di peringkat antarabangsa kalau negara-negara Eropah yang tidak ada hasil *mahsul* yang tidak mempunyai sumber ekonomi macam kita boleh hidup dan menjadi perkasa sebagai kuasa ekonomi yang besar dengan kerjasama yang baik. Mengapa di kalangan negara-negara Islam, negara-negara serantau tidak boleh melakukan kerjasama yang sebegini rupa untuk meningkatkan kita dan menolong orang lain pada masa yang sama? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

11.33 pg.

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Saya amat tertarik dengan perbincangan kita pada hari ini atas Rang Undang-Undang Bank Negara 2009 dan saya juga amat tertarik kepada apa yang diujulkan oleh Yang Berhormat Marang atas perbankan Islam. Semalam saya membaca dalam Internet, *Vaticant Church* sendiri juga telah menyarankan agar kita menggunakan *Islamic Finance* dan mereka telah berkata; *Pope Venedict* telah berhujah apabila kewangan telah hilang, maknanya wang kertas telah hilang dan menjadi tidak berharga, cuma perkataan Allah sahaja yang dapat membantu kita dan dia juga berkata agar kita haruslah melihat bon Islam sebagai cukup dan sebagai kolateral. Ini adalah satu amanat daripada seorang

Pope yang amat menghargai perbankan Islam dan kita harus melihat kenapa dia sebagai *Pope* merujuk kepada perbankan agar melihat cara perbankan Islam.

Satu lagi yang menarik juga tadi banyak *Members of Parliament* telah berhujah mengenai mata kewangan USD agar kita jangan melihat dari segi memakai kewangan USD kerana punca ekonomi yang jatuh pun bermula dari situ. Kita haruslah melihat negara-negara seperti *Greek, Brazil*, Rusia, India, China yang sekarang menggunakan mata wang mereka sendiri untuk meniaga dan menolak mata kewangan Amerika Syarikat dan mungkin kita harus melihat agar cara itu mungkin dapat menyelamatkan ekonomi kita dan kita harus juga memohon agar perbankan Malaysia melihat dengan serius mengalih terus kepada perbankan Islam dan mungkin kita harus membahaskan dengan lebih dan diberikan masa yang lebih untuk membahaskan dengan teliti kerana dunia melihat Malaysia untuk menghala ke depan dalam isu ini. Satu lagi, juga daripada segi bank-bank kita di Malaysia memang *interest rate* agaklah mahal dibandingkan kepada negara-negara yang lain dan *interests* dari negara yang lain telah menurun dengan drastik dan kenapa kita masih melengah menurunkan *interest rate* kita.

Semalam juga saya melayari dalam internet dan melihat keuntungan-keuntungan dari bank-bank kita di Malaysia dan mereka masih membuat keuntungan yang amat besar. Saya mencadangkan agar kementerian dapat melihat agar kita menggunakan di waktu ini terutama sekali *charge taxes* mungkin sekadar 5% untuk membantu SME dan industri-industri kecil dan untuk mereka maju ke depan kerana untuk mendapatkan kewangan daripada bank terutamanya macam Agrobank yang sekarang telah *dicorporatise* mungkin harus ditarik balik dan dikeluarkan daripada menjadi *corporatise* dan menjadi institusi agar peniaga-peniaga kecil dapat dibantu kerana amat lah sukar peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan pinjaman kewangan tanpa kolateral yang kukuh dan ini amatlah menyusahkan peniaga-peniaga kecil. Jadi itu adalah satu daripada fungsi yang Agrobank harus kita lihat kenapa kita adakan? Semalam juga Yang Berhormat Pasir Salak telah menyarankan agar kita melihat daripada segi pertanian kerana dari segi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan kita harus mendahului rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Mungkin ini adalah masanya kita harus menyarankan kepada perbankan untuk melihat dan menukarkan konsep.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Sekali gus terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya salah seorang yang mengambil bahagian dalam perbahasan apabila hendak menukar Bank Pertanian kepada Agrobank ini. Kita melahirkan rasa kecurigaan. Betul Yang Berhormat Pasir Mas bahasa saya itu. "Kecurigaan".

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang hendak belajar bahasa dengan Yang Berhormat Pasir Mas ini. Ini panglima Melayu moden. “Kekhuatiran”, “keraguan” dan ramai Ahli-ahli Parlimen ketika itu membahaskan dan ketika itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita hari ini menjadi Menteri Pertanian ketika itu. Berapi-api kita membuat alasan kerana takut sepertimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis tadi. Petani-petani kita akan mendapat kesukaran hendak meminjam. Tidak seperti Bank Pertanian. Berkobar-kobar kita hendak mempertahankan rakyat ini. Sekarang ini kita hendak menagih balik “rakyat didahulukan”. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri waktu jadi Menteri Pertanian berkata bahawa “*kami jamin bahawa kepentingan rakyat tidak akan terganggu dan tergugat.*” *[Dewan riuh]*

■1140

Yang Berhormat Tanjong Manis. Yang Berhormat daripada Sarawak, Yang Berhormat daripada Sabah, Yang Berhormat di pedalaman-pedalaman yang mewakili petani-petani secara seratus peratus, ke mana petani-petani rakyat miskin yang terpinggir di luar bandar hendak mengadu? Kalau tidak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membawa masalah mereka ke mari.

Kita tagih balik janji, kata dulu Bank Pertanian apabila ditukar kepada Agrobank tidak ada masalah, kenapa masalah ini timbul dan kenapa kerajaan tidak mahu mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah yang menghimpit rakyat yang termiskin di luar bandar. Hari ini saya tuntutan Rakyat Didahulukan, Agrobank ini balik semula ke pangkal jalan, kalau sesat di hujung jalan balikkah semula ke pangkal jalan. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis, membangkitkan perkara ini, andalah Pahlawan Wanita Malaysia. *[Tepuk]*

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. *[Ketawa]* Saya nak berkata kita haruslah memahami kebanyakan rakyat kita amatlah susah dalam waktu ini, kita memahami keadaan dan terutama sekali, apabila rakyat datang kepada saya memohon membantu peniaga-peniaga kecil, mahasiswa yang baru habis keluar daripada universiti nak mula berniaga, nak menjadi petani, agak sukar kita membantu, padahal idea-idea mereka amatlah bernas dan pernah berlaku seorang daripada Sarawak, yang pertama sekali mendapat pengiktirafan daripada *Biotech Institute* untuk industri kambing, dia tak dapat langsung sokongan daripada Agro Bank, kerana dia tidak mempunyai tanah untuk dicagar, padahal dia diiktiraf oleh Kementerian Pertanian dan oleh *Biotech Institute*, cara dia mengendalikan industri kambing amatlah bernas. Jadi kita memohonlah agar perkara-perkara sebegini, kita lihat agar mereka tidaklah patah hati dan lari kepada negara-negara yang sekarang, yang akan mengambil *expertise* mereka, kita akan rugi daripada segi

human capital dan semalam juga ada perbahasan daripada, tak ingat nama Yang Berhormat di sini, mengatakan pasal IMF, NSDR.

Yang Berhormat Indera Mahkota mengatakan pasal IMF, China memohon agar IMF melihat lagi daripada SDR ya, kalau kita berharap kepada IMF, hancur kita. Dulu Malaysia pun tak masuk IMF, alhamdulillah kita terselamat. Negara-negara seperti Indonesia rosak, negara-negara yang mengambil *loans* daripada IMF rosak, habis dan memakan masa sampai hari ini ekonomi mereka untuk pulih amatlah lambat.

Saya rasa juga IMF akan melekakan, menjadikan juga *status quo* - pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota dan kerana mereka tak mahu kalah dari segi bidang, perbankan ataupun daripada dari segi *financial*. Akan tetapi kita juga harus melihat pandangan daripada Perdana Menteri Britain, yang mengatakan haruskah kita memandang bernas pandangan-pandangan daripada institusi perbankan kerana ekonomi kita selalu melihat kepada pernyataan ataupun *direction* daripada Bank Negara atau daripada institusi bank.

Mungkin pada waktu ekonomi gawat ini, kita harus bertanya dan melihat dalam *Yahoo* mungkin ada, mungkin ada pemikiran yang lebih bernas daripada institusi-institusi kewangan. Kalaulah ekonomi kita sekarang jatuh kerana institusi-institusi kewangan di Amerika, apa salahnya kita bertanya dan bahas bersama-sama, baik dari pembangkang ataupun dari Barisan Nasional, bahas apa yang baik untuk negara kita sendiri.

Saya rasa kita tak perlu ikut lagi Amerika, negara-negara yang besar, yang telah memberi bermacam-macam cara industri perbankan, dan mereka juga yang menjatuhkan ekonomi ini. Jadi saya berharap agar industri perbankan melihat dengan serius daripada segi kewangan Islam dan juga daripada segi akta-akta kita melihat industri perbankan Islam, kita haruslah teliti dengan lebih, jangan *direct translation* daripada perbankan Inggeris terus kepada perbankan Islam dan ditukar daripada erti kata '*interest*' supaya tak terlibat dengan riba.

Jadi itu adalah cara yang tidak munasabah pada saya, kerana kita tidaklah mengikut cara agama kita dengan sebetul-betulnya. Kalau Pope Benedict sendiri telah menyarankan untuk mengalih perbankan Islam mengapakah kita negara Islam tak nak mendengar dan berfikir dengan cara yang bernas. Saya juga percaya dengan kata-kata daripada sahabat kita semalam, Yang Berhormat Pasir Salak mengatakan di waktu ekonomi ini kita harus banyaklah melihat daripada segi pertanian, daripada segi *food security* kerana kita telah lalai dan leka daripada segi ini dan dalam ekonomi yang gawat ini, dengan kewangan yang mengurangkan kadar makanan kita selamat, janganlah kita terpaksa asyik bergantung pada defisit import dan banyak juga perkara yang kita lalai daripada segi *food ingredient* seperti gelatin, seperti kolagen, kita lalai kerana 95 peratus masih lagi dibuat dari babi. Jadi kenapalah kita dengan adanya kewangan yang kuat, kita tidak memberi banyak perangsang kepada Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang berdiri tergamit untuk minta penjelasan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sikit saja. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis, saya tertarik pandangan Yang Berhormat Tanjong Manis tentang bagaimana Malaysia tidak menjadi pelanggan IMF, dan ini membezakan Malaysia dengan negara-negara lain. Saya nak minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Manis ya, antara satu lagi petunjuk tentang ekonomi kita ini sihat atau tidak adalah rizab antarabangsa.

Dalam laporan Bank Negara, saya teliti kedudukan rizab kita ini termasuk dalam bentuk emas dan pertukaran wang asing. Kemudian satu lagi kedudukan rizab dengan IMF, kita tak pinjam, tetapi *puff* rizab kita di situ. Jadi ada semacam paradoks di situ. Macam mana kita nak buat ni, kita nak cadang keluarkan supaya kita tak menjadi sebahagian negara yang ada kena-mengena langsung dengan IMF yang jahat ini. Rizabnya besar ni, Yang Berhormat Tanjong Manis, cukup besar, kalau kita tengok dalam muka surat 48, laporan Bank Negara yang terbaru, apakah wajar kita menggesa supaya kerajaan membuat satu pendirian polisi tentang ini, supaya kita tak ada kaitan langsunglah dengan IMF. Kita dulu berbangga dah tak pinjam bagus, boleh tak kita tak *parking* rizab kita di situ. Letaklah tempat mana lain, Bank Islam mana-manakah, Yang Berhormat Sri Gading saya ingat setuju sangat dengan saya tu. Yang Berhormat Tanjong Manis, sila komen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Manis respons kepada penjelasan tadi itu. Lepas itu ada lagi beberapa minit untuk Yang Berhormat Tanjong Manis menggulung. Terima kasih.

Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bak kata saya tadi, kalau Pope Benedict sendiri pun suruh tengok dari segi perbankan Islam. Kenapa kita negara Islam tak boleh bersatu hati dan saya rasa kalau kita bersatu hati, macam saya kata tadi dari segi produk gelatin saja, itu memakan ataupun dia punya *market* ya, adalah USD500 juta. *Market* dia.

■1150

95% adalah dari asal yang haram, kenapa kita lalai? Janganlah lalai. Jadi saya amatlah setuju kalau kita lihat lagi cara kita dan tempat kita menyimpan kewangan kita dan kita haruslah berunding bersama-sama negara OIC. Banyak perkara yang kita lalai dan mungkin daripada apa yang kita lalai, kita mendapat keuntungan dari situ dan sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

11.50 pg.

Tuan Nasharudin bin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah sedikit. Semua parti sudah bercakap bergilir sana sini dan sampai sekarang saya belum dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas, sabarlah sedikit.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bukan soal sabar, saya sudah sabar. Tadi wakil Yang Berhormat Maran sudah bercakap. Saya ada bangun juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Mas mewakili sendiri BEBAS. Sungguhpun begitu suara Yang Berhormat Pasir Mas di Dewan ini setiap persidangan kita benarkan BEBAS itu lantang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Betul Tuan Yang di-Pertua. Mengikut rang undang-undang yang dibentangkan semua pihak ada giliran bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat akan dapat juga nanti. Sabarlah Yang Berhormat.

Tuan Nasharudin bin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Meninggalkan Dewan]*

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah Yang Berhormat. Kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua pun kena Ahli-ahli Yang Berhormat ambil juga.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak ada, sebab saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat ambil juga. Tidak payahlah ada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sebab saya tidak tunjuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas, tolong Yang Berhormat Pasir Mas duduk.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak tunjuk sikap seperti Yang Berhormat Ipoh Timur atau pun seperti lain-lain pembangkang. Kalau macam itu baru dapat peluang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih atas kerjasama dan kesabaran Yang Berhormat Pasir Mas. Saya tidak menyarankan bahawa tabiat seseorang Ahli Yang Berhormat itu kita contohi kalau tabiat itu tidak elok.

Biarlah Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri membuat keputusan masing-masing, siapa yang bertabiat elok dan siapa yang tidak. Saya bukan hakim Yang Berhormat untuk membuat kesimpulan sebegini. Saya cuma memastikan bahawa integriti Parlimen dapat kami pertahankan dan antara lain gelagat Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Bachok.

11.52 pg.

Tuan Nasharudin bin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya merakamkan juga terima kasih sekali lagi pada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut memberikan beberapa cadangan dalam rangka membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009.

Pertamanya saya mulakan dengan penghargaan kepada usaha Bank Negara Malaysia yang telah memperkenalkan dua program khas untuk rakyat dalam usaha untuk membina pengetahuan dan mengukuhkan kefahaman mereka terhadap pendidikan kewangan.

Sebagai contoh program yang ditawarkan oleh BNM iaitu *Financial Sector Talent Enrichment Programme* atau FSTEP pada akhir 2007 atau awal 2008 di mana saya difahamkan program ini sekarang sedang dijalankan untuk pengambilan peserta kali ketiga.

Program seperti ini memang sesuai ditampilkan dalam keadaan negara memerlukan sumber tenaga pakar manusia yang tinggi dalam bidang kewangan dan perbankan. Saya rasa ucapan tahniah juga boleh kita tujukan kepada Bank Negara Malaysia yang telah memilih golongan siswazah yang cemerlang dalam pelbagai fakulti di universiti untuk menyertai program ini malah saya difahamkan mereka yang dalam bidang pengajian Islam pun diberikan peluang yang cukup besar.

Saya ingin menyarankan sehubungan dengan itu agar pengambilan untuk sesi akan datang akan dapat terus dipertingkatkan dan di samping itu modul praktikal atau latihan industri diharap dapat diperkemas supaya benar-benar memberikan impak secara maksimum.

Saya yakin sekiranya program FSTEP diteruskan lagi, kita akan dapat mampu melahirkan tenaga mahir sektor ekonomi dan kewangan yang ramai. Saya juga ingin melahirkan rasa terima kasih kepada pihak yang telah berusaha untuk meningkatkan kesedaran kewangan atau celik kewangan kepada rakyat dengan mewujudkan pelbagai inisiatif yang ada pada hari ini seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit AKPK, talian BNM Link, BNM Tele-Link dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia PIDM.

Sebagai contoh ialah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit AKPK yang telah ditubuhkan pada April 2006 di mana agensi ini harus terus berusaha untuk menyediakan khidmat yang lebih luas kepada isi rumah-isi rumah dengan membuka lebih banyak cawangan supaya capaian penduduk terhadapnya lebih mudah.

Menurut statistik yang saya peroleh, bilangan individu yang mendapat perkhidmatan AKPK meningkat dengan ketara daripada 6800 orang pada tahun 2006 kepada 25,300 pada tahun 2007. Malah dalam tempoh lima bulan pertama 2008, sejumlah 19,800 individu telah mendapatkan perkhidmatan menerusinya.

Cuma cadangan tambahan daripada saya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyarankan kepada Bank Negara untuk memikirkan kaedah-kaedah yang lebih sesuai untuk mengimplementasikan kaedah celik kewangan di peringkat sekolah lagi secara lebih efektif dan sistematik. Terutamanya mengenai aliran tunai, menguruskan simpanan, perbelanjaan, pelaburan dan perkara-perkara berkaitan mengenai dengan pengurusan kewangan peribadi.

Jika lebih baik pihak televisyen swasta contohnya ataupun pihak TV kerajaan dapat mewujudkan lebih banyak. Sekarang telah ada rancangan tersebut tetapi mungkin belum dapat menyeluruh dan rancangan juga harus di pelbagaikan bagi menarik minat khasnya golongan muda dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan kewangan termasuklah pengurusan kewangan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan juga pandangan mengenai isu perundangan. Tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuching khasnya dalam hal yang berkaitan dengan sistem perbankan Islam. Kita sedia maklum bahawa Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1959 adalah untuk mengawasi dan mengawal pelaksanaan segala dasar serta peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Saya tertarik dengan satu isu yang tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Ledang dalam hal yang berkaitan Al-Bai' Bithaman Ajil, BBA di mana pada tahun 2008 ada satu kes kontrak pembiayaan Al-Bai' Bithaman Ajil ini telah dibatalkan oleh Mahkamah Sivil dan ianya adalah merupakan satu sejarah dalam perbankan Islam di Malaysia ini.

Di Malaysia, pembiayaan produk BBA ini merangkumi 70% daripada keseluruhan jumlah aset pembiayaan industri perbankan Islam. Saya mengharapkan isu-isu berkaitan perbankan Islam dapat diselesaikan di Mahkamah Syariah atau pakar-pakarnya supaya ia mampu difahami dan ditafsirkan dengan lebih tepat.

Sehubungan dengan itu, satu usaha yang lebih besar perlu digarap supaya Mahkamah Syariah perlu dinaikkan taraf dan diberikan peruntukan yang lebih luas supaya ia dapat membahaskan isu-isu berkaitan dengan muamalat Islam yang sekarang seperti mana yang kita sedia maklum bidang kuasa Mahkamah Syariah itu tertakluk kepada bidang kuasa yang tertentu sahaja. Kalaulah dapat diperluaskan dalam aspek-aspek yang telah saya cadangkan tadi, maka akan dapatlah kita pertingkatkan Mahkamah Syariah yang sedia ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, satu produk yang menimbulkan kontroversi yang ada di Malaysia yang telah menjadi bahan perbincangan di Timur Tengah adalah produk Bai' Inah yang diamalkan di Malaysia yang didapati ditolak di negara-negara Timur Tengah kerana ada unsur-unsur yang tidak mematuhi syarak. Maka ia juga perlu diberikan perhatian kerana produk ini tidak boleh diperluaskan di peringkat antarabangsa.

Saya ingin menekankan di sini bahawa bank-bank Islam perlu sentiasa disokong oleh aspek-aspek sistem dan perundangan supaya mereka lebih bersifat inovatif dan meneroka pasaran-pasaran baru dan mencipta pelbagai kontrak *join-venture* atau *partnership*, musyarakah tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau. *Profit sharing investment* mudharabah dengan lebih luas. Bank-bank yang berteraskan syariah mestilah diasingkan daripada kerangka konvensional kerana mereka sendiri mempunyai *accounting standard*, *IT banking system* dan istilah-istilah tersendiri.

Saya juga ingin melahirkan sedikit rasa kebimbangan mengenai pekerja-pekerja bank yang dipindahkan daripada bank konvensional kepada bank Islam. Mereka ini perlu diberikan latihan dan kursus-kursus sampingan bagi memantapkan pemikiran dan budaya kerja mereka dalam menjalankan operasi dalam kerangka syarak'. Kita boleh berbangga rasanya dengan negara kita yang masih kekal sebagai peneraju dalam kewangan Islam peringkat antarabangsa. Akan tetapi pernah saya bangkitkan di sini bagaimana *comparativeness* dalam hal yang

berkaitan dengan sistem perbankan Islam ini, kita sekarang ini sudah didahului oleh negara-negara jiran termasuklah Singapura yang sudah pun mempelopori dan juga memperkenalkan dirinya sebagai hab ataupun *centre* kepada *Islamic banking* di dunia sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal Islam Malaysia yang merangkumi pelbagai produk yang hebat seperti sukuk, ekuiti, dana amanah dan sebagainya dilihat mampu berkembang dan mempunyai potensi yang lebih besar.

■ 1200

Pada akhir 2008 contohnya, Malaysia merupakan pasaran cukup terbesar di dunia dengan jumlah USD66 bilion atau pun 62.6% daripada terbitan sukuk global. Selain daripada itu, pelbagai lagi pencapaian terbaik telah kita peroleh sepanjang 2000 ini seperti MIFC yang dinamakan sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Terbaik, Pusat Pendidikan Kewangan Islam - INCIEF yang sentiasa menyediakan keperluan modal insan, industri perkhidmatan kewangan Islam domestik dan global serta keperkasaan *israr* sebagai *vacuum* kefahaman kewangan ekonomi dan perbankan berteraskan syariah. Saya ingin mendapat penjelasan, baru-baru ini salah satu daripada bank kita telah memasarkan sistem perbankan Islam ini ke negeri China. Saya ingin tahu perkembangan yang telah dicapai oleh bank tersebut dan adakah pasaran-pasaran yang lain yang sudah ditinjau untuk memasarkan produk Islam ini yang telah kita terokai dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perbankan Islam, industri insurans secara Islam atau takaful di Malaysia juga mampu berkembang sebagai komponen penting di peringkat domestik. Saya turut merakamkan tahniah kepada Bank Negara yang telah melakukan penambahbaikan terhadap piawaian takbir urus korporat takaful dengan mengeluarkan takaful gadai janji berkurangan tempoh – MRTT, yang telah menetapkan asas penilaian minimum yang perlu dipatuhi pengendali takaful semasa menilai liabiliti produk MRTT. Malah kita akan memberikan sokongan kepada Bank Negara dalam usaha-usaha untuk merencanakan pemerkasaan industri takaful di Malaysia seperti memberikan lebih banyak geran penyelidikan dan menjalinkan memorandum persefahaman dengan negara-negara dunia yang lain yang telah dilakukan contohnya baru-baru ini dengan *Japan Bank for International Corporation*. Tuan Yang di-Pertua, di dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini ada satu bahagian, perkara 51 yang menyebut tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri nanti bila menjawab, sejauh mana Majlis Penasihat Syariah ini berfungsi dalam tempoh selepas kita banyak memperkenalkan produk-produk perbankan Islam ini kerana daripada maklumat yang saya peroleh, ada juga bank-bank ini yang beroperasi dengan memperkenalkan produk-produk tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah dan apabila timbul permasalahan barulah kemudian ini dirujuk. Bermaknanya setelah selesai sesuatu urusan, timbul masalah, barulah pandangan daripada Majlis Penasihat Syariah ini dirujuk. Ini harus diperkukuhkan melalui Majlis Penasihat Syariah ini

bukan sahaja yang ada di Bank Negara tetapi juga di bank-bank yang beroperasi di dalam negara kita. Tiga perkara akhir yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan ini, pertamanya adalah tentang CCRIS *report* iaitu *Central Credit Reference Information System* yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Akta BNM 1958 untuk mengumpul maklumat kredit peminjam dari institusi kewangan atau *financial institution*.

Data peminjam ini dikemas kini oleh BNM setiap bulan untuk kegunaan institusi kewangan untuk menilai kedudukan kredit peminjam apabila hendak membuat keputusan ke atas permohonan kredit baru. Isunya, persoalannya adalah berapa banyak kah kadar peratusan aduan maklumat yang tidak tepat diterima oleh BNM dan apakah tindakan penalti BNM ke atas institusi kewangan terbabit untuk memperbaiki masalah ini?

Kegagalan untuk mengemaskinikan maklumat dengan tepat akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara dan juga perdagangan, itu satu. Yang keduanya, saya ingin tahu sejauh mana maklumat kita yang ada akaun di bank, yang punya kredit kad ini benar-benar dipelihara oleh bank tersebut, dijaga dan tidak dijual sebegitu mudah kerana saya pasti ramai juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sentiasa mendapat panggilan telefon, daripada hotel lah, daripada *resort* lah, daripada restoran lah, memberikan tawaran itu, tawaran ini dan mereka punya nombor telefon kita, punya maklumat tentang kita dan saya sendiri berjaya dapat mengesan maklumat yang diperolehi oleh pemanggil-pemanggil ini diperolehi daripada maklumat yang kita berikan kepada kad kredit atau pun bank yang kita memperoleh kad kredit daripadanya.

Perkara kedua terakhir yang ingin saya bangkitkan yang tadi telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang adalah CTOS. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada maklumat kredit peminjam, institusi kewangan juga menggunakan perkhidmatan CTOS yang dikendalikan oleh CTOS Sdn. Bhd. untuk maklumat muflis, peminjam, dan penjamin. Maklumat ini diperolehi daripada penerbitan dan iklan tetapi pihak CTOS tidak menjamin status terkini dan institusi kewangan seharusnya dan sepatutnya menjalankan penyelidikan seterusnya. Saya ingin mencadangkan di sini agar pihak kerajaan di bawah Jabatan Insolvensi Malaysia mengumpul dan mengemas kini maklumat muflis secara *online* untuk kegunaan institusi kewangan dengan bayaran sepertimana yang diamalkan oleh CCRIS yang telah dibangkitkan sebelum daripada ini. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya ingin dapat penjelasan juga daripada jawapan Menteri nanti adalah penyertaan bumiputera dalam syarikat milik kerajaan – GLC, kerana didapati ada institusi kewangan yang dimiliki oleh kerajaan dengan pemilikan saham melebihi 50% di bawah GLC di mana kedudukan bumiputera yang memegang jawatan sebagai ketua bahagian, ketua *division*, ketua jabatan, *department*, hanya mewakili sekadar 30% daripada populasi organisasi.

Berdasarkan statistik tersebut 70% bukan bumiputera memiliki hak serta kuasa untuk mengawal dan mentadbir institusi atau pun polisi institusi kewangan tersebut. Soalan saya

adalah, tidak adakah pekerja bumiputera yang mempunyai kelayakan, kebolehan, pengalaman dalam institusi kewangan tersebut diberi peluang sama rata untuk memegang jawatan tersebut supaya dapat mencapai seruan yang di gembarkan oleh kerajaan sekarang ini? Apakah tindakan kerajaan berikutnya untuk membetulkan kedudukan bumiputera dalam organisasi milik kerajaan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya akan jemput Yang Berhormat Pasir Mas. Akan tetapi bukan atas alasan bahawa Yang Berhormat Pasir Mas tadi mendesak saya. Apabila saya lihat senarai yang telah ditulis sebelum ini, betul bahawa wakil daripada BEBAS tidak ada. Di lain kali Yang Berhormat Pasir Mas sabar sedikit ya, kita jaga integriti Parlimen iaitu kita panggil dengan seadil-adil walau pun pada ketika ini seharusnya saya panggil daripada BN, tetapi apabila saya nampak suara daripada BEBAS tidak ada, saya panggil Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih, sila. Sila.

12.17 tgh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Dalam masa yang terbatas ini saya merujuk kepada Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009. Walaupun saya, *mood* saya sudah kurang sedikit Tuan Yang di-Pertua tetapi tidak apa lah.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa pula *mood* kurang? Semangat lah seperti biasa tapi jangan lebih-lebih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk pada Rang Undang-undang Bank Negara. Pertama, saya mengalu-alukan rang undang-undang ini kerana ia bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Bank Negara atau pun *Central Bank*, kerana Bank Negara merupakan nadi dan nyawa kepada sistem kewangan dan juga perbankan Malaysia. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain sebelum ini kredibiliti Bank Negara dipersoalkan waktu terlibat dengan *forex trading* dahulu yang saya harap tidak akan berlaku lagi. Sebelum ini saya ada bangkit dan tidak dijawab dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan cara pemberian tender wang syiling oleh Bank Negara kepada sebuah syarikat di Singapura yang saya bangkit dahulu dan tidak dijawab. Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada masih wujud kah lagi atau tidak Jawatankuasa Pemantauan Penyertaan Bumiputera di Bank Negara dan juga di bank-bank perdagangan.

Dahulu Jawatankuasa ini wujud dan sekarang ini sudah tidak wujud lagi. Secara ringkasnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading di mana walaupun banyak dana-dana yang diumumkan oleh kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan kecil yang disalurkan melalui bank, termasuklah Agrobank dan lain-lain bank tetapi rungutan masih lagi kedengaran betapa sukar mereka untuk mendapat pinjaman ini. Ini adalah kerana apabila pergi ke bank, cara *commercial bank* mengendalikan urusan pinjaman kepada peminjam-peminjam sama dengan kaedah yang bank gunakan, manakala kita tahu dana-dana ini adalah wang rakyat, wang

kerajaan, iaitu wang rakyat yang disalurkan untuk membantu mereka-mereka yang berminat untuk mendapatkan pinjaman ini.

■ 1210

Paling susah memang berlaku dari segi apa yang saya sebut tadi kalau hendak diperincikan akan ambil masa. Sebab itulah saya lihat penyertaan ataupun hak milik ataupun *property* di kalangan bumiputera sukar meningkat. Saya hendak bagi satu contoh dalam masa tiga minggu lepas, saya juga turut membuat permohonan pinjaman untuk membeli *property* dan boleh memenuhi syarat dengan bayaran muka seumpamanya. *Property* tersebut akan dijadikan cagaran dan kita juga sendiri akan jadi *collector*. Namun tidak lulus juga. Itu CIMB, sehinggalah ada pandangan-pandangan daripada luar lebih senang berurusan dengan Public Bank, daripada bank-bank yang ada kepentingan kerajaan ataupun secara tidak langsung GLC, lebih mudah rakyat Malaysia hendak bagi contoh itu sahaja.

Memang sukar dan sebab itu bagaimanakah cara hendak menentukan bahawasanya segala peruntukan yang diperuntukkan habis digunakan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Selain daripada itu saya hendak menyentuh juga soal insurans secara ringkas iaitu mengenai dengan *road tax*, cukai jalan yang sekarang ini menjadi isu yang cukup hangat di kampung-kampung. Sebab yang terlibat ialah penunggang motosikal, pemilik motosikal. Sekarang ini mereka mengatakan harga *road tax* lebih mahal daripada harga motosikal yang mereka naiki sekarang ini, sebab motosikal sudah buruk. Jadi saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II ini makluman balas.

Pemilik-pemilik motosikal di Manek Urai saya yakin mereka tidak mungkin sukar untuk memberi undi kepada Barisan Nasional, terus terang saya bagi tahu. Ini perkara yang nyata, yang jelas sebab mereka terpaksa membayar cukai jalan *first party* ataupun seumpamanya sehinggalah naik lima, enam, tujuh kali ganda daripada dahulu. Isu ini serius dan inilah persepsi rakyat yang tidak baik kepada kerajaan. Saya bangkit untuk makluman sahaja, kalau boleh diperbetulkan dibetulkan, memang saya mendesak ianya dibetulkan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II, selepas Perdana Menteri mengumumkan Dasar Liberalisasi dalam 27 sektor, hampir dua bulan yang lalu. Saya hendak tanya prestasi hasil daripada perubahan-perubahan itu yang sasarannya untuk menarik pelabur-pelabur asing.

Apakah ada kemajuan hasil daripada perubahan-perubahan yang dibuat kerana semalam sebagaimana yang kita sedia maklum, ada lagi pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara lain penghapusan 30% pegangan ekuiti bumiputera untuk penyenaraian di Bursa Saham Kuala Lumpur. Ada lagi pengumuman di mana orang asing boleh membeli harta di Malaysia sampai ke tahap setengah juta. Persoalan saya, walaupun penjelasan telah diberi dengan huraian-huraiannya, sebab pegangan ekuiti bumiputera tidak berganjak 19.4% tahun 2006, manakala bukan bumiputera sudah mencapai 43.9%. Masyarakat

kaum Tionghoa 42.4%, kaum India tidak meningkat 1.1%, asing 30%. [*Sambil membaca artikel dari surat khabar*] Kalau balik kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru 30%, 40%, 30%.

Kaum yang tidak berjayanya ialah bumiputera dan mengikut kenyataan dan penjelasan dasar-dasar dahulu tidak menambah penyertaan bumiputera dalam bidang ekuiti ini kerana mereka dapat dan terus jual. Maka diubah dasar ini dengan mewujudkan apa yang dikatakan e-MIDAS iaitu satu tabung baru bagi membantu meningkatkan penyertaan bumiputera di mana dalam tebaran awam ditetapkan 25% untuk orang ramai, tetapi daripada 25% 50% untuk bumiputera.

Saya tidak tahu nanti sejauh mana bumiputera di kampung-kampung yang memahami soal peluang untuk memiliki saham. Tentulah mesti diberi penjelasan. Cuma yang saya hendak bangkit di sini Tuan Yang di-Pertua saya hendak cadang kepada kerajaan kalau sedia mendengar dan memberi reaksi yang positif, sebab ada pengumuman-pengumuman dasar yang dibuat sekarang mungkin telah dikaji dengan teliti.

Malah yang terbaru ini telah diputuskan oleh Kabinet dibicarakan, dibincangkan dengan mendalam oleh ketua-ketua parti. Tetapi masih lagi di peringkat eksklusif dengan tidak mendapat maklum balas daripada NGO-NGO perdagangan ataupun pakar-pakar ekonomi yang lain supaya apabila sesuatu dasar diketengahkan, diumumkan tidak timbul pelbagai persepsi yang negatif. Ada sesetengah persepsi kerana mereka tidak memahami. Contohnya Yang Berhormat saya hendak maklum, saya boleh tunjuk SMS yang saya terima sebab kebetulan saya mengetuai satu NGO yang bercakap soal perjuangan Melayu. Saya terima 100 lebih SMS yang mereka hantar "habis Melayu", "habis bumiputera." Mereka tidak tahu lagi hujung pangkalnya. Mungkin mereka tidak faham apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

Jadi ini timbul persepsi yang tidak baik yang kerajaan sekarang ini berhadapan dengan masalah persepsi. Dasarnya baik, apa yang dilakukan ada keberkesanannya, tetapi orang salah faham. Jadi saya hendak mencadangkan oleh kerana terlalu banyak isu agenda kepentingan bumiputera dan Melayu dibicarakan sejak liberalisasi diumumkan 27 sektor dahulu dan matlamat 30% belum tercapai. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya diadakan Kongres Khas Ekonomi Bumiputera.

Kongres Khas Ekonomi Bumiputera ini bertujuan untuk menangani persepsi sesetengah golongan khususnya orang-orang Melayu sendiri yang menganggap bahawa kepentingan Melayu dan bumiputera sudah tidak lagi menjadi perhatian akibat daripada perubahan *landscape* politik negara di mana macam-macam tekanan berlaku. Walaupun dasar-dasar ini dibuat semata-mata kena menarik pelaburan asing supaya kita kompetitif mengambil kira globalisasi, kita yang faham tidak ada masalah, tetapi rakyat di bawah bermasalah.

Jadi kalau dapat diadakan Kongres Khas Ekonomi Bumiputera supaya agenda nasional kita untuk menentukan penyusunan semula masyarakat dari segi pembahagian ekonomi dengan perubahan-perubahan dasar baru, ianya meyakinkan semua pihak. Bukan sahaja golongan

bumiputera termasuk juga bukan bumiputera. Hak mereka tidak terjejas, tetapi kita hendak tingkatkan juga kedudukan ekonomi bumiputera. Apa pun alasan yang mereka gagal, kelemahan dan seumpamanya itu bab lain.

Akan tetapi misi mesti diteruskan, iaitu untuk menentukan apa yang saya katakan tadi diperbetulkan persepsi ini. Malah sampai ke peringkat saya hendak cadang, kalau boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan *appear* dalam rancangan TV dengan dua, tiga orang moderator yang berwibawa. Kemudian ada dialog memberi penjelasan mengenai apa yang telah diumumkan ini dan dibuka talian seluas-luasnya untuk rakyat bertanya bagi mendapat penjelasan.

Saya sudah baca semalam saya sendiri pun agak terkeliru, apabila saya baca dengan *detail* apa yang diumumkan dan apa yang hendak dilaksanakan. Saya percaya ianya boleh diberi peluang untuk mekanisme baru ini berfungsi bagi menentukan kepentingan ekuiti bumiputera meningkat dari segi pencapaiannya iaitu dengan cara saya katakan tadi untuk menangani persepsi, satu Kongres Khas Ekonomi Bumiputera mesti diadakan dan melibatkan juga kaum-kaum bukan bumiputera pakar-pakar dalam perbincangan seperti dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara dahulu. Ini cara yang terbaik untuk menangani persepsi yang terlalu banyak keliru.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Mencilah.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya percaya bagi orang-orang politik, mudah sahaja orang-orang akan bercakap nanti dengan tanpa memahami apa-apa ini Melayu.

■ 1220

Jadi kita yang hendak menjawab ini letih, sebab kita faham tetapi pihak kerajaanlah kena beri perhatian apa yang saya bangkitkan ini. Jadi, cadangan ini saya percaya memberi banyak faedah, supaya kerajaan dapat menarik keyakinan bukan sahaja seluruh kaum tetapi lebih-lebih lagi, kaum peribumi yang masih lagi mewakili 60% rakyat Malaysia. Ini yang saya hendak cadangkan dan kongres ini boleh dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia tetapi mendapat sokongan dan *endorsement* daripada kerajaan ataupun kerajaan sendiri menganjurkan, ataupun hendak suruh NGO saya PERKASA laksanakan pun, boleh saya laksanakan tetapi kena sokong.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sokong, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Kita pertubuhan NGO tidak mempunyai apa-apa kemampuan. Jadi...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Jiran. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong supaya diwujudkan kongres bumiputera itu. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat, saya difahamkan bumiputera ini banyak mendapat kemudahan-kemudahan daripada kerajaan melalui MARA, TEKUN dan juga koperasi ataupun Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Akan tetapi mereka ini tidak jujur dengan diri mereka sendiri kerana tidak berpegang kepada satu pegangan yang tadi kita sebut akhlak yang mulia. Jadi sebab itulah saya rasa di samping ada kongres, mereka usahawan-usahawan bumiputera juga perlu dilatih supaya jujur iaitu memegang kepada pegangan mereka sebagai seorang Islam. Itu setuju atau tidak?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Memang dari segi umumnya, saya boleh terima sebab kita tahu tidak sedikit kerajaan membantu kaum bumiputera sebelum ini, termasuk juga Ahli-ahli PAS pun banyak juga menerima bantuan dan ada juga yang menyalahgunakan. Jadi dia merentasi ke sentimen parti, ada mereka yang menyalah guna tetapi ini bukan bererti kalau ada kelemahan-kelemahan dan ada yang menyalahgunakan si anu-si anu atas nama orang Melayu, tidak bererti orang Melayu lain, tidak bertanggungjawab. Kita tidak boleh pukul borong. Bangsa lain pun begitu juga.

Tidak sedikit kaum lain tidak bayar hutang bank, tidak sedikit kaum lain yang bankrap pun ada. Namun begitu selalu diungkit kalau tidak amanah kononnya orang Melayu. Ini tidak betul. Tidak betul sama sekali. Soal individu dari segi tanggungjawab, itu kita semua tahu. Sebab itu saya bersetuju kalau boleh dulu pun dibuat apabila pinjaman diberi, macam-macam kursus telah diadakan. Memberi kefahaman kepada mereka supaya lebih bertanggungjawab sebab ada yang tidak ada pengalaman.

Namun begitu maklum sajarah, Yang Berhormat. Saya hendak beritahu sedikit latar belakang. Apabila kita gerakkan ekonomi selepas 13 Mei dulu melalui Dasar Ekonomi Baru, memang orang Melayu tidak bersedia. Pengalaman tidak ada, modal tidak ada. Diwujudkan syarikat pembinaan dan menjadi kontraktor.

Dapat satu projek dan dapat satu pinjaman. Duit itulah dibelinya alat-alat *construction*, duit itulah untuk bayar gaji, untuk *overhead* dan duit itulah untuk pejabat. Dapat satu projek, putus pula tidak dapat lagi satu projek. Macam naik basikal terus jatuh. Kita yang memandang, yang tidak berniaga, kita tidak tahu. Sebab itu orang yang berpengalaman ada PhD pun bila berniaga belum tentu mereka berjaya dan ada pemilik PhD yang menulis buku pun ada bankrap dari segi perniagaan.

It's not that easy. Tidak boleh kita hendak tuduh. Akan tetapi seekor kerbau bawa lumpur, semua kena. Satu dua mungkin ada, tapi tidak semuanya begitu. Yang banyak gagal kerana *circumstances*. *Circumstances* bumiputera hendak dapat bahan-bahan atau bekalan yang dikontrol oleh pihak-pihak lain.

Orang lain dapat enam bulan kredit, setahun kredit tetapi bumiputera kena guna duit overdraf beli bahan binaan. Berapa kena bayar *interest*? Jadi, banyak lagi kalau hendak berhujah tentang kegagalan bumiputera ini, sampai tiga hari pun tidak habis. Cuma saya hendak anjurkan di sini kenapa Kongres Ekonomi Bumiputera ini perlu diadakan, bukan sahaja untuk menilai dan hendak mengetahui agenda kerajaan dalam mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat.

Berasaskan kepada ekonomi yang utama dan pada masa yang sama juga hendak meyakinkan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera bahawa mereka jangan ada persepsi yang tidak betul, bahawa kerajaan sekarang ini, akibat daripada perubahan landskap politik, maka terpaksa mengubah pelbagai dasar, kononnya untuk menarik pihak-pihak tertentu menyokong kerajaan tetapi membelakangkan kepentingan Melayu dan bumiputera.

Itu mesej yang saya hendak sampaikan. Mesejnya baik dan cukup ikhlas. Kalau tidak, ia akan memberi implikasi dan kesan yang berbeza pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi, Yang Berhormat ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi, yang akhirnya saya hendak rujuk kepada GCLC. Banyak tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Pengerusi-pengerusi GLC ini dulu saya sudah bangkitkan. Baru-baru ini saya terkejut. Saya hadir satu mesyuarat syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Ketua Eksekutif dan pengerusi ini menjadi pengerusi kepada satu agensi kerajaan. Biar saya sebutlah, Proton. Bila saya tanya dalam mesyuarat bila hendak bayar dividen dan syarikat ini tidak berkembang, *do you focus* dan gajinya tidak sedikit tetapi pegang jawatan lain. Dia jawab ada jawatan-jawatan lain itu di beban atas kepala dia. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menelefon dia suruh pegang jawatan itu sewaktu dia dalam tandas kononnya.

Tidak ada orang lain kah? Bagi orang yang sudah ada beban, dengan tanggungjawabnya untuk meningkatkan syarikat-syarikat yang sedia ada kepada pemegang saham. Kenapa kita tidak cari orang-orang lain lagi yang memang ada masa dan ada ruang untuk memberi khidmat. Menjadi pengerusi kepada syarikat-syarikat GLC.

Ini yang saya katakan dulu *hands on* ini. Kalau tidak *hands on*, tidak fokus, tidak ada makna dan kita tidak akan berjaya. Saya, kalau saya hendak sebut, banyak lagilah. Sebab masa tidak mengizinkan, saya hendak minta dan menarik perhatian yang saya cukup alu-alukan. Sekarang kerajaan telah buat keputusan. *No more politician* yang dilihat orang politik menjadi pengerusi bank. Itu langkah yang betul. Saya mengalu-alukan langkah ini.

Begitu juga Pengerusi-pengerusi GLC. Baik *non-executive Chairman* apatah lagi kalau CEO ataupun *Executive Chairman*. Satu seorang yang betul-betul ada kepakaran dan betul-betul fokus. Jangan tiga empat pengerusi lari sana lari sini. Kadang-kadang kita ada tujuh hari seminggu, hari kerja lima hari, dia jadi syarikat enam. Satu sehari mesyuarat. Jadi tidak akan berjaya. Jadi terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua di atas jasa baik dan budi bicara, memberi peluang kepada saya untuk bercakap. Mudah-mudahan Allah SWT panjangkan umur Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Saya bagi laluan daripada Yang Berhormat daripada BN. Ya, ya Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat Machang. Saya rasa banyak sudah yang diperkatakan mengenai dengan rang undang-undang ini dan kita cuma ada masa sehingga esok

lagi. Ada lagi beberapa rang undang-undang yang mustahak seperti hak asasi dan rang undang-undang yang lain, yang saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat juga mahu berbahas. Jadi kalau boleh, selepas Ahli Yang Berhormat dari BN berucap dan Yang Berhormat Machang, kalau boleh...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Semangat berkobar-kobar untuk berbahas itu nanti kita tinggalkan sekejap untuk rang undang-undang yang lain.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini pun amat mustahak juga, penting juga.

Tuan Yang di-Pertua: Okey penting tetapi nanti di rang undang-undang yang lain, apabila kita di atas ini mengeluarkan petua supaya jangan berucap, jangan Ahli Yang Berhormat mengomel, ya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita ada cuma tiga orang sahaja di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai lagi Yang Berhormat yang berdiri. Sila, selepas itu Yang Berhormat Machang.

12.29 tgh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu seorang lagi saya panggil mungkin. Selepas itu kalau Yang Berhormat Menteri sudah bersedia untuk menjawab. Kena ada peringkat jawatankuasa lagi, Yang Berhormat. Sila.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Saya...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Selepas Yang Berhormat Machang. Selepas Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini Yang Berhormat mana pula?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila duduk.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau Yang Berhormat tidak makan masa saya, mungkin saya akan jadi lebih objektif dan Yang Berhormat akan ada peluang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa terpanggil untuk bersama-sama terlibat di dalam perbincangan ini. Yang pertama, saya kira elok saya ambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Bank Negara Malaysia kerana dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, dapat mengawal kegiatan-kegiatan perbankan dalam menentukan ekonomi negara kita tidak menguncup dengan begitu teruk dan tidak ke arah *depression* berbanding dengan beberapa negara jiran, yang saya kira berada dalam keadaan yang lebih teruk daripada negara kita pada hari ini, kerana pertama sekali kecekapan dan keefisienan dalam mengurus dan mentadbir *reserve* yang meletakkan negara

pada hari ini dalam kecairan untuk mengerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi di peringkat akar umbi untuk menjanjikan sesuatu yang lebih baik dalam jangka masa dekat dan pertengahan.

■1230

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia kerana pada akhir tahun lepas telah pun mengumumkan sokongan dan dukungan untuk penubuhan DMDI *Finance House* yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan juga kerja kuat ini dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan yang lama. Terima kasih dan saya hendak tahu apakah kedudukan Dunia Melayu Dunia Islam *Finance House* ini yang idea asalnya adalah gagasan daripada sebuah pertubuhan bukan kerajaan DMDI, Dunia Melayu Dunia Islam yang telah menganjurkan supaya pembinaan sebuah bank Dunia Melayu Dunia Islam.

Akan tetapi oleh kerana mungkin ada kekurangan di sana sini gagasan *finance house* dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ketika itu dan saya lihat dari segi rangkaian keanggotaan Dunia Melayu Dunia Islam ini kita mempunyai tidak kurang daripada 13 buah negara yang aktif dalam menjanjikan kegiatan-kegiatan berbentuk pertukaran perdagangan dan sebagainya di peringkat akar umbi yang saya dapat rasakan akan menyumbang kepada mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan antarabangsa juga lebih-lebih lagi asas kepada pengurusan dan pentadbiran ini adalah proses kewangan Islam yang disebutkan oleh ramai Ahli Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bertolak daripada dua perkara yang saya sebutkan tadi saya ingin membawa Dewan ini kepada suatu kaedah iaitu sebenarnya hari ini masyarakat negara kita akan melihat bukan sahaja kepada pengisian ataupun *substance* sesebuah institusi kewangan itu tetapi mereka lebih melihat kepada bagaimanakah perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh institusi kewangan di negara kita di bawah penyeliaan Bank Negara ini.

Hari ini kalau kita lihat tangan yang memberi ini ialah institusi-institusi kewangan. Mereka berada di atas dan banyak perkara antaranya ialah bagaimana seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi di dalam proses untuk mengeluarkan dan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti tinggi tadi terdapat penganiayaan ataupun mereka yang sebenarnya tertekan dalam konteks untuk meneruskan kehidupan mereka.

Saya ingin mengambil contoh di sini Tuan Yang di-Pertua apabila cadangan-cadangan yang dibawa oleh pelanggan-pelanggan untuk membina perniagaan yang mungkin tidak diyakini oleh penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan ini akhirnya akan membawa pelanggan-pelanggan yang berpotensi ini kepada lembah kaedah penyediaan perkhidmatan kewangan yang lebih cekap dan lebih efisien iaitu ah long.

Suka tak suka Tuan Yang di-Pertua walaupun hari ini semua jari menuding kepada Kementerian Dalam Negeri, kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembanteras

kegiatan ah long ini hari ini Bank Negara dan Kementerian Kewangan perlu mengambil sedikit *stake* di situ, perlu mengambil bahagian oleh kerana ketidakcekan untuk meramal dan membaca kehendak serta kemahuan pelanggan-pelanggan di dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan pelanggan-pelanggan ini pergi kepada ah long dan ah long pula dalam kaedah ini menyediakan perkhidmatan yang jauh lebih cekap daripada institusi-institusi kewangan yang ada dalam negara kita.

Mudah atau tidak Tuan Yang di-Pertua ah long hendak beri pinjaman kewangan kepada pengusaha dia secara proaktif pergi ke warung-warung, gerai-gerai, woksyp-woksyp. Hendak pinjam wang RM1,000 hari ini cakap pukul 1.00 tengah hari, pukul 1.30 sudah datang dengan wang tunai tapi bukan RM1,000, RM730 kerana telah dipotong pembayaran awal dan pembayaran akhir. Namun apa yang penting di situ Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana ah long ini boleh menyediakan perkhidmatan secara *door step delivery* ini. Menyediakan perkhidmatan di muka-muka pintu tetapi institusi kewangan yang telah mempunyai baiah yang telah mempunyai perjanjian dengan Bank Negara tadi tidak dapat menyediakan perkhidmatan sedemikian. Berbagai-bagai *red tapes* diperkenalkan. Kerenah birokrasi menjadi-jadi.

Jadi orang-orang muda umpamanya tumpuan kumpulan utama yang ingin memulakan perniagaan dan kegiatan ekonomi di peringkat akar umbi ini kadang-kadang rasa terkedu, rasa terkejut dengan syarat-syarat yang diperkenalkan. Walaupun pihak Bank Negara telah menyatakan kita akan menyediakan perkhidmatan institusi-institusi kewangan di bawah penyeliaan kita akan menyediakan perkhidmatan seberapa cepat, seberapa cekap yang boleh untuk membantu negara di dalam menggalakkan kedudukan ekonomi supaya dihormati tetapi apa yang berlaku di bawah sana sebenarnya ialah tidak melambangkan demikian.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Bank Negara hari ini mengadakan satu forum ataupun seminar untuk *illegal money lender* ini. Panggil mereka suka tidak suka. Mungkin ada pihak yang mengatakan ini satu pengiktirafan tetapi apalah salahnya kalau kita melakukan sesuatu untuk mengurangkan lagi kesan-kesan negatif yang bakal melanda sistem masyarakat negara kita. Panggil ah long-ah long ini buat satu forum macam mana kamu boleh *deliver* satu perkhidmatan yang begitu efisien walhal institusi kewangan kami tidak boleh melakukan demikian. Mungkin ini kaedah untuk menukar masalah kepada peluang, *to turn problem into opportunities* Tuan Yang di-Pertua. Ini satu kreativiti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [*Bangun*]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Silakan. Tuan Yang di-Pertua, saya izinkan Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita hendak menghindarkan daripada ah long ini adakah Yang Berhormat bersetuju rakyat Malaysia yang berniaga di luar negara, yang mempunyai keuntungan

yang banyak membawa balik wangnya di sini untuk digunakan untuk meningkatkan lagi perniagaan-perniagaan di sini dan membawa ekonomi balik ke sini, wang ke sini Bank Negara boleh menurunkan kaedah faedah yang di caj kepada orang membawa balik wang itu ke negara kita sendiri seperti yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri Tun Mahathir dahulu pada suatu ketika. Boleh tak ini dibuat lagi untuk kita membawa semua peniaga yang ada di luar negara membawa balik wang mereka ke negara kita Malaysia? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Jawab sekali.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Boleh Tuan Yang di-Pertua. Silakan.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Tangga Batu ada menyebut tentang hendak buat seminar untuk dapat pandangan daripada ah long-ah long ini tentang bagaimana mereka menjalankan proses pinjaman dan juga mengambil balik wang yang dipinjam itu dengan efektif. Ini kerana kita tahu ROI mereka itu cukup tinggi *investment* nya.

Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Tangga Batu dalam keadaan Kementerian Dalam Negeri pun susah untuk mendapat mereka ini walaupun ada nombor telefon yang dilekat di tembok-tembok, di tiang-tiang elektrik tapi agak sukar untuk mendapatkan mereka. Bagaimanakah caranya untuk mengumpulkan mereka ini dalam keadaan mereka ini bersetuju untuk memberi pandangan pula dalam seminar-seminar yang bakal dianjurkan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih. Yang Berhormat Sibuti, apa juga rancangan yang boleh mencairkan suasana yang boleh menggalakkan lagi kegiatan ekonomi di peringkat akar umbi supaya negara boleh kekal berada dalam keadaan stabil dalam suasana ekonomi tidak menentu saya kira ia boleh menjadi satu saranan dan cadangan yang baik. Saya juga percaya pihak kementerian pun mendengar cadangan Yang Berhormat Sibuti tadi dan mereka akan membuat analisa dari segi kekuatannya, dari segi kelemahan peluang dan ancamannya dan saya yakin mereka mengambil kira perhatian Yang Berhormat Sibuti.

■1240

Bagi Yang Berhormat Pendang tadi, Yang Berhormat, saya sebenarnya cadangan saya tadi boleh juga menjadi satu *cynical* kepada kementerian. Kenapa ah long boleh berlaku demikian dan kenapa kita tidak boleh? Tetapi kalau katakan kita menelefon ah long, kita memanggil mereka datang untuk mengambil tindakan, sudah pasti mereka tidak akan hadir tetapi kalau kita memanggil mereka untuk berkongsi pandangan dan kemungkinan juga untuk memberi ganjaran dalam bentuk kepada mereka yang ingin membantu kita, saya katakan ini sesuatu yang

tak pernah dilakukan oleh orang lain sebelum ini. *Things that never been done by others*, ini kaedah baru. *Blue ocean strategy* ataupun *eliminating competitors*.

Satu perkara yang orang tak buat tapi kita buat dan mereka ini mungkin ada kreativiti mereka, ada daya inovasi mereka yang mana mungkin tak pernah terfikir dek kerana kita terlalu dibelenggu dengan proses yang begitu panjang, dibelenggu dengan *red tape*, dibelenggu dengan kerenah birokrasi. Kita tak boleh berfikir sejauh itu tetapi saya pun hairan. Kenapa ah long boleh letak nombor telefonnya dan dipanggil oleh pelanggan, mereka boleh datang. Bila Kementerian Dalam Negeri telefon pula mereka tahu ha ini pegawai daripada Kementerian Dalam Negeri, kita tak boleh datang kerana kita akan ditangkap dan dihukum. *Return on investment* yang tinggi kerana mungkin mereka menjangkakan risikonya tinggi.

Bila risiko yang tinggi, pulangan mestilah tinggi tetapi kalau mereka dapat merasakan ada satu bentuk *collaboration*, kerjasama dengan pihak kerajaan, mungkin mereka boleh mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan yang akhirnya akan menguntungkan kedua-dua pihak.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Situasi menang-menang. Ah long menang, rakyat menang, kerajaan pun menang. Ini, menang, menang, menang dan saya yakin dan percaya ia akan jadi satu kaedah yang menarik dan boleh menggalakkan lagi kegiatan ekonomi di peringkat akar umbi dan meringankan beban kerajaan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: [Bangun]

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya bagi Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan dah bangun dulu.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Tangga Batu. Saya tertarik soal kegiatan ah long. Saya mengikuti hujah-hujah Yang Berhormat Tangga Batu soal kegiatan ah long ini. Kegiatan ah long ini saya tidak tahu apa pendapat Yang Berhormat Tangga Batu mengadakan *collaboration* dengan kegiatan ah long ini. Bahkan kita banyak tempat-tempat yang mana peniaga-peniaga kecil-kecilan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Tak perlu sentuhlah apa dan siapa nama. Tiap-tiap kementerian pun ada tempat meminjam tapi sukar sekali peminjam ini dapat kelulusan. Jadi soal *collaboration* dengan ah long ini seolah-olah kita ini melegalizekan kegiatan ah long ini. Saya mintak sedikit pendapat Yang Berhormat, kalau agensi-agensi yang tersedia, tempat-tempat peniaga kecil ini, tempat meminjam supaya dapat memajukan kegiatan ekonomi terutama sekali ekonomi-ekonomi di luar bandar dan termasuk juga di bandar yang mana kita lihat antara pendekatan yang dibuat oleh ah long ini secara *hands on*.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya agensi-agensi yang begitu ketat sekali syaratnya bagi peminjam untuk mendapat pinjaman ini. Boleh Yang Berhormat

mencadangkan kepada kerajaan supaya melonggarkan semua syarat itu? Menteri Kewangan ada di sini supaya boleh mendengar pendapat Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Yang Berhormat Tangga Batu, sikit saja.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, sila. Saya beri peluang.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih. Yang Berhormat Tangga Batu, saya sebenarnya teruja dengan pandangan tadi itu. Bukan sahaja apabila dibangkitkan mengenai pendekatan *blue ocean* itu tetapi saya berbeza sedikit dengan Yang Berhormat Putatan daripada menggunakan perkataan kolaborasi. Saya mengambil pendekatan, mahu pandangan Yang Berhormat Tangga Batu seperti yang dibuat oleh Hernando de Soto, saya ingat kita punya Senator tahu. Seorang ekonomis di Peru yang mana melihat bahawa banyak non formal ataupun yang tak berdaftar, aktiviti ekonomi ini yang amat berjaya di Peru, di Brazil sehingga mengangkat agenda bukan sahaja daripada segi hartanah, *property right*nya malah daripada segi *business right*nya juga didaftarkan semula dengan memudahkan tapi dia tak guna perkataan kolaborasi.

Dikatakan memperkasakan, *legal empowerment*, mempermudah, membanyakkan supaya dapat diurus kerana kegagalan ah Long ini ialah daripada segi aspek *governance* dan pengurusan. Jadi, agenda itu Yang Berhormat Tangga Batu telah diangkat di peringkat UNDP. Hernando de Soto dan Madeleine Albright Jadi saya mengatakan bahawa kesungguhan itu sebenarnya yang hilang di dalam mengangkat industri non-formal ini sebagai satu yang juga menguntungkan kepada negara. Saya tidak mahu *money lending* ini, *money lending* satu industri yang baik dan hanya memerlukan satu pengurusan di dalam paradigma baru dan juga aspek *governance* yang banyak contoh terutama di Negara Amerika Latin. Itu cadangan yang baik.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya Yang Berhormat Putatan, apa yang saya sebutkan tadi adalah lebih menunjukkan kepada kenapa orang lain boleh buat, kenapa kita tak boleh buat. Kenapa pihak yang tidak ada pendaftaran, tidak ada permit dan sebagainya boleh melaksanakan dengan baik tetapi kita dengan segala-galanya, diberikan laluan, diberikan lampu hijau, kita tidak boleh melaksanakan dasar ini dengan baik. Itu terserah kepada pihak kementerian yang agensi-agensinya menyediakan kemudahan-kemudahan mikro kredit, kemudahan-kemudahan pinjaman dan sebagainya untuk mengkaji, untuk mengambil tindakan seberapa segera yang boleh.

Kepada Yang Berhormat Balik Pulau, memang itulah yang saya maksudkan. Mungkin perkataan kolaborasi itu tidak baik tetapi dia lebih membawa kepada maksud kenapa tidak ada satu program pemutihan di mana kita mengambil peluang daripada masalah yang melanda negara kita pada hari ini dan ini adalah satu tatacara kerja yang bijak ataupun yang *smart work*. Bekerja *smart* tetapi tidaklah begitu teruk sehingga kita terpaksa melumpuhkan apa yang ada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira peluang kepada Ahli Parlimen lain juga kita nak berikan. Yang Berhormat Machang pun dah menunggu-nunggu memandang bila nak habis Yang Berhormat Tangga Batu ini. Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melihat peranan Majlis Penasihat Syariah ini bukan sahaja kepada kesucian dan keterpeliharaan proses transaksi ataupun proses-proses penghantaran perkhidmatan kewangan itu, kesucian dan keterpeliharaannya sahaja tetapi perlu juga melihat bagaimana kaedah penyampaian perkhidmatan yang cemerlang tadi itu.

Bagaimana sebuah bank institusi kewangan Islam boleh dihormati kalaulah sesuatu transaksi yang cuma bernilai RM100-RM200 terpaksa beratur selama berjam-jam. Bukankah melakukan satu kerja itu mengikut peraturan itu juga adalah kehendak syiar kita? Patuh kepada keperluan dan kehendak seseorang pelanggan itu. Saya tak suka menyebutkan mana-mana institusi kewangan ini tetapi membawa jenama Islam, bank Islam tetapi masuk dalamnya seolah-olah tidak wujud langsung kesedaran tentang bagaimana Islam itu sebenarnya sebuah agama yang selamat, aman, yang boleh memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Dengan pegawai-pegawainya yang langsung tidak peka kepada kaedah-kaedah *quality customer service*, perkhidmatan pelanggan yang berkualiti yang langsung tidak nampak tidak boleh membezakan mana satu pelanggan yang bernilai, mana satu pelanggan yang tidak bernilai. Semuanya dibuat semberono sahaja.

Jadi di sini sebenarnya saya kira sebagai satu elemen bagaimana kita boleh mempromosikan kewangan Islam itu ialah daripada pegawai-pegawai yang melaksanakan dasar-dasar tadi itu dapat melaksanakan perkhidmatan mereka dengan cemerlang dan cekap lebih-lebih lagi dalam konteks menyediakan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti di kaunter-kaunter perkhidmatan. Lebih-lebih lagi di dalam era globalisasi ini, langit terbuka. Suka saya membuat satu deklarasi di sini ialah bank Islam adalah yang terkebelakang sekali berbanding dengan institusi-institusi bank lain.

■ 1250

Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin faham apa yang saya maksudkan ialah untuk hari ini mereka tidak lagi melihat, contohnya, peratusan faedah dan sebagainya. Mungkin ramai pelanggan akan melihat kecekapan dan keberkesanan bank itu menyediakan perkhidmatan mereka dan pada masa yang sama bagaimana mereka boleh memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan-pelanggan mereka.

Satu perkara lagi ialah tentang zakat. Kita semua maklum bahawa zakat ini dalam erti kata istilahnya ialah kesuburan. Apa juga pelaburan yang kita buat, kita mengharapkan ianya akan berlipat ganda selepas itu dan dalam kaedah Islam, kita mempunyai zakat. Saya minta Bank Negara untuk melihat kembali bagaimana *facility* pembayaran zakat ini boleh disediakan kepada pelanggan-pelanggan yang mungkin menghadapi masalah pengurusan masa untuk

pembayar zakat ini. Sangat mudah. 1/40 daripada harta simpanan atau wang yang disimpan boleh dibayarkan zakat setelah cukup nisab dan *haulnya*.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, sebelum akhir, iaitu mungkin sudah tiba masanya, oleh kerana nilai wang kita oleh kerana wang syiling 1 sen dan 5 sen tidak lagi dilihat sebagai mempunyai nilai yang tinggi dan kadang-kadang pelanggan jumpa, ini 5 sen tidak apalah simpan dan sebagainya. Mungkin sudah tiba masanya untuk kita melihat kembali wang kertas RM500 itu boleh dikeluarkan semula kerana RM100 pun telah dianggap sebagai satu yang biasa. Jadi mungkin sudah tiba masanya untuk kita mengeluarkan wang kertas RM500 untuk menambah kecekapan dan keberkesanan kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ialah pihak Menteri mungkin boleh melihat bagaimana pihak *credit card*, pengeluar *credit card*, institusi kewangan yang mengeluarkan *credit card* hari ini sebenarnya mengenakan caj perkhidmatan kepada peniaga-peniaga yang berasaskan komisen. Yang Berhormat Machang, sekejap sahaja lagi. Saya ambil contoh di sini ialah peniaga-peniaga francais yang menyediakan dan menjual barang-barang berasaskan komisen.

Tuan Yang di-Pertua, caj *credit card* itu dikenakan, ditolak daripada komisen yang diperolehi oleh peniaga-peniaga tersebut. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau komisennya 5 sen dan caj *credit card* itu 2%. Daripada 5 sen itu, 3 sen diambil oleh institusi kewangan yang menyediakan *credit card*, peniaga hanya memperolehi 2 sen. Jadi di manakah sebenarnya semangat ataupun roh kerajaan membina francais tadi untuk memberi mereka peluang, membina keuntungan tetapi keuntungan lebih besar pergi kepada institusi kewangan yang menyediakan *credit card* tadi.

Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri kerana mendengar dan saya yakin Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan-tindakan untuk memperbaiki masalah ini. Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang, sila.

12.53 tgh.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*. Peluang untuk saya mengambil bahagian pada perbahasan Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia 2009.

Saya mulakan dengan merujuk kepada matlamat dan fungsi utama Bank Negara Malaysia. Hal ini disebut di dalam perkara 5 dari (a) sampai (i) termasuklah peranan Bank Negara bertindak sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan. Sudah tentulah untuk menjalankan peranan sebagai penasihat kewangan, saya percaya Bank Negara mempunyai kelebihan tersendiri termasuklah Bank Negara sudah semestinya perlu mempunyai satu *team* penyelidikan ekonomi yang baik dan mantap, mempunyai pangkalan data, mengenai ekonomi dalam dan luar negara sekarang dan masa depan yang baik dan sebagainya.

Bahkan Bank Negara dalam menjalankan fungsi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya seharusnya mengambil pendekatan ataupun bersikap *independent* dalam mengawal dan menasihati kerajaan dalam polisi perbelanjaan kewangan kerajaan. Saya mulakan ini kerana saya berpendapat sebagai bank pusat yang mengawal tentang polisi kewangan negara, sementara di satu pihak lagi kita mempunyai Kerajaan Malaysia yang antara lain kerjanya ialah pungut cukai, jual aset kalau perlu, kemudian menguruskan perbelanjaan kerajaan berdasarkan kepada perancangan polisi dan sebagainya.

Dalam menjalankan atau membuat satu keputusan politik tentang maksud menjalankan satu projek pembinaan yang besar yang melibatkan dana rakyat, sudah tentulah peranan sebagai penasihat kewangan ini menjadi cukup penting. Secara khusus, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang. Saya berbesar hati kerana Menteri Kewangan dan timbalannya berada dalam Dewan. Saya tahu Menteri Kewangan yang saya kenal lama cukup minat dengan angka dan data. Itu minat dia. Dia bekas pegawai bank dahulu. Jadi dalam isu ini, yang hendak saya timbulkan ialah kerajaan pada Oktober 2008 telah mengeluarkan satu surat tawaran, *letter of acceptance*, 20 Oktober 2008 daripada Jambatan Kedua Sdn. Bhd., ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Ir. Hj. Zaini Omar kepada CHEC Construction Sdn. Bhd., syarikat dari China untuk menjalankan pembinaan fasa pertama dan dijangka siap pada pertengahan 2012.

Jarak laluan jambatan kedua ini ialah dalam anggaran 24 kilometer di laluan selatan dengan kos keseluruhannya mengikut *analysis cost* oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ialah sekitar RM12 bilion dan tol dan jangka masa konsesi ialah untuk tempoh 45 tahun dan jika siap, tolnya ialah antara RM7 hingga RM9. Berdasarkan kepada kos *comparison* yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi juga, saya difahamkan bahawa jika sekiranya kerajaan mengekalkan kutipan tol tersebut pada harga RM7 untuk konsesi 45 tahun, kerajaan masih terpaksa menampung *funding gap*, dengan izin, antara RM6 hingga RM8 bilion berdasarkan kepada isi padu lalu lintas, *traffic volume*.

Maknanya kesimpulannya ialah kalau sekiranya projek sekarang diteruskan, ianya menjadi satu projek yang tidak *viable* dari analisis kewangan. Kos ini termasuklah untuk pampasan mengambil alih tanah sekitar RM100 juta dan perlu buat jalan pesisir pantai diikuti pampasan kepada penternak kerang dan nelayan, RM100 juta lagi dan perlu buat jalan pesisir pantai. Ada alternatif lain sebenarnya dalam semangat untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan, apa lagi kerana projek ini jika dilaksanakan akan dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pencen, sebahagiannya oleh China Axim Bank sekitar USD800 juta, tetapi China Axim Bank ini saya difahamkan dan saya percaya Menteri boleh memberi jawapan, meletakkan syarat bahawa pinjaman mereka itu akan hanya dikeluarkan dan bayarannya kepada syarikat kontraktor atau subkontraktor yang mestilah membuka akaun di negara China.

Maknanya pinjaman itu tidak akan mengalir ke Malaysia. Itu akan hanya diperolehi oleh syarikat-syarikat kontraktor dan subkontraktor dari negara China ataupun perlu buka akaun di negara China. Syarat ini membawa kepada tidak ada aliran masuk wang yang dikatakan diberi pinjam oleh China Axim Bank untuk Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang. Ini membuka laluan kepada pihak kerajaan untuk membuat pertimbangan Projek Laluan Alternatif Laluan Utara yang sebenarnya jaraknya lebih pendek, sekitar 10 kilometer. Termasuklah pembinaan terowong 2.2 kilometer dan jambatan, bakinya. Terowong untuk memudahkan laluan kapal.

Projek alternatif ini, kenapakah tidak diberi pertimbangan oleh kerajaan ketika perbandingan kos yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi itu sendiri ketahu sebagai tidak *viable* jika diteruskan projek sekarang kerana kerajaan perlu menampung, saya sebutkan tadi anggaran RM4 hingga RM5 bilion untuk mengimbangi pembinaan. Walaupun tol dikutip dan konsesi yang diperuntukkan agak lama iaitu lebih 40 tahun. Padahal laluan utara ini jaraknya lebih pendek. Saya katakan tadi sekitar 10 kilometer dan kos keseluruhannya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Machang. Ya. Boleh sambung perbahasan sebelah petang nanti?

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat dan kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Usul Yang Berhormat Menteri dahulu.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****2.42 ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8 malam ini dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 2 Julai 2009.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Machang. Sila, ada 13 minit lagi.

2.33 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula perbahasan saya mengenai Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009, saya ingin mengulangi pendirian prinsip kami mengenai projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kita berpendapat pertamanya, Jambatan Kedua Pulau Pinang amat perlu dan pembinaannya wajar untuk kepentingan rakyat memandangkan jambatan yang sedia ada tidak berupaya lagi menampung bilangan kenderaan yang sentiasa meningkat dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong keperluan membina Jambatan Kedua Pulau Pinang. Namun kos bagi cadangan projek yang sedia ada, yakni laluan selatan melibatkan kos yang terlalu tinggi dan melebihi RM12 bilion. Adalah amat wajar bagi Kerajaan Persekutuan mengkaji semula cadangan projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dengan mempertimbangkan cadangan laluan alternatif, iaitu laluan utara yang melibatkan anggaran kos keseluruhan yang lebih rendah sekitar RM7 bilion sehingga RM8 bilion. Justeru dana awam melebihi RM4 bilion itu kalau diambil kira dari segi kos pembinaannya sahaja, RM4 bilion dapat diijamatkan. Akan tetapi kalau diambil tempoh konsesi 45 tahun dengan tol RM7 sehingga RM8 dan dengan *traffic volume* yang rendah, ini akan membawa kepada kerajaan terpaksa menutup *funding gap* sekitar RM4 bilion sehingga RM5 bilion lagi.

Jadi kalau ditotalkan itu, menjadikan tanggungan kerajaan itu jauh lebih besar dan angka ini sebenarnya cukup kalau hendak bina universiti, bina hospital, buat sekolah dan rumah rakyat, jauh lebih bermakna. Tidak dinafikan dalam suasana ekonomi sekarang Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah perlu diambil untuk memacu ekonomi daripada kemelut kemelesetan. Namun kita menggesa supaya prinsip berhemat dalam perbelanjaan mesti dipertahankan. Penjimatan dana awam diutamakan dan di sinilah kaitannya dengan rang undang-undang sesuai dengan fungsi Bank Negara sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan. Pembaziran dibendung, segala unsur rasuah dibanteras tanpa kompromi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan alasan-alasan yang saya berikan itu, saya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan pelaksanaan dan perjalanan projek ini yang telah pun dilunaskan bayaran setakat ini, iaitu setakat kerja yang telah siap oleh Contractor CHEC Construction – 18% dan bayaran kemajuan yang telah dibayar setakat ini adalah sebanyak RM292.7 juta daripada RM396 juta yang dituntut oleh CHEC. Bayaran ini dibayar sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan lawatan ke China supaya isu ini tidak timbul.

Manakala pakej kedua yang melibatkan UEM Builders Berhad yang telah siap sebanyak 12%, sehingga hari ini tuntutan bayaran oleh UEM sebanyak RM168 juta belum lagi dibuat bayaran oleh pihak kerajaan. Kalaupun kita terpaksa membayar pampasan kerana mengubah kepada laluan utara, tetapi kos pembangunan keseluruhannya untuk laluan utara Jambatan Kedua ini jauh lebih murah dan menjimatkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya bangkitkan ialah mengenai Enterprise Kecil dan Sederhana ataupun perusahaan kecil dan sederhana. Saya mengemukakan soalan bertulis kepada pihak kerajaan untuk mengetahui data terkini mengenai banci pertubuhan dan *enterprise* yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Diberitahu bahawa jumlah syarikat sendirian berhad yang didaftarkan adalah sebanyak 552,729 syarikat.

Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, jumlah Enterprise Kecil dan Sederhana di negara ini adalah sebanyak 548,307 syarikat bersamaan 99.2% daripada jumlah syarikat di Malaysia. Bila saya semak dalam laporan Bank Negara pula, dipecahkan lagi statistik itu kepada perusahaan mikro dari kumpulan Enterprise Kecil dan Sederhana ini. Yang dikategorikan dalam perusahaan mikro adalah sebanyak 435,300 perusahaan bersamaan 80%. Sektor Enterprise Kecil dan Sederhana ini Tuan Yang di-Pertua, menampung sehingga 5.5 juta tenaga kerja di negara kita dan sektor perkhidmatan menyumbang kepada 3.3 juta pekerjaan, sektor perkilangan – 1.4 juta dan sektor pertanian – 0.8 juta.

Pendek kata Enterprise Kecil dan Sederhana ini kita terima hakikat, dia adalah merupakan nadi ekonomi yang menyumbang kepada peluang pekerjaan yang sangat besar daripada *work force* kita sekitar 11 juta, lebih 56% bekerja dalam EKS. Isu yang saya hendak

kaitkan dengan perbahasan rang undang-undang ini adalah, bagaimanakah peranan Bank Negara dalam membantu EKS ini, Enterprise Kecil dan Sederhana.

Saya menyemak laporan Bank Negara muka surat 83, di bawah pinjaman mengikut sektor tahun 2008. EKS ini untuk data tahun 2008, mendapat sekitar RM17 juta daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan iaitu RM640 bilion. Dalam kendalian Bank Negara ini juga terdapat lebih kurang 21 dana EKS. Tabung-tabung khas dana ini termasuklah RM200 juta dana *micro finance*.

■1440

RM200 juta ini Tuan Yang di-Pertua adalah bersamaan 1.75% sahaja daripada dana keseluruhan EKS yang berjumlah RM11.8 bilion yang diagihkan melalui sembilan bank yang mengambil bahagian di dalamnya. RM200 juta kalau mengikut laporan Bank Negara ini adalah angka yang sangat kecil apa lagi untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya percaya beliau arif tentang kedudukan ini. Bagi tahun 2008, cuma RM4.2 juta sahaja yang lulus daripada pembiayaan *micro finance* ini melibatkan 241 syarikat perusahaan mikro.

Dana RM200 juta, yang diluluskan RM4.2 juta sahaja melibatkan 241 syarikat perusahaan mikro. Sangat kecil. Tadi, rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat lain berbahas tentang bagaimanakah masalah ah long boleh berleluasa sedangkan kerajaan telah menyediakan skim pinjaman mikro dengan dana sebesar RM200 juta tetapi sambutannya sangat sedikit. Apa masalahnya sebenarnya?

Apakah kerana *red tape* kerenah birokrasi? Apakah kerana syarat-syarat pinjaman? Apakah kerana maklumat tidak sampai kepada kumpulan sasaran? Peniaga kecil, pengusaha kedai runcit, pengusaha kedai makan dan secara macam. Ini isu yang harus diteliti. Kenapa boleh pinjaman melalui ah long itu berjaya? Akan tetapi pinjaman melalui skim *micro finance* ini angkanya kalau mengikut laporan Bank Negara ini sangat kecil.

Sedangkan ah long itu, dia terikat di bawah Akta *Money Lender* di bawah kendalian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dia bukan di bawah kawalan Bank Negara. Bila tidak di dalam kawalan Bank Negara, syarat-syarat untuk syarikat yang beroperasi memberi pinjaman ini tidaklah terlalu berat seperti syarat Bank Negara. Dia boleh mohon lesen, tidak payah ada jumlah deposit, tidak payah ada kawalan terhadap kadar *interest* kepada peminjam dan sebagainya. Sedangkan dalam proses ah long memberi pinjaman kepada peminjam berlaku transaksi deposit.

Seorang peminjam hendak pinjam wang kepada ah long, katalah RM1000 ah long dikenakan 30% *interest*. Peminjam akan menerima RM700. RM300 lagi dipegang oleh ah long, dianggap sebagai deposit. Ini satu transaksi deposit yang sebenarnya melibatkan kawalan di bawah Bank Negara tetapi kerana ah long tidak berdaftar, dia cuma berdaftar dengan Akta *Money Lender*, jadi dia terlepas daripada kawalan ini.

Kita pernah mendengar beberapa tahun dahulu, Bank Negara mengambil tindakan ke atas skim cepat kaya kerana melibatkan pengambilan deposit tanpa lesen. Di sini, syarikat-syarikat yang memberi pinjaman, yang kita sebut sebagai *ah long* ini mereka juga terlibat dalam transaksi deposit tetapi mereka terlepas. *Ah long* ini berjaya apabila skim *credit finance* kita dilihat malap. *Ah long* akan gagal jika sekiranya skim *micro finance* kita *success* dan berjaya. Ini sebenarnya perkara yang ada kaitan dengan hal-hal yang sedang kita uruskan. Rupa-rupanya *ah long* itu mendedahkan dan menelanjangkan kelemahan dalam sistem pemberian pinjaman yang skimnya terdapat secara macam. Dana-dana khas dan segala macam pinjaman itu rupanya tidak sampai kepada kumpulan sasaran sedangkan *Ah Long* mudah sahaja menemui pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu terakhir, yang ketiga. Dalam laporan Bank Negara ini juga, saya teliti di bawah maklumat jadual tambahan hal-hal lain. Ia menyebut mengenai pasaran eksport industri petroleum di negara kita iaitu industri gas dan juga minyak. Maklumat ini adalah merupakan maklumat milik semua rakyat Malaysia. Ini khazanah untuk rakyat Malaysia, maklumat dan dokumen Bank Negara.

Pelanggan utama pasaran eksport utama minyak negara ialah India, Australia, Singapura, Thailand, Korea dan Indonesia. Tahun 2008 sahaja maklumat memberitahu 17 bilion tan minyak telah kita jual kepada negara-negara pembeli. Manakala gas asli cecair, pelanggan utama kita ialah Jepun, Korea, dan China-Taipei. Tahun 2008 sebanyak 23 bilion tan gas telah dijual. Daripada mana datangnya industri petroleum di negara kita? Datangnya daripada empat negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Hari ini, tiga negeri sahaja yang menerima royalti petroleum daripada Kerajaan Pusat. Tiga negeri itu tidak termasuk Kelantan. Kelantan tercicir. Akta Pembangunan Petroleum 1974 melahirkan Petronas. Akta ini juga mewajibkan semua kerajaan negeri menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Pusat yang melalui Petronas akan diberi hak mengusahakan hasil industri petroleum di sesebuah negeri. Kemudian, timbal balasnya ialah negeri berkenaan layak menerima 5% royalti.

Saya tegaskan pada perbahasan terdahulu melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan, KDNK negara di bawah Jabatan Perdana Menteri, Kelantan menerima atau mengeluarkan hasil industri petroleum di antara RM2.5 sehingga RM2.9 bilion setahun. Kiraan ini memberikan kita bahawa Kelantan layak untuk menerima royalti sebanyak RM1000 juta mulai tahun 2004. Persoalannya ialah, jika sekiranya Kelantan tidak menerima satu sen pun royalti industri petroleum sehingga hari ini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan Apakah pada 1974, 1975 Kelantan tidak menandatangani sebarang perjanjian dengan Kerajaan Pusat mengenai mengusahakan hasil petroleum. Jika tidak, kita terima hakikat bahawa Kelantan tidak layak terima royalti.

Apakah ada tandatangan dibuat antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Kelantan padahal Akta Pembangunan Petroleum itu mewajibkan semua kerajaan negeri waktu itu tidak

kira yang ada minyak atau tidak ada minyak menandatangani perjanjian dengan Petronas? Apakah Kelantan ada tandatangan atau pun tidak? Ini persoalannya. 1974, Kelantan diperintah oleh Barisan Nasional. Kerajaan campuran saya ingat waktu itu. Apakah Terengganu tandatangan, Johor tandatangan, Sabah, Sarawak tandatangan. Kelantan tandatangan atau tidak?

Ini mungkin boleh menyelesaikan tanda tanya kenapa sehingga hari ini RM1000 juta itu tidak menjadi milik rakyat Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memberikan saya tiga perkara yang saya kemukakan tadi. Pertama, saya membangkitkan tentang fungsi Bank Negara Malaysia sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan dengan memberikan contoh berkenaan pelaksanaan projek jambatan kedua Pulau Pinang, laluan selatan, 24 km, RM12 bilion berbanding laluan utara RM7 bilion yang tidak menjadi pertimbangan kerajaan. Saya ingin tahu apa alasannya?

Kedua, saya menyebutkan beberapa angka tentang tabung-tabung khas dana EKS atau PKS mengikut laporan Bank Negara yang saya dapati di antaranya adalah dana *micro finance* yang sangat kecil pesertanya atau *disbursement* nya, dengan izin, cuma kepada 241 syarikat melibatkan dana RM4.2 juta. Apa jadi sebenarnya? Ada atau tidak kawalan terhadap *disbursement* ini? Bagaimana elemen pemantauannya dan bagaimana pula elemen *reporting* nya.

Ketiga, saya membangkitkan tentang pasaran eksport petroleum negara ke negara-negara yang memberikan sumbangan cukup besar kepada pendapatan negara. Saya timbulkan kenapakah Kelantan tidak layak menerima royalti sehingga hari ini padahal Akta Pembangunan Petroleum 1974 itu turut melibatkan Kelantan.

Point terakhir saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua ialah lapan bulan sudah Pakej Rangsangan Ekonomi berjalan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan laporan kad kemajuan pada tahap ini? Pertama, berapa banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan. Kedua, *indikator* nya adalah ada atau tidak berlaku pertambahan pendapatan di kalangan rakyat? Ketiga, meningkat atau tidak kadar simpanan melibatkan rakyat?

Biarlah kad-kad kemajuan ini dapat diberikan seawal lapan bulan pakej ini telah dilakukan. Dengannya kita boleh menyukat KPI, pelaksanaan pakej rangsangan yang dibuat oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membahaskan. Terima kasih.

■1450

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dimaklumkan tadi bahawa Speaker telah menghadkan kepada seorang sahaja bercakap lagi. Jadi, maknanya saya tidak akan mengubah arahan sedemikian. Saya juga dimaklumkan untuk menjemput Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham, Yang Berhormat. Semalam tadi...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggulah, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Wangsa Maju.

2.50 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 ini. Bank Negara adalah perbadanan perbankan tertinggi di negara yang berkuasa di bawah undang-undang untuk memantau serta mengawal tindak-tanduk semua bank di Malaysia termasuk segala operasi kad kredit yang dikeluarkan oleh syarikat kad kredit ini seperti MBF, Citibank dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memastikan keutuhan sistem kewangan negara, Bank Negara juga berperanan penting dalam menjaga kepentingan dan hak orang awam yang berurusan dengan bank-bank ini supaya kita boleh mengelakkan rakyat jelata daripada dieksploitasi oleh bank-bank ini yang mengaut keuntungan lumayan tahun demi tahun. Bank Negara harus memikirkan bagaimana ia boleh menyahut laungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya rakyat diutamakan lebih-lebih lagi dalam waktu kegawatan ekonomi kini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai jenis penindasan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh bank-bank komersial di Malaysia antaranya:

- (i) faedah paling tinggi atas hutang kad kredit adalah lebih kurang 20% iaitu tiga atau empat kali ganda daripada *based lending rate*, dengan izin;
- (ii) promosi penjualan kad kredit yang sungguh *aggressive* sehingga menyebabkan ramai orang yang simpanannya tidak berpendapatan boleh memiliki daripada satu kad kredit dan syarat-syarat yang amat longgar untuk pemindahan baki, pengeluaran kad tambahan atau *supplementary card* serta kelayakan untuk mendapatkan *platinum card* dan *gold card*;
- (iii) kita boleh lihat pada hari minggu atau pada hari biasa di semua *shopping complex* ada banyak syarikat kad kredit, ada promosi di sana, bercakap dengan pelanggan, minta IC dan kad kreditnya akan diluluskan dalam sehari dua sahaja. Bank Negara mesti ambil perhatian dalam

perkara ini. Oleh kerana apabila rakyat jelata dapat kad kredit dengan senangnya mereka akan menggunakan kad kredit ini dan akhirnya mereka tidak mampu membayar. Untuk syarikat kad kredit mereka tidak mengapa, mereka boleh dapat yuran dan mereka mungkin ada *agreement* dengan bank di mana bank akan *underwrite*, dengan izin semua kredit-kredit yang digunakan oleh rakyat;

- (iv) caj bank oleh Maybank sehingga RM500 hanya untuk menguruskan penerimaan simpanan wang kertas yang melebihi seribu keping;
- (v) caj bank sebanyak RM50 hanya untuk mengeluarkan surat pengesahan baki pinjaman rumah bagi tujuan mengeluarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (vi) sejumlah 1% *commitment fees* atas hak *overdraft* yang tidak digunakan di mana bank masih menikmati pendapatan maksimum pinjaman tidak dibuat kepada pelanggan;
- (vii) caj RM12 oleh Maybank terhadap pelanggan jika kad dicuri atau terlupa nombor pin. Juga, kalaulah seseorang kehilangan kad kredit dan mereka meminta kad kredit yang baru...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti saya habiskan.

...Apabila mereka meminta kad yang baru daripada syarikat yang mengeluarkan kad kredit itu mereka akan di caj sebanyak RM50. Ini satu caj yang *exorbitant*.

Saya harap Bank Negara memainkan peranan yang baik dan jujur mengawal syarikat kad kredit ini untuk menjaga kepentingan rakyat jelata, bukan menjaga syarikat yang mengeluarkan kad kredit ataupun bank-bank komersial di negara kita. Sila.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Wangsa Maju. Dalam sistem ekonomi, satu daripada teori, malah bukan sahaja teori tetapi praktiknya iaitu pertumbuhan ekonomi adalah amat penting kepada kebajikan rakyat. Ekonomi yang tidak berkembang tidak baik untuk rakyat. Untuk merangsang pertumbuhan ekonomi perlu ada permintaan sama ada daripada luar ataupun dalam, dalam bahasa Inggeris disebut *consumer demand*.

Consumer demand atau permintaan pengguna yang tinggi adalah amat perlu bagi memacu ekonomi kerana ia akan mendorong kepada peningkatan pengeluaran (*production*). Tidak ada permintaan, maka *production* akan merosot, ekonomi tidak berkembang. Jadi penggunaan kad kredit adalah satu *medium* ataupun alat yang mana ia menggalakkan penggunaan, perbelanjaan. Dari satu segi di lihatnya tidak positif. Ia boleh jadi membebankan mereka yang memegang kad kredit kalau mereka menggunakannya secara tidak

bertanggungjawab ataupun menyalahgunakannya. Itu satu aspek yang lain, tetapi yang pentingnya ialah penggunaan secara berhemah oleh pemegang kad kredit itu ada kesan positifnya kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui permintaan daripada pengguna. Bagaimana Yang Berhormat Wangsa Maju hendak menyelesaikan di antara dua faktor yang bercanggah ini? Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Salak. Mengenai dengan kad kredit ini, memang kita bukannya meminta Bank Negara untuk memberhentikan kad kredit ini. Memang kad kredit ini penting. Yang kita mahu, Bank Negara memainkan peranan untuk mengawal selia orang yang layak yang diberikan kad kredit, bukan keluarkan kad kredit sewenang-wenangnya sampai orang yang tidak layak dapat kad kredit. Ini akan memberikan satu *advance* kepada mereka dan akhirnya menjadi satu masalah sosial dalam negara kita serta menimbulkan pelbagai jenayah selepas itu. Itu yang kita hendak Bank Negara lakukan, bukannya kita hendak berhentikan kad kredit ataupun jangan keluarkan kad kredit lagi. Boleh keluarkan kad kredit kepada orang yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah menerima aduan daripada seorang penduduk di kawasan saya di mana kad kreditnya yang beliau jarang gunakan telah tercicir dan beliau hanya sedar akan kehilangannya apabila beliau menerima penyata bulanan daripada MBF Card Malaysia Sdn. Bhd menunjukkan banyak urus niaga yang tidak diketahui. Sungguhpun beliau dengan serta-merta memaklumkan syarikat kad kredit tersebut, MBF Card masih berkeras menghendaki beliau menanggung semua *liability* yang berjumlah lebih daripada RM8,800 itu dan memberi banyak tekanan terhadapnya termasuk mengeluarkan *letter of demand*, hendak ambil kes beliau ke mahkamah.

■ 1500

Apabila saya menyelami klausa 15.2 dalam garis panduan kad kredit Bank Negara yang dikeluarkan oleh Bank Negara sendiri, ia dengan jelas menyatakan bahawa had tertinggi tanggungan seorang mangsa itu hanyalah RM250 sahaja. Jika jumlah urus niaga yang dipertikaikan melebihi jumlah tersebut, maka syarikat kad kredit mesti membuktikan bahawa pemegang kad itu telah melakukan penipuan *fraudulent* atau pun memaklumkan pihak syarikat secepat mungkin setelah menyedari kehilangan kad tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, MBF Cards (Malaysia) Sdn Bhd selaku syarikat khusus dalam perniagaan kad kredit juga harus mengadakan prosedur kawalan dalaman yang mencukupi untuk mengelakkan berlakunya penipuan. Dalam kes ini, kad kredit yang jarang digunakan tiba-tiba mencatatkan urus niaga yang bertubi-tubi dengan beberapa syarikat sahaja. Saya dimaklumkan bahawa syarikat kad kredit seperti Citibank sering menyekat kad kredit serta memaklumkan pelanggannya apabila urus niaga yang mencurigakan dikesan. Akan tetapi MBF Cards (Malaysia) Sdn Bhd tidak mengamalkan tahap keprihatinan yang setanding, bahkan

membenarkan urusan-urusan yang mencurigakan terus berlaku sehingga jumlah tanggungan telah bertimbun dan menjadi sangat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membawa kes ini kepada perhatian Bank Negara dalam bulan April 2009. Baru-baru ini saya baru terima sepucuk surat jawapan bertarikh 24 Jun 2009. Bank Negara gunakan dua bulan untuk menjawab. Inikah *delivery system* kerajaan kita yang mengatakan *delivery system* dalam tiga hari? Dua bulan Bank Negara dengan pegawai dan kakitangannya beratus-ratus orang. Malulah Bank Negara perlu dua bulan untuk menjawab surat.

Surat itu dijawab oleh Encik Abu Hassan Ashaari Yahaya, Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat, yang amat memeranjatkan, mengecewakan dan boleh menyebabkan kehilangan kepercayaan umum terhadap kewibawaan, keadilan dan kebijaksanaan Bank Negara. Dalam surat tersebut, Encik Abu Hassan menyatakan bahawa setiap aduan kad kredit akan disiasat secara terperinci oleh pengeluar kad kredit. Dalam hal ini MBF Cards telah memaklumkan Bank Negara bahawa urusan niaga yang dipertikaikan telah dilaporkan selepas 14 hari berlakunya transaksi tidak sah yang pertama. Oleh itu Encik Abu Hassan mewakili Bank Negara memutuskan bahawa pengadu adalah bertanggungjawab untuk semua urusan niaga yang dipertikaikan.

Sejak bilakah Bank Negara hanya mengikut jari telunjuk bank-bank yang sepatutnya di bawah kawalan dan jagaannya? Bukankah Bank Negara harus menyiasat lanjut mengenai aduan yang diterimanya dan bukan hanya mendengar dan menerima tanpa persoalan apa-apa maklumat daripada bank-bank serta syarikat kad kredit? Sejak bila Bank Negara telah jadi 'Pak Turut' anak-anaknya? Sejak bila Bank Negara jadi apa yang ditulis oleh syarikat kad kredit, ya itulah betul.

Kalau begitu tutuplah bahagian aduan. Tidak payah ada bahagian aduan di Bank Negara, untuk apa? Untuk menyiasat bukan untuk duduk di sana menerima semata-mata apa yang diberi kepada mereka. Apa yang diberi kepada mulut makan sahaja. Buat apa? Itu gaji buta tidak payah ada pegawai Bank Negara, letak komputer pun boleh. Seorang *clerk* pun boleh, nanti surat daripada syarikat kad kredit. Itulah alasannya orang awam tidak dipedulikan. Aduan-aduan yang dibuat tidak dipedulikan. Buat apa kita ada garis panduan Bank Negara untuk kad kredit. Tidak guna. Mansuhkan itu tak payah. Jaga sahaja kepentingan syarikat kad kredit seperti MBF.

Tuan Yang di-Pertua, ini boleh diibaratkan seperti "polis melepaskan penyamun setelah penyamun memaklumkan pihak polis bahawa mangsa samun itu rela dirompak." Beginilah kualiti seseorang pengarah Bank Negara atau pun inilah kualiti Bank Negara kita ini. Boleh dikatakan, "*harap pagar, pagar makan padi.*"

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hendak cakap kepentingan Bank Negara?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, ya. Bank Negara.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya dipersilakan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sebelum cakap panjang Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lima minit sahaja lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tidak ada masa. *Sorry.. [Ketawa]* Inilah yang kita nampak *mission statement* Bank Negara termasuk ungkapan berikut, *"promoting a work culture which emphasizes the highest standards of professionalism and integrity, prudence, teamwork and innovation."* Mana ada ini *mission*? Ini *mission statement* sudah bankrap tidak boleh guna lagi. Boleh kata *"promoting work culture"*. *"Promoting culture yang tidak apa."* Baru betul untuk Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Bank Negara juga boleh tengok ada satu kes lagi iaitu *outflow of fund* dengan izin. Di sini saya ingin memetik laporan daripada *The Sun* pada 2 April 2009.

"...RM130 million outflows in insurance premiums via wire EWP. More than RM130 million in insurance premiums flows out of the country annually under the Extended Warranty Programme (EWP) for Malaysian-made cars. According to sources, Allianz General Insurance Company (M) Berhad, a locally registered company is the current lead EWP insurer for Proton and Perodua cars. The company has arranged for all co-insurers to cede 90% of risk to American-owned reinsurance company Virginia Surety Ltd.

Virginia Surety is a reinsurance company writing only extended warranty insurance registered in Labuan and premiums earned here are being remitted back to the States." To America, bukan untuk kita, kepada negeri Yahudi.

"The source said, a check with Senior Managers and Directors of Insurance Companies showed that the EWP did not required overseas reinsurance as there is ample local expertise and acceptability in this area. The source said that just like all Labuan-registered companies, Allianz marketing/sales offices are based in Kuala Lumpur.

With a big multinational company like Allianz doing this business, the reinsurance percentage has increased to 90%. Does this make sense? What happened to local retention? An industry source asked.

The estimated yearly insurance premium for EWP from Proton and Perodua amounts to more than RM130 million. Does it make sense to allow this outflow during the current financial meltdown?"

Ini adalah penting. Kenapakah Bank Negara, satu badan yang menjaga perbankan dan termasuk insurans membenarkan wang untuk insurans sahaja RM130 juta keluar daripada Bank Negara kita kepada Amerika. Saya harap Bank Negara ambil perhatian dalam perkara ini.

Ada banyak lagi. Baru-baru ini saya bangkitkan mengenai Kementerian Pelancongan. Ini pun ada satu *outflow of fund*, dengan izin, daripada negara kita kepada negara asing. Saya telah

bangkitkan perkara skandal terhadap Grace Chen Oyan Yun Shai sahabat karib Menteri Pelancongan dari semasa beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Pelancongan pada tahun 2002 sehingga kini.

■1510

Semasa beliau meletak jawatan sebagai Timbalan Menteri Pelancongan beliau pergi ke Timbalan Menteri Kewangan. Pada masa itu PA nya yang bernama Ivy terus masuk dalam syarikat Grace Chen ini iaitu Daley PR. Saya rasa Kementerian Pelancongan pun tahu, Daley PR ini adalah satu syarikat yang amat berpengaruh dalam Kementerian Pelancongan. Dapat semua kontrak di negeri China. Saya harap Bank Negara juga boleh menyiasat skandal ini dari segi, sama ada wang-wang yang diperolehi oleh Grace Chen seorang *Taiwanese* atau syarikat *nomineenya* seperti Daro Worldwide Sdn. Bhd. yang mengendali "*Tourism Call Center*"...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Untuk Kementerian Pelancongan. Venturepharm Asia Sdn Bhd untuk Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dan Developtrend Sdn Bhd untuk Kementerian Pertanian dari Kerajaan Malaysia, mengikut undang-undang perbankan dan *sign control*. Sebab syarikat-syarikat tersebut dan orang-orang Grace Chen ini, beliau dapat banyak projek dan juga *techno fund* daripada negara kita.

Projek-projek dapat dari negara kita, sampai Kementerian Pertanian di bawah pemimpin tertinggi yang kedua dalam negara. Dia boleh jadi seorang Lembaga Pengarah, *Board of Director* di Koperasi Perikanan Berhad dalam negara kita Grace Chen ini. Beliau dapat projek juga dalam Kementerian Pertanian melalui Developtrend Sdn Bhd. *Company numbemya* 241869-W. Ini yang penting, yang saya tahu semasa dia dapat apa-apa bayaran daripada Kerajaan Malaysia, seterusnya akan diinvois daripada syarikat di luar negeri, *offshore company*, dan *bill* kepada syarikat di sini. Barisan Nasional dengar baik-baik dan wangnya terus hantar keluar kepada akaun bank di Hong Kong, di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Iaitu di Swaziland. Ini yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tahu penting Yang Berhormat, macam Bank Negara bagi arahan itu juga Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No!* Sebab kita hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kena ikut arahan juga Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya hendak tahu, Bank Negara ini kena buat satu siasatan. Kalaulah wang ini dibayar bukan untuk *services* yang sebenarnya, jadinya wang ini keluar dan menjadi satu *out flow fund*. Ini memang salah dari segi *exchange control*. Akan tetapi

Bank Negara memang tidak tahu. Dia memang tidak tahu. Dia hanya menunggu sahaja bank itu memberi jawapan dan terima semata-matanya. Bukannya hendak menyiasat dengan baik.

Jadinya kes-kes yang saya sebutkan ini, bukannya melibatkan wang yang sedikit Tuan Yang di-Pertua tetapi wang yang banyak. Wang ini daripada *TechnoFund*. Wang ini daripada rakyat. Kalaulah wang ini diberi kepada rakyat, lebih baik. Akan tetapi tidak, ia diberi kepada syarikat Grace Chen ini dan syarikat *nominee* nya. Wangnya terus keluar daripada Bank Negara. Bukankah itu satu kerugian untuk negara kita? Bahkan lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan diketawakan oleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat berapa panjang lagi hendak habis Yang Berhormat? Kalau hendak tunggu habis, satu hari pun tidak boleh habis Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya sudah bagi tahu dari awal lagi tadi Yang Berhormat. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, jangan takut. Ini untuk kepentingan rakyat. Saya harap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya tidak suka dengar percakapan takut Yang Berhormat. Saya tidak suka dengar percakapan itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Putatan kacau saya. [*Ketawa*] Jadi... Tuan Yang di-Pertua saya harap Bank Negara boleh *check* dari akaun syarikat yang digunakan oleh *offshore company* nya. Mega Rider Offshore Ltd. dan satu lagi Lucky Field Holding Ltd. di Hong Kong. Ini adalah syarikat-syarikat yang saya tahu digunakan oleh orang asing ini. Baru ini ia sudah dapat kewarganegaraan negara kita. Sila buat siasatan yang baik, jaga kepentingan kita. Janganlah seperti satu badan yang '*harap pagar, pagar makan padi*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat Wangsa Maju sudah. Semasa saya jemput Yang Berhormat Wangsa Maju tadi hanya dua orang sahaja yang berdiri untuk bercakap. Jadi saya bagi Yang Berhormat Berus sepuluh minit dan Yang Berhormat Bukit Bintang sepuluh minit. Sila Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat. Yang lain boleh mencelah Menteri nanti.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Charles Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, Klang juga sepuluh minit.

3.15 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya kata dua orang sahaja Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan mengenai ramai orang telah tertipu dengan sebuah syarikat atau sindiket, yang menggunakan pelbagai nama syarikat melibatkan wang pelaburan yang banyak dan ia berjaya menarik ramai orang menyertai skim tersebut.

Syarikat itu yang berlingung di belakang pelbagai nama ialah Cooperal Marketing Concept Sendirian Berhad, GMC Utama Sendirian Berhad, Amazed Aims Marketing Sdn. Bhd dan **Waterdrops Sdn. Bhd.**, yang menjalankan *business mart kiosk* iaitu *machine vending* sejak sekitar tahun 2007.

Ramai pelabur telah menyertai *business* ini dengan membayar deposit dan membeli *machine vending* dengan berjanji pulangan pelaburan yang menarik. Malangnya setelah banyak wang dilaburkan sehingga sekarang perniagaan ini tidak menjadi kenyataan. Para pelabur belum berupaya untuk mempunyai e-service berjumlah RM3,850, lesen *software* RM9,591, pajakan *multi automated touch screen kiosk* berjumlah RM15,810 setiap satu unit.

Charge pentadbiran RM8,926 dan lain-lain lagi. Para pelabur tertunggu-tunggu dan akhirnya mereka berasa tertipu dan membuat laporan di balai polis dan Bank Negara. Malangnya tiada tindakan yang diambil oleh pihak polis mahu pun Bank Negara. Para pelabur berjumpa saya untuk menyatakan kekesalan mereka dengan penipuan perniagaan ini. Konsep perniagaan ini diasaskan oleh seorang pemuda bernama Michael Tan, yang beralamat di nombor 16-2 dan 18-2 Jalan Telawi 3, Bangsar Baru, Kuala Lumpur. Walau pun mereka telah berulang alik ke syarikat tersebut tetapi tiada apa-apa kesan. Kini syarikat-syarikat tersebut telah ditutup.

Di tangan saya ada senarai lama pelabur yang ditipu. Terdapat seramai 200 orang yang melabur. Mereka pun ada buat laporan kepada polis dan Bank Negara. Masih ada lagi yang terus dikesankan. Saya bangkitkan perkara ini adalah untuk menjelaskan bagaimana kekecewaan para pelabur yang telah menghabiskan simpanan mereka dalam pelaburan ini tetapi tidak menjadi kenyataan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Laluan. Sedikit...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat diperingatkan ada sepuluh minit sahaja ya.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, sikit sahaja, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perkara ini saya juga meminta supaya Yang Berhormat juga menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu beberapa syarikat seperti Noras Travel dan juga Buluh Emas yang juga dulu adalah syarikat yang dikatakan satu syarikat pelaburan yang melanggar AMLA dan juga BAFIA. Mereka sampai sekarang pun begitu juga dan pelabur-pelabur

masih tidak mendapat apa-apa pun timbal balik daripada Kementerian ataupun daripada Bank Negara.

■1520

Sehingga menyebabkan mereka ini kerugian, ada sebahagiannya beratus ribu ringgit sedangkan dikatakan akaun syarikat-syarikat ini telah pun dibekukan lebih daripada setahun yang lalu. Jadi kita minta supaya Yang Berhormat bertanya kepada menteri-menteri ini juga berkenaan kedudukan syarikat ini sekarang dan pelabur-pelaburnya, Noras Travel dan juga Buluh Emas. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Memang ini satu perkara, satu hakikat yang sering berlaku dan berlarutan dan banyak syarikat ini telah menjalankan penipuan melalui syarikat-syarikat tidak dilisenkan oleh Bank Negara mahupun mana-mana Kementerian yang bertanggungjawab. Di samping itu, aduan mereka kepada pihak polis dan Bank Negara dan Kementerian bertanggungjawab tidak dipedulikan.

Saya ingin menggesa Kementerian Kewangan supaya peka dengan masalah ini dan pengusaha mengambil tindakan tegas ke atas pengusaha yang tidak bertanggungjawab. Sama ada mendapatkan balik berapa orang yang telah dibayar ataupun mendapatkan pengusaha ke muka keadilan serta mengambil tindakan memberhentikan perniagaan ini dan akan menggunakan nama baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Kementerian Yang Berhormat, berapakah jumlah aduan yang telah diterima dalam kes ini dan sejauh mana tindakan telah diambil ke atas syarikat yang terlibat dalam skim pelaburan dan mengutip wang dari orang awam. Adakah mereka dibenarkan mengutip wang tanpa lesen dan mengapakah ia sukar dibanteras dan mengapakah tidak dakwaan dibuat ke atas pengusaha-pengusaha syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang jika kerajaan tidak mengambil satu pendirian yang keras terhadap penipuan yang sering berlaku di semua tempat khususnya di Bandar Raya Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru, ini akan menyebabkan ramai pelabur menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang satu syarikat Fokus Ekuiti Sdn. Bhd. satu usaha sama, *joint venture*, satu syarikat yang saya rasa dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia, dengan *Holland High Security Printer*, 'Lauer Jo' SKT yang menubuhkan satu *printing plan* yang dikatakan *world class*, satu syarikat cetak yang bertaraf dunia. Saya ingin tanya, sejauh manakah syarikat Fokus Ekuiti Sdn. Bhd. ini telah mencetak bank notes untuk negara kita dan berapa jumlah *bank note* telah di siap cetak dari syarikat mula beroperasi. Adakah ini dipantau atau kawal selia oleh Bank Negara? Oleh sebab setiap tahun, Malaysia akan *consume* menggunakan RM1.4 bilion *bank note* di Malaysia ini.

Saya ingin tanya Yang Berhormat menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa adakah syarikat yang mencetak *bank note* ini dikawal dengan baik atau mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Beruas, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Terima kasih, sila Yang Berhormat.

3.24 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menghadkan diri kepada sepuluh minit. Saya bangun membahaskan Rang Undang-undang Bank Negara 2009.

Tuan Yang di-Pertua, memang Bank Negara diberikan kuasa yang luas untuk antara lain mengawal selia institusi kewangan negara kita. Saya ingin menegaskan bahawa dengan adanya kuasa haruslah juga badan itu mengamalkan satu sikap yang bertanggungjawab. Saya ingin memberikan satu contoh di mana selepas kuasa diberikan kepada Bank Negara tetapi apabila kuasa dilaksanakan mereka tidak begitu bertanggungjawab untuk menghabiskan tugas hingga menyebabkan kerugian dan memudaratkan pendeposit ataupun pendeposit kepada syarikat pengambilan deposit.

Ini berlaku dalam tahun 1986 di mana berlakunya krisis syarikat pengambilan deposit dan kerajaan telah meluluskan satu undang-undang dengan izin, *Essential (Protection of Depositors) Regulation 1986*. Pada masa itu di kawasan saya, terdapat sebuah syarikat pengambilan deposit yang bernama Setiawan Credit Corporation Sdn. Bhd. dan ramai antara pendeposit telah mengambil tindakan mahkamah. Dalam tahun 1987, mereka telah mendapat penghakiman terhadap syarikat tersebut.

Semua pendeposit pada masa tersebut selepas penghakiman telah mengambil tindakan writ penyitaan ke atas harta-harta syarikat tersebut. Antara mereka telah berjaya ataupun bersetuju supaya semua pendeposit akan mendapat sepenuhnya wang deposit yang telah mereka depositkan ke dalam syarikat tersebut kerana harta berkenaan mencukupi untuk dikongsi ataupun dijual sama rata untuk semua pendeposit tersebut. Malangnya pada tahun 1987 itu apabila mahkamah hendak melelongkan harta-harta tersebut, Bank Negara telah mencelah dalam prosiding tersebut dan meminta mahkamah tinggi untuk memberikan mereka kuasa untuk mengendalikan pengagihan harta dan juga jualan harta tersebut.

Dalam kes tersebut, dalam tahun 1987, peguam Bank Negara telah memberitahu mahkamah bahawa mereka akan menyiapkan pengagihan wang tersebut dalam masa enam bulan tetapi malangnya selepas 22 tahun, pendeposit-pendeposit sampai hari ini masih belum mendapat wang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah mendatangkan kerugian besar kepada pendeposit-pendeposit kerana syarikat tersebut telah digulung oleh Bank Negara pada 5 September 1987. Oleh yang demikian, pendeposit-pendeposit sungguhpun mendapat penghakiman daripada mahkamah, tidak boleh mendapat faedah ataupun *interest* dengan izin, selepas tahun syarikat tersebut digulung. Bayangkan pada masa itu kalau di kawasan saya seseorang itu mempunyai

RM50,000 mereka boleh membeli lebih kurang lima ekar tanah tetapi jumlah RM50,000 sekarang ini mungkin hanya dapat membeli setengah ekar tanah.

Oleh yang demikian, memandangkan ini satu keabaian, Bank Negara *to follow-up*, dengan izin, kes ini, haruslah Bank Negara sebagai sebuah institusi kewangan ataupun sebuah institusi yang bertanggungjawab haruslah membayar pampasan kerugian yang dialami oleh pendeposit-pendeposit tersebut dan harap dalam masa terdekat, harta-harta yang telah dijual itu, wang itu dapat diagihkan kepada mereka dengan serta-merta.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan sistem perbankan di negara kita ini. Sama ada kita menggunakan perkataan perbankan Islam ataupun perbankan konvensional, yang penting sistem perbankan itu haruslah adil kepada semua. Yang lebih penting dengan izin, *substance is more important than form*. Katakan dalam kes pinjaman perbankan Islam, pembelian sebuah rumah *Al-Bai` Bithaman Ajil*. Saya dapati keadaan-keadaan sungguhpun dikatakan perbankan Islam tetapi ia lebih menindas ataupun mengenakan bayaran yang lebih tinggi daripada sistem perbankan konvensional.

Yang pentingnya kita mesti berlaku adil sesama manusia ataupun sama apa jenis sistem pun yang penting keadilan harus diutamakan. Sama ada kita mengamalkan cara sistem riba ataupun sistem bukan riba seperti *Al-Bai` Bithaman Ajil* itu di mana seorang pembeli membeli rumah daripada pemaju, kemudian menjual kepada bank tapi apabila bank menjual balik kepada dia, dikenakan harga mungkin dua, tiga kali lebih tinggi daripada pembelian asal.

■ 1530

Kalau jumlah itu menindas, ia adalah lebih baik kita amalkan sistem riba yang lebih yang mengenakan riba yang lebih kurang ataupun peratusannya daripada sistem Islam yang kita kata menjual dengan harga begitu tinggi kerana ia lebih berlaku tidak adil kalau pembeli rumah yang mendapat pinjaman bank itu biasanya tidak ada banyak pilihan melainkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh bank-bank tersebut.

Apa yang tadi Yang Berhormat Pengkalan baru nyatakan saya setuju kita berlaku adil kepada peminjam-peminjam dan walaupun sistem riba kalau ia boleh dikira secara terus secara konvensional adalah lebih baik daripada sistem Islam yang dikatakan Islam itu yang menindas peminjam-peminjam. Saya rasa kadang-kadang kita mesti *revalue* atau pun akses sekali lagi pemikiran kami sama ada *the form is more important than the substance*, dengan izin, kerana dalam sistem *al-Bai` Bithaman Ajil* ini saya sebagai seorang peguam mendapati *it is instead of going straight to the point shortcut* kita beli harta jual kepada bank, bank jual balik kepada kami dan kemudian kalau hendak *redeem* dengan izin harta tersebut pula ditolak sistemnya memang *complicated*. Adakah lebih baik kita terus atau *with a direct system*, adalah lebih baik kita atau rakyat yang meminjam itu tahu bagaimana mengira sama ada sistem itu adil atau tidak adil kepada mereka. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

3.33 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Indera Mahkota, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Barang, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Beruas, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menyentuh Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia 2009 peringkat dasar. Izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan. Saya akan spesifik menyentuh perkara-perkara yang melibatkan Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia 2009.

Pertama Yang Berhormat Indera Mahkota menyentuh mengenai soal M3 dan kesannya membawa inflasi kepada negara kita. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, Bank Negara mempunyai dasar *monitory*. Bermakna bila terdapat lebihan caira dalam sektor perbankan, menggunakan *inter-bank market*, mereka akan *mock-up*.

Maknanya pada pagi *trading*, mereka akan kata umpamanya RM2 bilion hendak ditarik daripada sistem tersebut dan diberi faedah beberapa peratus kepada bank. Bank akan ambil dan dengan cara itu akan mengurangkan kecairan dalam sektor perbankan dan itu salah satu cara. Inflasi pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh harga komuniti yang tinggi. Ini berlaku di semua negara. Sebagai contoh saya ambil negara Indonesia. Inflasinya 10.3%. Philippine 9.3%, Singapura dan sebagainya. Ini memang kita maklum kerana harga minyak begitu tinggi dalam konteks negara kita, kita boleh katakan bahawa inflasi yang kita hadapi pada tahun 2008 adalah inflasi yang berbentuk kepada *import price inflation*...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang inflasi pada tahun 1998, teringat saya pula kesan kepada negara kita, yang mana kita telah pun melaksanakan pendekatan yg terbaik dan dicontohi oleh hampir semua negara jiran kita mahupun di peringkat antarabangsa.

Kepujian diberi kepada kementerian khususnya kepada kementerian kewangan. Ada persoalan saya hendak sentuh soal apa yang berlaku pada tahun 1998 Yang Berhormat Menteri. Soal bagaimana disentuh oleh Yang Berhormat Tangga Batu tadi, kita punya wang *note* RM1,000 ada kononnya dilaporkan telah dibawa ke Singapura luar negeri dan saya mahu tahu berapa harganya yang balik nilai *note* ini kepada negara kita?

Soalan yang seterusnya, adakah Yang Berhormat sedar apabila pemantauan yang dibuat oleh bank negara ini, mereka tiba-tiba mendapati bahawa lebih banyak duit ringgit kita itu

note rate balik ke Malaysia dan rekod yang ada yang keluar. Bagaimana ini berlaku Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat bercakap tentang 1998 ya? Pada 1998 kita sedia maklum kita berhadapan dengan krisis ekonomi dan pada masa itu berlaku pengaliran masuk keluar. Wang dan individu mencari di mana kah pasaran kewangan yang boleh memberi keuntungan lebih kepada mereka. Dalam konteks itu berlaku lah kemasukan dan keluarnya wang. Soalan spesifik Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya mengenai dengan berapa banyak kah duit RM1,000 itu yang dibawa pulang. Pada masa ini saya tidak ada maklumat. Saya akan beri secara bertulis pada Yang Berhormat ya. Tidak ada dalam. Kalau Yang Berhormat hendak tanya saya pun tidak ada...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagaimana pula soalan yang seterusnya? Ringgit yang dilihat lebih banyak yang masuk daripada yang keluar? Nota-nota yang RM100, RM500.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya, saya tidak ada maklumat statistiknya berapa. Jadi saya bagi kemudian pada Yang Berhormat. Kedua Yang Berhormat Indera Mahkota menyentuh mengenai liberalisasi. Dalam konteks sektor perbankan kita sedar bahawa kerajaan memberi liberalisasi dalam bentuk lima lesen konvensional yang baru serta dua Bank Islam. Bank Islam ini mestilah ekuitinya mestilah lebih dari RM1 bilion. Antara tujuannya supaya Malaysia terus kukuh menjadi pusat kewangan antarabangsa terutama dalam konteks Bank Islam. Kemudian kita juga memutuskan bank-bank perdagangan antarabangsa diberi sepuluh lesen untuk membuka cawangan bagi tujuan *micro financing* kerana kita sedar bahawa ekonomi mempunyai pelbagai bentuk. Salah satu bentuk ekonomi bukan sahaja bergantung kepada kerajaan akan tetapi juga kepada mewujudkan *entrepreneurship* dengan izin dan *micro financing* di dalam negara kita sebenarnya telah berjaya melahirkan usahawan dalam bandar dan luar bandar melalui proses *micro financing*, jadi *micro-businessman*. Jadi ini konteks kita meliberalisasikan sektor kewangan. Dari segi pegangan ekuiti sektor kewangan, pada masa kini 70%...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Soalan kepada Menteri Kabinet.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: ...Dipegang oleh bumiputera dan GLC dan apa yang berlaku dalam sektor kewangan ini pada tahun 2001 kerajaan telah memperkenalkan *financial master plan* yang ini sebenarnya bermula dengan kita berhadapan dengan krisis. Kita mempunyai lebih 40-50 bank dan tidak berdaya saing. Jadi keputusan kerajaan untuk mengurangkan melakukan *consolidation* ke atas bank daripada 40 lebih kepada sembilan bank. Tujuannya supaya bank-bank tempatan mempunyai kapasiti untuk bersaing dengan mana-mana bank perdagangan antarabangsa masuk di dalam pasaran kita dan kita boleh *survive* dalam konteks itu. Ini telah pun tercapai dan pihak kerajaan mendapati bahawa

sekiranya pun bank-bank perdagangan diberi lesen dan juga bank Islam maka *content* ekuiti bank yang dipegang oleh rakyat tempatan termasuk orang Islam akan dapat dipertahankan. Malah dari segi komersial bank kita putuskan ekuiti masih lagi 30% dari segi *investment* bank 70%. Hanya Bank Islam dan juga insurans yang kita bagi 100% ekuiti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak berbalik sedikit berkenaan penawaran M3. Semalam saya sebut jumlah sebagaimana yang dilaporkan oleh bernama pada 31 Oktober tahun lepas. Iaitu jumlah tambahan sebanyak RM8.26 bilion penawaran M2 yang berasaskan katanya asas tahunan biasa.

■ 1540

Adakah asas tahunan biasa ini juga dijadikan asas sandaran utama kepada Bank Negara untuk menambah penawaran dalam pasaran wang kertas kita atau M3 yang digunakan secara meluas untuk menjustifikasikan kemungkinan kadar inflasi yang mungkin dijangka dalam masa setahun atau kurang daripada tempoh yang sepatutnya, menjangkau kepada angka yang tidak di *forecast* atau tidak dijangka oleh pihak kerajaan.

Dan yang kedua, bukan yang kedua, tambahan daripada itu oleh sebab liberalisasi Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, melibatkan kebenaran ataupun lesen dikeluarkan pada pihak asing ataupun *foreign equity*. Kita tahu bahawa perkara ini telah menjadi satu matlamat utama kepada pihak luar kerana mereka telah ditawarkan oleh kerajaan kita banyak *benefit* seperti Taraf Perintis sebelum pada ini, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula.

Syarikat-syarikat pengurusan dana asing ini melihat ini sebagai satu *heaven* kepada mereka *financial heaven* yang mungkin diraih, dan ini juga nampaknya kita beria-ia dan bersungguh-sungguh memberi lagi satu peluang kepada mereka dengan membenarkan mereka masuk operasi dengan tahap yang begitu minimum, iaitu hampir kepada 100%, 70% tu dianggap begitu besar, pegangan ekuiti untuk ditadbir oleh pihak asing secara langsung dalam negara kita.

Saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Menteri, adakah keputusan ini berlandaskan kepada matlamat yang kita pertahankan selama ini iaitu mengukuhkan kekuatan bank-bank tempatan untuk melangsungkan lagi prinsip membawa pembangunan kepada rakyat tempatan, sekali gus mengekalkan prinsip menyejahterakan rakyat tempatan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dari segi M3, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada *benchmarking* mesti 13%, 12%, itu berdasar kepada *actual situation*. Ini bermakna jika ada kemasukan pelaburan asing ia akan menjadi besar jika ada keperluan sektor swasta ia akan menjadi besar dan kemudian sekiranya kerajaan mengeluarkan bon ia akan menjadi besar.

Pada tahun 2009 bulan April lalu, M3 ini telah berkurangan kepada 6.1%. Mengenai dengan liberalisasi, kita mesti melihat ekonomi dalam konteks yang luas, satu ekonomi dalam konteks negara, duduk di dalam negara dunia. Ini bermakna bahawa sistem integrasi negara kita di dalam sistem ekonomi dunia yang begitu mendalam, dan di manakah kita hendak duduk.

Satu kita berpendapat sudah tiba masanya kita mesti melakukan integrasi yang lebih kukuh dengan institusi kewangan antarabangsa, dan dalam konteks itu juga, kita melihat dimensi ekonomi daripada sudut pengguna, kita berpendapat apabila kita beri lesen kepada bank pedagang kita bukan beri lesen kepada bank perdagangan yang biasa, yang macam mana sudah ada di negara kita. Ia mesti berbentuk *niche*, baru kita akan luluskan supaya negara kita dan rakyat kita mempunyai kepelbagaian dalam bentuk kemudahan-kemudahan yang boleh kita gunakan sebab dunia sudah menjadi begitu sofistikated dan kompleks.

Kita memerlukan pemindahan rakyat kita ke era itu, di mana kita maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri menyatakan bahawa kita akan berpindah daripada ekonomi dengan izin, *middle income economy* kepada *high income economy* dan ini memerlukan modal ekonomi baharu dan modal inilah yang sedang kita *formulate* dengan izin, dan apa yang saya nyatakan sebahagian daripada proses yang kita lakukan.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan soal SDR, dari segi SDR ini kita maklum bahawa SDR adalah satu instrumen yang diwujudkan oleh IMF, di mana semua negara ahli akan diberi mengikut kuota dan SDR bagi negara kita pada masa ini lebih RM807 juta, yang boleh diguna oleh ahli apabila memerlukan *cash flow* dengan izin, ia akan menjual kepada negara lain dengan wang itu, ia akan digunakan untuk tujuan negara kita.

SDR ini diperkenalkan pada masa sistem ekonomi berteraskan sistem kewangan antarabangsa berteraskan kepada *fixed exchange rate* dan ini amat berguna kerana apa pada masa itu, emas dan juga US *Dollar* yang digunakan sebagai *currency* utama tidak mencukupi bagi tujuan untuk negara melakukan transaksi kewangan antarabangsa. Akan tetapi dalam sistem *floating* sekarang SDR tidak lagi berperanan penting. Negara China mencadangkan supaya SDR ni jadi salah satu daripada instrumen untuk *financial architecture*. Di dalam hubungan kita, kita tidak ada halangan. Itu memerlukan kepada negara-negara IMF, ahli IMF untuk bersetuju, jikalau bersetuju kita pun tidak ada masalah soal itu. Yang Berhormat Pasir Salak menyentuh tentang pinjaman, saya berani menyatakan bahawa dari segi *upstanding loan*, *upstanding loan* kita ada pertambahan tetapi dari segi *loan* baru yang dikeluarkan agak berkurangan, dan ini berpunca daripada ikatan dengan permintaan yang berkurangan.

Kita sedar apabila ekonomi negara kita dihentak oleh kegawatan akibat daripada eksport negara kita yang kurang, maka berlaku penguncupan dari segi pengeluaran maka *capital formation* ini menjadi kurang, maka permintaan kepada pinjaman juga telah menjadi berkurangan, itu satu.

Kedua, kita tahu bahawa bank terdiri daripada manusia biasa, apabila berlaku kegawatan, bank merasa ada sikap dengan izin, bank merasa ada sikap dengan izin, *cautious* untuk memberi pinjaman, dan kita perlu sedar bahawa bank adalah *intermediary*. *Intermediary* bermaksud bahawa di tangan kanan ambil deposit daripada kerajaan, swasta mahupun rakyat dan deposit ini digunakan di sebelah kiri untuk memberi pinjaman. Sekiranya pinjaman ini jadi

bad loan dan jika banyak ia boleh berlaku kepada *bank runoff*, jadi ini yang harus ditimbangkan oleh pihak bank.

Kerajaan menyedari akan hakikat ini, justeru kerajaan memperkenalkan jaminan, jaminan pinjaman RM5 bilion untuk *working capital* dan RM5 bilion untuk *restructuring* syarikat dan RM15 bilion untuk tujuan syarikat menjana bon menggunakan jaminan tersebut, di samping itu Bank Negara mempunyai berbagai-bagai kemudahan pinjaman yang telah digunakan dalam pinjaman SME dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian kepada ada individu yang membuat aduan tidak mendapat pinjaman, saya pun ada menerima aduan. Apa yang kita harus lakukan di sini, aduan yang dilaporkan secara yang tidak *tangible*, kerajaan tidak boleh mengambil tindakan. Seperti mana kita maklum di negara-negara maju, mereka ada *financial ombudsman* di mana individu yang tidak dapat pinjaman akan membuat laporan kepada *financial ombudsman* dan ini akan dikaji.

Di UK umpama satu tahun sampai 50000 laporan. Setelah dikaji sebahagiannya yang didapati *genuine* akan dihantar ke bank balik untuk proses untuk diluluskan, mana yang tidak *genuine* ataupun tidak menepati *credit worthiness* akan dihantar balik dan diberi sebab mengapa pinjaman tidak boleh diberikan.

Dalam konteks negara kita, kita telah menubuhkan BNM *link*, laman informasi khidmat nasihat yang memperoleh ribuan laporan dan Bank Negara melakukan perkara yang sama, maknanya kajian akan dibuat, yang patut mendapat pinjaman akan dapat pinjaman. Jadi dalam konteks ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan...penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Dalam konteks sini, saya berharap bahawa apabila ada individu yang membuat laporan, supaya tindakan yang substantif dapat dilakukan, elok kita minta pihak berkenaan untuk melaporkan kepada Bank Negara supaya tindakan diambil seperti mana mereka yang awalnya tidak boleh mendapat pinjaman kemudian didapati *genuine* kesnya, *credit worthiness* nya, ia akan dihantar kepada bank supaya tindakan yang efektif dapat dilaksanakan.

Di samping itu, Bank Negara Malaysia mengadakan *road show*, apabila kita cakap *road show*, ada individu yang tidak akan dapat *linked, is it right? Link* tidak dapat, dia tidak tahu adanya *road show*. Oleh sebab ini adalah perkara yang natural

■1550

Dalam sebuah negara 28 juta penduduk, Bank Negara buat di satu tempat tertentu yang sini tidak tahu. Untuk Bank Negara mengadakan *coverage* yang luas meliputi seluruh rakyat, mungkin tidak akan tercapai. Itu sebabnya saya berpendapat bahawa kita mesti memainkan peranan. Kita minta individu untuk melaporkan kepada Bank Negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah pandangan kerajaan sekarang mengenai peranan bank-bank semasa

kegawatan ekonomi? Adakah mereka memainkan peranan untuk membantu rakyat dan bukannya masalah atau jenayah ah long-ah long sekarang ini begitu bermaharajalela merupakan satu ciri kegagalan bank-bank, pun kegagalan Bank Negara dan kegagalan Kementerian Kewangan, oleh kerana kemunculan masalah Along-Along ialah kekurangan atau tidak berkebolehan sistem bank untuk menemui atau mengatasi masalah keperluan wang rakyat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya hendak balik kepada aduan tadi berkenaan dengan pinjaman. Saya rasa ini aduan yang begitu umum sekali, bahawa orang ramai begitu sukar untuk mendapat pinjaman daripada bank kerana mungkin ada peminjam-peminjam yang mungkin mempunyai rekod yang kurang baik dari segi pembayaran balik pinjaman itu, dan apabila mereka membuat pinjaman daripada bank, saya rasa kebanyakan masalahnya ialah mereka tidak mendapat pinjaman itu walaupun hendak membeli aset tetap seperti rumah dan sebagainya, walaupun ada aset itu tetapi sukar untuk mendapat pinjaman daripada bank.

Akan tetapi pada pihak yang lain pula, bank-bank ini mengejar pula *customers* yang ada wang banyak, seolah-olah orang yang tidak memerlukan pinjaman itu diberikan pelbagai tawaran dan dikejar untuk diberikan OD dan sebagainya. Jadi, orang yang memerlukan pinjaman itu, tidak mendapat pinjaman. Jadi saya rasa persoalan itu perlu ditangani oleh Bank Negara, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur tadi. Kalau mereka yang memerlukan pinjaman tidak dapat pinjaman itu akan menggalakkan mereka untuk membuat pinjaman daripada *ah long*. Jadi saya harap Bank Negara dapat mengambil iktibar daripada perkara ini dan menggalakkan atau mengkaji semula dasar pemberian pinjaman oleh bank-bank perdagangan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bercakap soal susah dapat pinjaman kemudian pergi kepada ah long. Saya ingin menyatakan bahawa pihak Kementerian Kewangan bersama dengan Bank Negara, Bank Negara telah membuat kajian sebenarnya siapakah peminjam ah long.

Saya mesti membuat justifikasi di sini bahawa untuk mendapat maklumat yang komprehensif membuat satu kajian mungkin tidak tercapai. Akan tetapi laporan itu menyatakan kesimpulannya, bahawa majoriti yang meminjam daripada ah long adalah *personal things*, dengan izin, orang tidak cukup duit dan sebagainya. Itu pun majoritinya bukan orang yang terlibat dengan perniagaan. Jadi, kita telah membuat satu keputusan, iaitu Bank Negara mesti mengarahkan pihak bank untuk mengadakan sistem kewangan yang lebih komprehensif. Kita dapati siapakah yang berkemungkinan untuk pinjam daripada Along, mestilah individu-individu yang berbentuk usahawan mikro.

Maka dengan itulah Bank Negara telah mengarahkan kepada institusi kewangan sejak pada tahun 2008 kalau tidak silap saya pertengahan 2008 supaya mengadakan *micro financing*, dan kita mesti ingat di sini bahawa *micro financing* kita ada tiga peringkat. Satu komersial bank,

saya tidak mempunyai statistik, kalau tidak silap saya ada 55,000 orang telah memperoleh pinjaman *micro financing*. Daripada Amanah Ikhtiar Malaysia 200,000 lebih, daripada TEKUN 170,000. Bermakna mereka yang memperoleh pinjaman *micro financing* itu adalah hampir 500,000 orang. Saya tidak tahu berapa ramai yang pinjam daripada ah long. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi komparatif, saya tidak percaya yang dapat pinjam daripada ah long sampai 500,000 orang. Itu pertama.

Kedua, kita memang hendak membanteras *ah long* seperti mana yang saya kata tadi, kita telah memberi akses yang banyak dan kita harap rakyat begitu *matured* untuk tidak pinjam daripada *ah long*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Kita hendak membanteras *ah long*, tetapi kita mesti ingat bahawa dalam dunia ekonomi ada dua ekonomi. Ekonomi putih yang legal dan ekonomi hitam, *the dark economy* dan yang gelap ini memang sukar untuk kita atasi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat terima kasih. Yang Berhormat sedarkah bahawa di antara faktor mereka yang mengemukakan pinjaman di bank ini yang tidak mendapat kelulusan ini, iaitu nama mereka ini termasuk dalam senarai *blacklisted*, telah disenaraihitamkan. Masalah yang kita hadapi, rata-rata bank di Malaysia ini menggunakan informasi CTOS yang tidak sah, yang tidak mendapat lesen dan sebagainya dan yang malang sekali juga Bank Negara juga mengiktiraf CTOS ini, sedangkan si peminjam ini sudah melunaskan hutang dia, tetapi nama dia masih tersenarai, masih berhutang. Jadi inilah antara faktor yang mereka tidak berjaya membuat pinjaman di mana-mana bank di negara kita. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini termasuk mungkin menutup institusi CTOS yang beroperasi haram di negara kita ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Saya belum menjawab daripada Yang Berhormat Rasah tadi. Yang Berhormat bangkit mengenai dengan individu yang tidak mendapat pinjaman, di mana saya menyatakan adalah elok kita menggunakan saluran informal kerana Yang Berhormat wakil rakyat, saya juga wakil rakyat. Yang Berhormat berhadapan dengan masalah individu memohon pinjaman, individu yang mengambil duit daripada *ah long*, saya pun berhadapan dengan perkara yang sama.

Sebenarnya apabila individu tidak mendapat pinjaman, kita tidak boleh bercakap dari segi objektif. Mengapa individu itu tidak mendapat pinjaman kecuali apabila individu menggunakan sistem yang formal barulah kita boleh *establish*, apakah individu ini dianiaya ataupun tidak. Kerana akhirnya seperti mana yang saya nyatakan, pihak bank akan membuat *evaluation* dari segi *credit worthiness* patut dapat atau tidak. Kemudian kita kata, mengapa perlu *credit worthiness*, ini saya sudah jawab tadi. Bank mempunyai dua peranan penting dalam *balance sheetnya*.

Satu pihak pengutip wang daripada pendeposit dan wang ini yang digunakan untuk memberikan pinjaman. Kalau wang ini rosak, di sini rosak, itu yang berlaku dalam sistem ekonomi Amerika Syarikat. *Informal shadow financing institution* yang *create* CDO ARM dijual di seluruh dunia dan cerita ini cerita sedih, cerita yang tidak sepatutnya berlaku bagaimana *rating agency* bagi *triple A* dijual di seluruh dunia. Nasib baik negara kita tidak terlibat dengan CDO dan ARM ataupun *securities* punya *asset* ini. Kalau tidak negara kita sudah lama berhadapan dengan masalah itu. Jadi ini yang perlu ditimbang oleh pihak bank dan kerajaan mengambil tindakan mengenai perkara itu. Yang Berhormat Kinabatangan menyentuh tentang *blacklisting*. Ini sebenarnya sebelum pertengahan 2007, saya tidak bagi tarikh, saya tidak berapa ingat, berlaku satu masalah yang besar kerana CTOS telah merosakkan sistem di negara kita.

Kemudian oleh kerana pelbagai kerosakan telah dilakukan, pihak *Association of Bankers*, dengan izin, telah pun mengarahkan pihak bank untuk tidak menggunakan lagi maklumat daripada CTOS kecuali diluluskan oleh pihak pengguna ataupun pihak yang mahu membuat pinjaman, itu satu.

Kedua, pihak yang namanya dalam CTOS boleh membuat penyemakan tanpa membayar sebarang yuran. Selepas daripada itu saya mengambil dalam konteks Kementerian Kewangan. Kalau sebelum itu kita dapati laporan yang dibuat kepada Kementerian Kewangan begitu banyak, selepas daripada sistem yang dilakukan oleh *Association of Bankers* ini dilaksanakan laporannya tidak banyak. Dalam setahun kita dapat 10, 12 laporan. Bermakna sistem ini tidak lagi membuat kerosakan dalam sistem ekonomi negara kita. Itu satu. Kedua kita telah pun menyediakan Rang Undang-undang Agensi Rujukan Kredit. Saya sangkakan masa ini kita *table*. Pasal apa tidak *table*?... [Bertanyakan kepada Dato' Dr. Awang Adek Hussin]

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]: Dia akan sekaligus dengan PDPA.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Dia akan sekaligus dengan apa?

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: *Personel data*.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: *Personel data*. Kalau tidak sudah sedia untuk dibentangkan, Kabinet pun sudah lulus, tetapi kita hendak satukan antara yang...

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Data peribadi...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Data peribadi, hendak disatukan itu yang lewat berlaku.

Dato' Dr. Awang Adek Hussin: Hendak sekali.

■ 1600

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya, disekalikan. Apakah gunanya agensi?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Penjelasan ya Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya, apakah gunanya agensi kredit? Kita telah menganalisis di negara-negara maju yang paling dekat di Australia dan New Zealand bahawa pinjaman bank ini mesti diberi cepat kepada pemohon dan sistem agensi rujukan kredit ini mempercepatkan proses. *Then*, bila menerima permohonan terus rujuk kepada itu. Akan tetapi rujukan itu mesti berasaskan maklumat yang tepat ha itu yang kita adakan akta nanti untuk dikawal selia. Akan dikawal selia dengan ketat oleh pihak kementerian. Sila.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adakah benar Bank Negara ini telah memberikan arahan kepada semua bank supaya tidak menggunakan rujukan CTOS ini? Ini kerana pada dua minggu yang lepas saya membawa rakan saya ke sebuah bank, biar saya nyatakan Bank Muamalat, tetapi Bank Muamalat menyatakan bahawa permohonan CTOS ini masih lagi digunakan dan tidak ada arahan langsung daripada Bank Negara untuk memberhentikan sistem permohonan CTOS ini. Saya mohon penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Seperti mana yang saya nyatakan tadi, tidak ada arahan untuk berhenti. *The Association of Banks* maknanya Persatuan Bank-bank Perdagangan memberi arahan kepada bank tidak menggunakan maklumat CTOS kecuali pemohon membenarkan. Bermakna apabila saya memohon pinjaman kalau hendak gunakan maklumat CTOS mesti minta kebenaran daripada saya. Jadi itu, itu yang berlaku.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, sebenarnya bank mewajibkan dan mengenakan bayaran RM5 dan pelanggan tersebut tidak mahu membuat bayaran dan proses pinjaman tidak akan dilakukan sekiranya pihak pelanggan tersebut tidak membayar yuran proses RM5 tersebut.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Yang ini saya minta maklumat, kita adakan *check*. Maknanya ada juga bank dia kata *exception to the rule* ikut perangai dia tetapi ini akan kita *check*. Terima kasih Yang Berhormat. Kemudian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada Yang Berhormat? Ada lagi Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat saya balik kepada isu ah long ini, kita tahu sekarang ini ah long misalannya ah long ini jadi *scratch to the country*. Saya faham Yang Berhormat, isu ah long ini, tidak menjadi *crime* kalau *the willing borrower and willing lender* itu boleh urus sendiri. Baru-baru ini Menteri Dalam Negeri telah mengisytiharkan peperangan habis-habisan dengan ah long. Saya ingat dalam *purview* kementerian beliau ini apabila adanya unsur jenayah seperti kes di mana dua peminjam itu dirantai tadi. Isu lain yang saya mesti timbulkan di sini Yang Berhormat ialah dalam di bawah peraturan *Banking Act* ini, peraturan mengenai dengan had maksimum *interest* yang boleh dikenakan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya kira ini berkaitan dengan *license money lender* tetapi dalam kita memikirkan bagaimana untuk membanteras gejala *ah long* ini adakah cara kerajaan untuk memikirkan sama ada mengehadkan hubungan yang boleh dikenakan kepada peminjam dalam beberapa hari dalam Dewan ini. Kalau *ah long* ini tidak dapat diselesaikan, kenapa tidak cari jalan bagaimana mereka ini *legalize* sudah dapat *operate legally* peminjam-peminjam itu jadi mangsa. Kita tahu bahawa peminjam dari *ah long* ini menghadapi masalah yang besar. So, sehingga hari ini selain daripada pengisytiharan Menteri Dalam Negeri tentang *war, total war against. Ah long* yang lain itu belum kerajaan belum dapat mencari bagaimana untuk memberi jawapan kepada rakyat. Bagaimana untuk membanteras gejala *ah long* ini. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi *enlightenment* kepada Dewan ini. Terima kasih.

Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *Legalize* ini Tuan Yang di-Pertua, ini boleh berlaku. Kita ada *Money Lenders Act* bermakna apabila individu ambil *Money Lenders Act* akan tertakluk kepada di bawah akta tersebut dia tidak lagi jadi *illegal*, yang jadi masalah ni adalah *illegal* dan laporan banyak diterima pekerja sektor kerajaan atau swasta ambil *ATM card* diambil oleh pihak *ah long* ini bila cukup saja bulan dia akan dikeluarkan. Ini menjadi masalah lagi. Jadi sekiranya mereka mahu mendaftar di bawah akta *Money Lenders Act* ini akan dapat diatasi. Bukan senang untuk atasi yang berlainan ekonomi ini. Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Kuching, perdagangan mata wang asing. Bank Negara Malaysia tidak lagi menjalankan perdagangan mata wang asing tetapi bagaimanakah kita hendak pastikan bahawa ini benar-benar tidak berlaku selain daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, ada Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Kestabilan Risiko dan Kestabilan Kewangan, Pihak Bank Negara ada Jawatankuasa Tadbir Urus Kerja, Jawatankuasa Audit Lembaga, Jawatankuasa Risiko Lembaga dan mereka akan pantau akan melalui proses itu mengenai dengan spekulator mata wang asing. Mengenai dengan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya, saya gembira ketika saya dengar Bank Negara tidak akan menjalankan *speculative Forex Trading*. Akan tetapi kenapakah jikalau ini adalah tujuan Bank Negara iaitu menghalang segala *speculative Forex Trading*, kenapa kita tidak masukkan dalam klausa 76 iaitu, "*Business which the Bank may not transact*"? Ini kerana sekiranya ada kelakuan seperti *Forex Trading for speculative purposes* dilakukan adakah ada apa-apa undang-undang boleh diguna pakai untuk mendenda atau caj pegawai yang bersalah melakukan kesalahan ini?

Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen yang dimaksudkan tidak diletak tidak terlibat dengan mata wang kerana kita sedar bahawa peranan Bank Negara begitu besar. Kalau kita lihat dalam konteks Bank Negara Singapura, dasar moneterinya adalah berbentuk campur tangan di dalam *Forex exchange market*. Katalah sekarang ini *foreign exchange* kita, kita punya *exchange rate* kita di dalam ruang rangka yang

stabil dan kalau kita lihat dari segi US Dollar Malaysia 3.5, 3.5 *something* dalam yang stabil. Sekiranya tidak stabil, Bank Negara perlu juga campur tangan.

Akan tetapi bukan untuk tujuan spekulatif. Sekiranya berlaku spekulatif maknanya tindakan akan diambil kepada pegawai dan bukan senang hendak membuat spekulatif kerana ia melibatkan wang yang banyak. Bermakna mesti mendapat kelulusan berapa orang untuk meluluskan. Itu bukan satu perkara yang mudah dilakukan. Jadi, spekulatif dalam bentuk aktiviti spekulatif ini tidak akan dilakukan oleh bank.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, saya memang tahu terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang tahu ia bukan satu perkara yang senang dilakukan tetapi sudah ada *history have told us*, Bank Negara telah mengalami kerugian 30 bilion dalam aktiviti *speculative Forex Trading*.

■1610

Saya tidak ada apa-apa bantahan atas Bank Negara beli jual *forex trading* untuk mengawal tahap nilai wang kita berbanding dengan *US Dollar* atau mata wang asing tetapi untuk *speculative trading*, ia harus diharamkan dalam akta ini supaya tindakan undang-undang boleh diambil terhadap pegawai yang melakukan salah.

Ambil satu contoh, salah seorang pegawai dalam Bank Negara dulu yang terlibat dalam *speculative Forex Trading* itu sekarang telah dilantik sebagai Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri dan tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadapnya atas tindakannya menyebabkan kerugian RM30 bilion kepada Bank Negara dan dia hanya meletakkan jawatan sahaja. Tak ada apa-apa tindakan diambil terhadap dia dan dengan rang undang-undang ini, apakah tindakan *legal action* yang boleh dilakukan sekiranya ada pegawai yang melakukan kesalahan ini. Saya ingin tahu apakah *legal action*. Adakah dia disabitkan dalam *court*, mahkamah? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap tahun 1980-an. Itu menjadi trend kepada banyak badan yang terlibat dalam spekulasi mata wang. Episod itu telah berakhir. Bank Negara telah keluarkan *circular* mana-mana pegawai yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan. Jadi, biarlah isu itu kita tutup di situ. Yang Berhormat bertanya mengenai dengan apakah kerajaan akan *flip flop* dalam menetapkan dasar.

Oleh kerana Yang Berhormat menyentuh tentang soal 30% dibatalkan, sebenarnya yang dimaksudkan 30% dibatalkan itu berkaitan dengan IPO di mana pengalaman kita, syarikat dimestikan 30% bumiputera, kemudian beberapa bulan sampai tahun tidak dapat cari 30% bumiputera. Oleh kerana tidak dapat melaksanakannya, maka ini menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Ekonomi, kek ekonomi mesti berkembang supaya orang Melayu kah, Cina, India, kita nak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dapat dilaksanakan. Jadi, atas tujuan itu kerajaan memutuskan bahawa untuk tujuan *public offering*, biasanya *public offering* 25% kepada bukan bumiputera, 50% daripadanya mestilah daripada bumiputera. Akan tetapi isunya yang ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat adalah bahawa kerajaan telah menetapkan bahagian dasar.

Umpamanya dalam sektor perkhidmatan, lapan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan *manufacturing*, dengan izin, logistik dan sebagainya di mana kerajaan putuskan liberalisasi, maka liberalisasi dibuat. Begitu juga daripada segi bidang *manufacturing*, dibenarkan 100% ekuiti tidak perlu pada bumiputera kecuali bidang automotif, 49% diberi kepada rakyat tempatan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Maka kerajaan berpegang kepada pendirian tersebut dan tidak ada pertukaran yang kita buat. Jadi isu Yang Berhormat adalah bahawa adakah kerajaan tidak akan tukar dasar, tidak. Ini kerajaan tidak akan lakukan dan trend kita pun tak nampak macam itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor kah Yang Berhormat Pasir Salak?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sebentar lagi, sana dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, sana dulu? Okey.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kira polisi pun bukanlah suatu yang dengan izin, *casting stones* ya, bukan satu yang tidak boleh berubah. Cumanya apakah Yang Berhormat Menteri bersedia menerima bahawa dalam suasana hari ini, walaupun Yang Berhormat menggunakan bahasa yang cukup cermat tentang perkara yang disebutkan sebentar tadi tentang 30% partisipasi bumiputera dalam IPO's tetapi saya memandang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang menyebutkan, Tuan Yang di-Pertua, saya perlu sedikit masa Menteri ya untuk menjelaskan perkara ini. Ulasan yang Perdana Menteri sebutkan sendiri bahawa tiap apa yang telah diberikan, yang diperuntukkan kepada 30% penglibatan ekuiti bumiputera itu akhirnya dikatakan di sini oleh beliau, Perdana Menteri sebagai akhirnya menyaksikan amalan Ali Baba, satu.

Dalam peruntukan 30% penglibatan bumiputera dalam saham-saham, *initial public offerings* itu disebutkan beliau sendiri, saham yang dijual bukan sedikit kerana berdasarkan kajian daripada sejumlah RM54 bilion saham milik bumiputera, yang tinggal kini hanya RM2 bilion Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan kata lain, tak apalah kalau kita kata mungkin polisi itu sudah silap. Perlu ada pengakuan untuk menerima akan keinsafan tersebut. Persoalan yang saya nak bangkitkan ada dua. Minta maaf Menteri ya, kalau dapat.

Satunya, bagaimana pula sementara semua kita mengakui bahawa kita perlu integrasi negara-negara ini dalam *the global financial structure* tetapi pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri, boleh tidak Dewan ini diyakinkan dengan pembukaan ataupun liberalisasi

seperti ini yang kalau tidak cermat dilakukan, tidak *prudent* dilakukan, ia akan bercanggah dengan pandangan dan dapatan yang dibuat bahawa negara ini terlalu eksport *reliance*. Kita ingin bertanya, minta Menteri membuat penjelasan. Bagaimana dengan liberalisasi itu kita mampu membawa natijah yang sebaliknya? Itu satu.

Keduanya, apakah dengan liberalisasi yang akan *open the flood gate*, yang hari ini sebenarnya Dewan ini tidak pernah menyaksikan satu kajian Tuan Yang di-Pertua, satu kajian secara empirikal tentang liberalisasi ini sebab dikatakan telah dibuat tapi tidak pernah Dewan Rakyat menyaksikan dan dibentangkan kajian-kajian untuk mengizinkan polisi ini dilakukan sedemikian. Itu kedua dan ketiga, kalau boleh saya sambung sikit ya?

Beberapa Ahli: Ini hendak tanya kah berucap?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Hendak tanyalah ini. Tak apa, Menteri dengar, Menteri mencatat, Menteri ada jawapan. Insya-Allah. Yang Berhormat Pasir Salak tidak ada. Jadi, yang ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Menteri juga memberikan keyakinan kepada kami bagaimana untuk *drive domestic driven economy* kalau belum apa-apa lagi sudah berlaku kemasukan *the big players*, MNCs daripada luar yang akan *displace local players even our national champion* pun akan tersingkir, khususnya dalam *critical sectors, banking, finance even services, even* dalam yang lain, pembuatan *in SMEs*.

Saya tidak nampak jaminan itu dilakukan dengan baik kerana di sana tidak ada *competition policies*. Itu yang keempat. Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh balik kepada SDR sebentar tadi, *special drawing rights* ini. Saya kira *special drawing rights*, khususnya untuk menangani *volatility* maaf dengan izin, ataupun *fluctuation* persoalan nilai mata wang kita ini. Apakah tidak boleh untuk kita mengambil seperti mana negara-negara tertentu menggunakan SDR itu sebagai satu mekanisme untuk *mitigate fluctuation* dan *volatility currencies*, *Forex* punya *volatility* ini yang dengan kata lain sebab SDR juga boleh ditakrifkan sebagai *a basket of currencies* yang besar.

■ 1620

Dolar Amerika, Yen, Euro dan juga tidak silap saya satu lagi saya lupa maksud dengan kata lain kita tidak terlalu terdedah kepada mendominasi *international transaction* kita kepada hanya *US Dollar*. Jadi di sana kita lebih dapat mengatasi *fluctuate* ataupun *volatility currency* kesan daripada *Forex* ini. Jadi kesemua itu saya ingat perlu Yang Berhormat Menteri memberikan pandangan. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya semalam telah sebutkan dan hari ini saya ingin mengulang kembali iaitu saya menyokong dasar baru yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagaimana yang disebut juga oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi iaitu pada masa kita membuat perubahan ataupun penambahbaikan dari segi kaedah kita mengolah ekonomi negara kita ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat

Menteri ada menyatakan bahawa penyertaan bumiputera dalam ekonomi tetap dipertahankan. Dengan sebab itu saya menyokong.

Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri bagaimana gambarannya, bolehkah diberi gambaran bagaimana kaedahnya atau caranya kita boleh mempertahankan pegangan ekuiti ataupun ekonomi bumiputera itu pada tahap yang kita telah pun persetujuan itu apabila disebut bahawa yang penting bukanlah mikronya tetapi makro. 30% dari segi makro, ini lidah pun tidak berapa boleh hendak sebut. Makan sambal belacan, ya. Jadi, bagaimana kalau kita sudah tidak fikir bahawa secara mikronya tidak penting lagi, yang penting ialah makronya, bagaimana itu boleh dijayakan strategi baru ini? Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya tambah sikit sahaja? Saya hendak dapat penjelasan ataupun berkongsi dengan Yang Berhormat sebab banyak sangat pihak menempelak DEB ini dengan macam-macam apabila timbulnya kegagalan dengan macam-macam alasanlah. Saya hendak tanya Yang Berhormat, semasa DEB dilaksanakan dulu, pertumbuhan ekonomi negara kita 6%. *On sustain basis and...*, dengan izin, *one of the top highest in the world, continuously*. Ini rekod dan saya berpendapat dengan izin, *Malaysia is not Tuan Yang di-Pertua...*, *Malaysia is not Malaysia as today*. Malaysia bukan Malaysia yang kita lihat hari ini tanpa DEB. Jadi bila timbul dasar-dasar baru sekarang ini, ini yang saya agak boleh untuk dibahaskan. Mungkin tidak habis cuma saya hendak dapat kerana saya dapati *economic growth to 6%* tanpa putus dan paling tinggi di dunia.

Jadi bermakna dasar ini tidak menjadi masalah kepada pelabur asing. Saya nampak begitu. *It's not a major problem* kepada *foreign investor* untuk datang ke Malaysia sebab ikut rekod dulu mereka datang. *So that*, mereka tengok boleh dapat untung, mereka datang. Jadi itu saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh tentang pihak bank. Pihak apa, ya. Itu tidak payah jawablah... *[Ketawa]* *Let's get* bagaimana hendak pertahankan. Satu yang hendak saya nyatakan, kita ada *Malaysian Services Development Council*. Apa yang berlaku di bawah *Industry Master Plan III*, ada beberapa pendekatan yang kita lihat.

Satu, *capacity building* kerana kita sedar pada masa akan datang kita kena buka sistem ekonomi negara kita kerana dunia berkehendakkan begitu. Kita ada WTO dan badan-badan lain. Proses ini telah berjalan dengan begitu panjang lebar dan bila tiba waktunya kita fikir kita sudah boleh bersaing. Itu yang baru kita buka.

Itu dia punya pendekatan yang kita buat. Bukan satu yang kita fikir tiba-tiba saya hendak buat. Saya berpendapat bahawa kita tidak boleh lari daripada *export market*. Sebenarnya dari segi eksport kita, data dan statistik yang kita beri, ia lebih menumpu kepada *goods*, bukan kepada *services*. Sebenarnya *services* kita banyak kita eksport. Hanya kurang pendedahan. Malah saya minta kepada kerajaan selain daripada kita mempamerkan statistik oleh *trade in*

goods. Mesti juga dibagi statistik *trade in services*. Yang ini baru kita dapat lihat perimbangan dan bagaimana daripada situasi yang defisit kepada yang *surplus* dan *grove* yang kita telah peroleh. Jadi kita dapati bahawa negara kita masih akan bergantung kepada *manufacturing* dan kita hendak melebarkan penglibatan dalam bidang pertanian di mana dibuat di Johor dan beberapa tempat.

Namun begitu dari segi *contemn*, berdasarkan kepada GDP, *contemn* daripada *services* ini akan lebih banyak tetapi secara *comparative service manufacturing* ini akan lebih banyak daripada tahun sebelum tetapi *contemn* kepada GDP, *services* akan menjadi lebih banyak. Kita melihat begitu. Kemudian soal SDR, ini telah pun saya jelaskan tadi. Pandangan Yang Berhormat saya terima. Yang Berhormat Telok Intan menyentuh mengenai dengan penyertaan. Makro itu kita pertahankan. Maaf, Yang Berhormat Pasir Salak. Macam mana Yang Berhormat Telok Intan dapat nama ini.

Yang Berhormat Pasir Salak menyentuh tentang bagaimana kita hendak membangunkan usahawan bumiputera. Saya ingat biar perkara ini akan dibincangkan di pihak kerajaan bila tiba masanya. Namun begitu pada peringkat ini, apa yang kita lihat bahawa bila kita bercakap pemindahan daripada bumiputera yang berbentuk ali baba kepada bentuk baru, apa yang kita lihat kepada *genuine, performance base and capacity for grove*, dengan izin, sebenarnya bumiputera begini banyak.

Saya sendiri terlibat dan mengenali mereka yang tidak langsung bergantung kepada kerajaan. Ada syarikat bumiputera terdiri daripada orang muda. Umur 32 tahun hingga 36 tahun dalam *services sector* buat *geo mineral study* yang membuat *survey* di Rotterdam, di Jepun dan sebagainya dapat keuntungan lebih RM100 juta. Jadi bentuk ini yang ingin kita lahirkan. Bermakna pemberian tender kerajaan lebih menumpu kepada melahirkan golongan ini.

Di samping itu kita mempunyai Equinas tabung untuk pelaburan ini. Ini akan digunakan untuk tujuan melahirkan bumiputera yang mempunyai *merit base* dan juga mampu untuk *grow* kerana apa yang kita hendak capai sekarang adalah pemindahan daripada *mid income country* kepada *high income country*. Bermakna kalau kita dapat lahirkan usahawan yang tulen dan yang mempunyai kapasiti untuk *grove*. Apa yang berlaku, syarikat ini akan besar secara organik setahun ke setahun dan mengambil ramai pekerja dan dalam pekerja itu akan ada komponen mereka yang keluar daripada universiti dan cara ini *grove* yang kita harap berlaku dan kemudian akan boleh memberi *outsourcing* kepada pihak-pihak lain. Yang Berhormat Pasir Mas menyentuh mengenai...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit, sikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Nanti ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit saja.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya hendak tanya kepada Tuan Yang di-Pertua berapa lama Tuan Yang di-Pertua bagi saya? Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang betul Yang Berhormat Menteri, kalau kita hendak bincang lagi rang undang-undang yang di depan ini sehingga esok, saya mohon kerjasama sangat daripada Yang Berhormat supaya penjelasan itu dipendekkan supaya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya agak dia akan boleh jawab semua tetapi masa itu tidak mengizinkan kita semua. Sila, bagi dia laluan.

■1630

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja, Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya... Dua perkara Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, satu daripada *low income regime* kepada *high income regime*. Sebutan itu cukup menarik, Tuan Yang di-Pertua. Maka begitulah kita harap-harapkan sebutan-sebutan ini akan terus dapat diperkasakan.

Pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang *outsourcing*. Sejauh yang kita ingat *outsourcing* ini melahirkan inilah, lambakan *unskilled labors* daripada luar yang tidak akan mengizinkan industri-industri kita ini mengarah kepada satu *value change* atau *value added* yang lebih tinggi kerana mereka adalah *unskilled*.

Ini semua saya nampak satu ketidaksejajaran dalam polisi, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang kita minta Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan kemudian, nanti dalam ekonomi baru ini, meletakkan ia sebagai satu yang *coherent*. Kesemua ini, saya kira buat hari ini saya terpaksa merakamkan, demi negara dan rakyat. Perkara-perkara ini saya takut tidak diamati dengan baik. Apabila dibentangkan kemudian nanti, kita hendak kajian-kajian yang lebih konkrit dibentangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *Outsourcing* yang saya ceritakan dalam konteks syarikat tadi, dan *outsourcing* ini ada banyak bentuk. Saya ingin menyatakan bagaimana SME kita berdaya maju. Ini adalah kerana kita ada *industrial linkage program*, melalui..., kita ambil *outsourcing* daripada *multinational*. Yang pentingnya kita hendak pilih *outsourcing* bentuk apa, adakah *low-cost* ataupun yang *high technology*? Itu sahaja yang kita perlu.

Kemudian Yang Berhormat menyentuh tentang *hirer purchase*, lima hingga sembilan tahun. Ini adalah isu pasaran, Yang Berhormat. Saya berharap pelanggan kita faham apakah bentuk pinjaman yang mereka peroleh dan bagaimana menggunakannya. Untuk makluman Yang Berhormat NPL untuk *hire purchase* adalah 1.8%. Ini bermakna NPL itu adalah di bawah daripada NPL sektor perbankan.

Yang Berhormat Kota Melaka menyentuh mengenai dengan *bank charges*. Yang ini saya...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang saya, belum jawab lagi tadi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Oh, okey. Wah, Yang Berhormat Pasir Mas baik hari ini, ya? Yang Berhormat Pasir Mas menyentuh mengenai soal 6%– 7%. Yang ini tidak ada masalah FDI masuk. Ada beberapa perkara saya ingin sentuh tentang modul yang kita laksanakan dulu. Modul yang kita laksanakan telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada negara kita, membawa pertumbuhan negara kita kepada tahap yang kita peroleh sekarang.

Apabila kita masuk tahun 2000, pembangunan dan *growth* kita telah tersangkut (*stuck*), kerana kita berada dari segi teknologi ekonominya kepada *mid and lower*. Ini bermakna dengan izin, *mixed of technology and labor based*. Maknanya dari segi *employer per employee* per modal atau dana. Kita ada RM50,000. Maknanya masih lagi di bawah. Dengan naiknya negara China, Vietnam dan berbagai negara lain, berlaku persaingan bermakna bahawa pasaran ekonomi ini bukan sahaja di Malaysia lagi. Dahulu di Malaysia, sekarang sudah ada China, Vietnam, Laos, Cambodia dan negara lain.

Jadi FDI mula mempunyai tempat-tempat yang boleh bersaing dengan kita. Jadi, kita dapati bahawa modul itu tidak lagi *sustainable* lagi untuk negara kita berasaskan kepada apa yang kita kaji. Maka kita perlu melihat apakah perlu melihat apakah struktur yang harus kita perkenalkan supaya kita dapat lagi menarik FDI.

Yang Berhormat Kota Melaka menyentuh tentang *charges*. Ini fahaman saya. Saya berbincang dengan pihak bank. Mengikut kefahaman saya *charges* yang dikenakan untuk fotostat dan sebagainya adalah kos sebenar, tetapi saya akan siasat perkara ini. Kalau fotostat pun sampai RM10 maknanya ini terkeluar daripada kos biasa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Saya boleh beri satu contoh mengenai caj yang dikenakan oleh bank-bank. Ada di kalangan bank..., Bagi mereka yang *charged* harta atau tanah mereka di bank, kalau mereka minta bank untuk *photocopy*, satu *photostat copy* hak milik tanah mereka dikenakan caj RM50 hingga RM60. Oleh itu saya harap Yang Berhormat Menteri boleh meneliti perkara ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya, saya telah nyatakan bahawa saya akan siasat dalam perkara ini. Mengenai dengan *default* bank Islam yang menyatakan bahawa, jika telah mendapatkan pembiayaan sebanyak RM400,000 kemudian gagal untuk bayar, maknanya kena bayar RM400,000. Apa yang berlaku sebenarnya dalam sektor perbankan dari segi praktisnya adalah seperti mana kita tahu bahawa komponen pembiayaan ada dua. Satu, prinsipal iaitu kos wang yang dipinjam. Kemudian keuntungan diperoleh oleh bank.

Katakanlah setelah satu tahun pembayaran kemudian tidak mampu, ditarik balik, yang mesti dibayar adalah dana yang dikenakan oleh pihak bank. Keuntungan itu biasanya akan dikecualikan. Sekiranya berlaku di mana pihak bank menjual aset tersebut, segala kelebihan daripada penjualan tersebut akan dikembalikan kepada peminjam.

Yang Berhormat Ledang menyentuh tentang CTOS. Ini telah saya sentuh tadi. Insurans *third party* ini sebenarnya melibatkan individu yang selalu terlibat dengan tuntutan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap ringgit yang diterima oleh pihak insurans, *third party* untuk tujuan insurans, yang dibayar atas tuntutan itu lebih daripada itu. Jadi, bagi mereka yang selalu terlibat dalam tuntutan ia akan dikenakan lebih kerana ia akan pergi kepada sistem *pool*.

Yang Berhormat Kuantan... Oh Yang Berhormat Kuantan tidak ada ya, mengenai *charges* tadi. Isu mengenai dengan tukar nama bank. Dia tukar nama bank *collateral*, yang di caj kepada bank selepas itu ditukar kerana nama bank itu telah bertukar. Arahan kepada Bank Negara, bank mesti *absorb* kos tersebut. Kalau ada kes yang tidak begitu, sila laporkan kepada Bank Negara. Kita ada dapat satu laporan pada tahun 2003 di mana individu menyatakan bank suruh bayar dan Bank Negara telah arah bank tersebut untuk *absorb* kos tersebut.

Yang Berhormat Maran menyentuh tentang kewangan Islam. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana isu ini kita ketengahkan. Malah saya sendiri hadir di *UN Summit on Financial Crisis* minggu lepas. *Alhamdulillah*, saya tidak kena H1N1, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah saya ada di sini. *Alhamdulillah*.

Jadi, kita telah ketengahkan isu ini. Malah di mesyuarat IDB pun kita kena ketengahkan isu *Islamic banking* yang relevan dalam keadaan kedudukan kewangan konvensional yang telah memberi padah kepada masyarakat dunia. Berbilion orang yang sengsara akibat daripada itu dan ini akan terus kita ketengahkan. Di dalam akta ini kita letakkan Jawatankuasa Penasihat Syariah dan kemudian *clause* berikutnya mesti mempromosi *Islamic banking*.

Yang Berhormat Tanjong Manis juga menyentuh tentang *Islamic banking*. Soal sukuk, kita menguasai 60% daripada sukuk dunia tetapi kita tidak *complacent* kerana kita tahu negara Singapura dan juga Hong Kong mula memainkan peranan untuk menjadi pusat kepada kewangan antarabangsa. Kita terus mempromosikan kedudukan kita. Malah IDB pun apabila menerbitkan sukuk pun datang ke negara kita.

Apa yang kita lakukan selain daripada jawatankuasa penasihat syariah yang melibatkan pakar-pakar agama, pakar-pakar bank (*practitioner*) dalam bidang bank dan pihak lain. Kita juga sentiasa mengadakan inovasi dari segi produk dan kita juga mengadakan latihan-latihan. Malah kita telah lahirkan *chartered financial planner Islam* yang berpusat di sini. Kita telah ada *graduate* yang lulus dalam bidang itu menunjukkan bagaimana serius kita hendak melaksanakan sistem itu.

■1640

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang Bank Islam, kewangan Islam, perbankan Islam, sukuk dan juga Persidangan Kemuncak Kewangan Antarabangsa yang Yang Berhormat hadir itu saya sedikit mengikuti apa yang berlaku di Persidangan Kewangan Antarabangsa yang dilihat oleh kuasa-kuasa Barat sebagai percubaan hanya oleh Presiden Bangsa-bangsa Bersatu, bekas Menteri Luar Nicaragua

untuk menyetengahkan kekuasaan dunia ketiga kononnya mengikut tuduhan mereka dan oleh itu dilaporkan sebagai tidak menerima sambutan daripada gergasi-gergasi ekonomi dunia.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang itu dan adakah Yang Berhormat Menteri mengambil kesempatan untuk sealiran dengan semangat Pengerusi Bangsa-bangsa Bersatu Nicaragua ini untuk sama-sama dengan dunia ketiga yang majoriti ini untuk mempengaruhi kewangan dunia, untuk mempengaruhi perjalanan dan dasar Bangsa-bangsa Bersatu ke arah sama ada sistem kewangan Islam dan sebagainya.

Keduanya tentang sukuk dan sebagainya Yang Berhormat Menteri menyebutkan tadi bahawa kita mempunyai persaingan yang hebat daripada Singapura, Hong Kong malah London sendiri yang melihat betapa tinggi potensi kewangan Islam ini. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menyelaraskan fatwa-fatwa berkaitan dengan kewangan Islam ini misalnya di peringkat IDB ataupun di peringkat OIC supaya tidak perlu ataupun tidak bercanggah walaupun perlu ada di peringkat bank negara kita ini suatu Jawatankuasa tentang kewangan Islam dan fatwanya dan di peringkat tiap-tiap institusi kewangan swasta dalam negara kita ada Jawatankuasa Fatwa masing-masing, tidakkah lebih mudah jika ianya diselaraskan di peringkat tertinggi negara-negara Islam sama ada di OIC atau IDB. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, isu Yang Berhormat bangkitkan tentang *UN Summit on Financial Crisis*, peringkat awal memang ada konflik di antara negara maju dan G-77. Mengenai dengan *outcome statement* dan kemudian setelah rundingan dibuat maka akhirnya kedua-dua pihak bersetuju untuk meluluskan *outcome statement*. Apa yang pihak negara maju tidak bersetuju penglibatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk *oversea* yang itu tidak bersetuju jadi akhirnya persetujuan supaya ditubuhkan satu *taskforce* untuk mengkaji di kedua-dua pihak bersetuju.

Akan tetapi dari segi *international financial architecture* dan peranan IMF, World Bank bagaimana hendak disusun semula itu mendapat sokongan daripada semua pihak.

Berkaitan dengan soal fatwa, saya berpendapat bahawa akhirnya akan ada *convergent* pihak IDB sendiri memang ada Majlis Jawatankuasa Fatwa. Saya berpendapat akhirnya akan ada satu sistem yang menggunakan satu sistem. Proses ini akan berlaku.

Kemudian Yang Berhormat Tanjong Manis menyentuh tentang gunakan USD. Ini memang fenomena atau trend seluruh dunia bahawa USD merupakan *currency* yang digunakan lebih kurang 70% atau 80% oleh semua negara dunia dari segi *transaction trade* dan *investment* melibatkan negara-negara tersebut. Apa yang berlaku baru-baru ini, kita cuba mewujudkan satu *window* di mana Malaysia dengan negara China berbincang untuk *central bank* masing-masing menyediakan *facilities* sekiranya guna *local currency* ada kemudahan untuk tujuan *transaction* itu berlaku. Akan tetapi akhirnya keputusan akan dibuat oleh *importer* dan *exporter*, kerajaan tidak boleh campur tangan. Tidak ada cara untuk kerajaan campur tangan kerana perdagangan adalah penglibatan dua pihak antara *importer* dan juga *exporter*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya berhajat juga hendak tanya berkenaan dengan isu *window monetary time frame* yang barangkali Yang Berhormat Menteri maksudkan tadi. Akan tetapi sebelum itu saya melihat kesungguhan Menteri Kewangan dan juga kerajaan untuk memastikan bahawa wujudnya kekuatan baru dalam *liquidity* tempatan atau domestik kita dengan mengharapkan kemasukan pelaburan daripada luar atau FDI daripada luar.

Bawah *stock broking liberalization* yang diumumkan sampai disebut membenarkan 70% ekuiti dipegang oleh orang luar berbanding dengan 49% sebelum daripada ini. Ini adalah langkah yang cukup berani dan cukup baru yang tidak pernah dibuat selama ini sehinggakan Bank Negara diberi kuasa bersama dengan SC untuk mengkaji semula tentang *visa application*, dengan izin untuk memastikan pedagang-pedagang yang akan mengambil dan memikul tugas melaksanakan pemilikan ekuiti 70% ini boleh terlaksana sekali gus barangkali untuk memastikan tujuan asal membawa masuk FDI atau meningkatkan FDI dalam negara kita.

Soalnya sekarang Yang Berhormat Menteri, kalau kita begitu bersungguh-sungguh untuk menjayakan perkara ini, saya hendak tahu kalau bukan rahsia atau tidak *confidential* lagi pada peringkat kementerian, apakah langkah-langkah awal untuk memastikan sekiranya ini tidak berjaya, tidak boleh dicapai, adakah *fall back situation* dengan izin, yang kita persiapkan kalau boleh kita beritahu dalam Dewan ini sekiranya tidak berjaya kita masih lagi boleh mempertahankan hak domestik kita, hak dalam negara kita supaya kita tidak rugi kedua-dua aspek ini antara kegagalan kita membawa FDI dengan juga kegagalan membuka pintu *domestic economic* kita kepada satu masalah lain penguasaan yang tidak menambahkan kebaikan pada kita. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan tadi kita telah membuat kajian yang mendalam mengenai perkara ini. Kita percaya kita akan dapat bawa masuk FDI dan di samping itu kita dapat mempertahankan ekuiti negara kita kerana sebenarnya kita mempunyai *competitiveness* dalam berbagai-bagai bidang.

Mengapa saya kata kita dapat banyak FDI? Kita ambil Johor Corridor, sebenarnya banyak syarikat-syarikat yang menunjukkan minat untuk masuk. Apabila kita memobilisasikan 27 subsektor dan juga pihak industri perbankan kita bersetuju bagi lesen baru, kita mendapat banyak *inquiry* dan setengahnya betul-betul berminat.

Jadi saya ingat biar kita tunggu dan lihat kepada keputusan yang akan kita perolehi kerana akhirnya apabila kita lihat apakah *choice* yang kita ada, adakah kita mahu tutup pintu macam mana berlaku sekarang dan kita lihat aliran FDI sekarang pergi negara lain dan kita jadi sebagai *spectators* semata-mata ataupun kita mesti melakukan sesuatu dan dalam rundingan kita dengan pihak luar menunjukkan mereka memberi reaksi yang begitu baik pada kehendak kita. Yang Berhormat menyentuh mengenai...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya tidak nafikan kepentingan kita merebut peluang untuk menarik FDI, bukan itu maksud saya tetapi adakah kita boleh nyatakan kepada Dewan ini antara langkah-langkah cadangan kita. Kita mesti ada pelan atau *fall back situation* dengan izin. Barangkali kita masih cuba untuk kata ini peringkat ini tidak boleh dikemukakan atau diberitahu.

Saya hormati kalau perkara itu dikatakan sedemikian tetapi kemusykilan kita sama ada, ada atau tidak langkah-langkah yang kita persiapkan sekiranya matlamat utama atau sasaran utama ini tidak tercapai. Kita tidak mahu lagi sejarah ataupun peristiwa yang sebelum ini mungkin juga boleh berulang lagi sekali tentang tahap-tahap pencapaian yang kita letak barangkali kerana kesilapan kita yang patut kita terima, kita telah tersasar daripada sasaran sebenar. Terima kasih.

■1650

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ambil contoh kita hendak memperkukuhkan bumiputera. Saya telah nyatakan dasar-dasar yang kita akan perkenalkan. Itu antara yang kita perkenal, yang lain kita telah *study* dengan mendalam dan saya tidak ada maklumat. Termasuklah kita memperkenalkan *Equinas* untuk tujuan kita melahirkan usahawan yang tulen. Maknanya *safe guard measures* ini memang kita ada. Selain daripada yang saya nyatakan tadi bahawa dalam sektor kita yang *niche market*, macam sektor perbankan umpamanya, kita bagi lima lesen kepada bank perdagangan baru. Itu pun 30% sahaja ekuiti yang dibenarkan. Bermakna 70% masih lagi milik rakyat Malaysia. Jadi perkara-perkara ini akan memastikan kita dapat mempertahankan kedudukan kita.

Mengenai dengan kadar faedah negara, untuk makluman, kadar faedah bank secara purata, saya nyatakan Malaysia 5.13%, Indonesia 16.2%, Filipina 7.6%, Thailand 5.8%. Ini dalam rantau negara kita. Kemudian mengenai dengan keuntungan bank kita, *return on asset* lebih kurang 1.56% semata-mata. Agrobank, ini akan kita kaji. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah memberitahu kepada pihak Agrobank bahawa asas Agrobank ini mestilah kepada pembangunan sosioekonomi. Apa yang berlaku di dalam *Development Financial Institution*, oleh kerana tidak ada kawalan pada masa lalu, berlaku NPL yang begitu banyak.

Jadi bila ada kawalan bawah DAFIA, ia perlu melakukan *balance*, bagaimana hendak kurangkan NPL, bagaimana hendak melaksanakan dasar sosioekonomi. Ini akan kita lihat dengan lebih mendalam...

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Lualan. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mudah sahaja. Apakah Yang Berhormat Menteri akan terus menyentuh, menjawab hal-hal secara khusus yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain ataupun akan terus memberikan syarahan dan kuliah ekonomi?

Saya cuma hendak tahu yang itu sahaja sebab secara khusus, kita buat *homework* kita, sudah tentu kita berharap sangat. Jadi kita tidak hendak nanti *at the end of the session*, oleh kerana *we're running out of time*, jadi *excuseny*a masa tidak cukup, jadi kita kena mengundi. Jadi

kita tertinggal banyak perkara khusus yang dibangkitkan oleh saya, oleh Wangsa Maju, oleh Bukit Bintang, oleh Beruas. Saya masih lagi sabar mendengar dan membuat catatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat Menteri respons kepada itu. Maka itu selalu kita ingatkan bahawa yang penting untuk dijawab dahulu ialah persoalan-persoalan yang dibangkitkan sewaktu perbahasan. Akan tetapi malangnya dalam perbahasan dibenarkan juga Ahli-ahli Yang Berhormat untuk minta penjelasan, tetapi malangnya penjelasan-penjelasan yang diminta itu adalah hujah baru yang tidak pun timbul sewaktu perbahasan dibangkitkan. Idea baru yang cuma diselitkan semata-mata untuk kadang-kadang mengemukakan hujah pendapat sendiri dan kadang-kadang minta penjelasan.

Ini yang menyebabkan kenapa perbahasan kita panjang lebar. Jadi kita harus buat pertimbangan, *give and take* di mana Menteri juga menjelaskan, pada masa yang sama jangan habiskan masa semata-mata untuk menjawab kepada penjelasan-penjelasan yang dibangkitkan selepas perbahasan kerana saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Machang itu adalah satu perkara yang *valid*. Sila Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya menjawab semua isu yang dibangkitkan. Tadi saya menjawab mengenai dengan faedah bank ini dibangkitkan oleh Tanjong Manis yang merupakan pembahas nombor enam.

Sekarang saya pergi kepada Bachok. Bachok menyentuh mengenai dengan aktiviti bagi memperluaskan kefahaman rakyat kepada instrumen-instrumen yang diperkenalkan oleh kerajaan, yang ini kita akan bagi perhatian. Beliau menyatakan gunakan TV swasta dan kerajaan. Kemudian beberapa perkara yang beliau sentuh yang telah saya sentuh tadi. Kemudian beliau bercakap mengenai dengan pasaran modal Islam ini boleh dikembangkan ke negara China di mana saya nyatakan memang kita mempunyai hasrat untuk kita perluaskan ke negara-negara lain.

Yang Berhormat Pasir Mas menyentuh tentang tender untuk syiling. Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang boleh saya nyatakan bahawa tender diberi mengikut cara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Bank Negara, ada *allegation* yang menyatakan tidak diberi cara betul, ini telah pun dibuat siasatan dan didapati perkara itu tidak berlaku.

Kemudian mengenai dengan Jawatankuasa Pemantauan Penyertaan Bumiputera di Bank Negara Malaysia, sekarang ini telah bertukar kepada Jabatan Pembangunan Kewangan dan Enterprise. Ini juga termasuk di semua bank mempunyai unit tersebut. Mengenai mendapatkan pinjaman, telah saya sentuh mengenai dengan insurans juga telah saya sentuh. Liberalisasi juga telah saya sentuh. Kemudian persepsi mengenai dengan liberalisasi. Ini akan saya bawa kepada Perdana Menteri, cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan Kongres Khas Ekonomi Bumiputera. Kemudian mengenai dengan Pengerusi-pengerusi GLC, ini akan

diberi perhatian. Maknanya Pengerusi-pengerusi GLC ini dan juga ketua eksekutif tidak mempunyai banyak jawatan.

Yang Berhormat Tangga Batu menyentuh mengenai dengan ah long ini telah saya sentuh tadi. Kemudian beliau bercakap soal spesifik, dunia Melayu, dunia Islam, Finance House Berhad. Nama ini telah kita luluskan, bukan dalam bentuk bank tetapi lebih dalam bentuk *investment fund* dan pihak promoter perlu menyiapkan apakah struktur yang hendak mereka adakan. Kemudian mengenai dengan wang kertas RM500 dikeluarkan kembali. Yang ini kita tidak cadang pada masa ini kerana berdasarkan pengalaman kita, wang RM500 dan RM1,000 tidak banyak dalam *circulation* yang diperlukan, dipakai oleh rakyat kita.

Yang Berhormat dari Machang menyentuh mengenai dengan jambatan kedua. Untuk makluman Yang Berhormat, jambatan kedua ini adalah bawah EPU. Saya ingat biarlah EPU yang menjawab dan bukan Kementerian Kewangan. Beliau menyentuh tentang IKS, ini telah saya sentuh.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kaitannya ada, sebab dalam fungsi Bank Negara disebut dengan jelas bahawa Bank Negara bertindak sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan. Sudah tentulah apabila kerajaan membuat keputusan tentang satu pelaksanaan, ianya akan melibatkan dana dan dana rakyat. Kementerian Kewangan terbabit secara langsung dan saya kemukakan fakta-fakta angka dan sudah tentulah jawapan bukan hanya berbunyi, "Itu urusan EPU."

Ada kaitannya kerana Rang Undang-undang Bank Negara itu menyebut dengan jelas tentang fungsi adanya Bank Negara. Jadi sudah tentulah kita mengharapkan jawapan yang lebih bertanggungjawab, saya fikir daripada Yang Berhormat Menteri. Saya masih mengharapkan jawapan ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak mempunyai maklumat untuk saya bagi kerana bila kita kata Bank Negara menjadi penasihat kewangan bukan sampai melaksanakan projek itu mesti mendapat pandangan daripada Bank Negara. Jadi, kalau saya ada maklumat, boleh saya bagi kepada Yang Berhormat. Maklumat itu tidak ada. Bank Negara dan pegawai-pegawainya pun tidak ada maklumat untuk bagi kepada saya. Jadi dengan sebab itu saya tidak mempunyai maklumat untuk diberi kepada Yang Berhormat kerana kita menyentuh soal sebuah bank.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Okey, saya tambah. Saya merujuk kepada maklumat yang berupa nota taklimat kepada Perdana Menteri, 20 Mei, Perdana Menteri juga adalah Menteri Kewangan yang pertama oleh Unit Penswastan dan PFI mengenai Projek Jambatan Kedua.

■ 1700

Jadi, dalam taklimat itu jelas mengandungi syor-syor yang berasaskan kepada kajian-kajian yang dibuat oleh pihak berkuasa dalam kerajaan sendiri. Sebagai Menteri Kewangan II,

agak aneh bunyinya kalau sekiranya taklimat yang begitu penting membabitkan dana yang begitu besar RM12 000 juta Kumpulan Wang Amanah Pencen, taklimat kepada Menteri Kewangan I. Jadi, agak aneh sedikit kalau pengakuan Menteri Kewangan II tidak tahu menahu tentang perkara ini sedangkan taklimat diberi kepada kementerian di bawah satu bumbung di mana Yang Berhormat sebagai salah seorang daripadanya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta daripada saya butir-butir, saya tidak ada butir-butir. Saya mendapat maklumat yang hendak saya jawab ini semua daripada Bank Negara beri kepada saya. Jadi yang ini Bank Negara pun tidak bagi. Kalau kita kata Bank Negara sebagai penasihat kewangan, kerana Bank Negara tidak terlibat dalam soal ini. Jadi kalau Yang Berhormat hendak maklumat, saya beri kemudian. Itu janji saya kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat, menyentuh mengenai dengan IKS, kita sedar IKS memainkan peranan penting dan ini telah saya sentuh dari segi pinjaman dan sebagainya. Kalau ada masalah bagaimana kita harus *link* dengan *BNM Link*. Kemudian tentang eksport minyak, mengenai dengan minyak royalti ini pun saya minta maaf, saya tidak ada maklumat.

Saya ditanya semalam oleh seorang pemberita, saya kata saya akan dapat maklumat mengenai dengan minyak di Kelantan kerana saya faham jikalau ada pengeluaran minyak di Kelantan, kita patut beri tetapi sekarang saya tidak ada maklumat tersebut. Mengenai dengan pakej rangsangan, secara statistiknya saya tidak ada buat masa ini kerana ini keluar daripada maklumat Bank Negara. Akan tetapi apa yang boleh saya nyatakan, pakej rangsangan ini ada dua. Satu RM7 bilion dan satu lagi RM15 bilion yang melibatkan pakej kedua dari segi fiskal. Apa yang kita lakukan kita ada *project management unit* yang akan memantau dan memberi maklumat pada setiap dua minggu ke atas prestasi pakej-pakej tersebut.

Apa yang kita dapati dari segi pakej pertama, mengikut *cashflow*, pakej pertama bukan minggu ini kerana minggu ini saya belum mendapat maklumat. Dua minggu yang lalu dari segi pakej pertama dia *off-track* sedikit dalam 3% manakala dalam pakej kedua dia mengikut kepada *cashflow* yang telah kita tetapkan. Kemudian Yang Berhormat Wangsa Maju menyentuh mengenai dengan promosi kad kredit.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Minta laluan sedikit Yang Berhormat ya. Saya balik semula kepada dana *micro finance*. Saya merujuk kepada laporan Bank Negara tahun 2008 di bawah dana *micro finance* ini. 241 syarikat dapat bersamaan RM4.2 juta sahaja daripada sejumlah RM200 juta peruntukan. Apa jadi sebenarnya? Angka yang ini cukup kecil, peruntukannya agak besar RM200 juta yang diluluskan pada tahun 2008 mengikut laporan Bank Negara ini cuma RM4.2 juta. Mengapa begitu?

Saya persoalkan tadi, apakah maklumat tidak sampai ataupun ada banyak kerenah birokrasi ataupun syarat-syarat ketat atau apakah sebenarnya? Ini kerana kalau mengikut

laporan ini, muka surat 62 Laporan Tahunan 2008, dana yang dipanggil sebagai...., dana tersebut dapat diperoleh menerusi sembilan institusi kewangan dalam skim pembiayaan mikro.

Institusi kewangan akan menetapkan kadar pinjaman. Kemudiannya disebut dana ini disediakan untuk perusahaan mikro yang mempunyai perniagaan berdaya maju mulai 5 November. Pada akhir tahun 2008, RM4.2 juta telah diluluskan untuk 241 perusahaan mikro di bawah MEF. Jadi, peruntukan RM200 juta, lulus RM4.2 juta. Ini sangat kecil *percentage* nya. Mesti ada satu penjelasan yang memuaskan dan meyakinkan sebenarnya cuma di bawah satu topik ini dahulu. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik saya daripada 8 Mei sehingga 9 April, sebanyak 20,909 individu atau kita memanggil akaun yang telah diluluskan melibatkan RM406.6 juta yang telah dikeluarkan. Dari segi *disbursement draw down* kepada wang tersebut, sebanyak RM380.3 juta telah di *draw down*. Pada akhir April 2009, dari segi *outstanding* adalah sebanyak RM533.4 juta.

Jadi maklumat itu yang boleh saya beri kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan Yang Berhormat Wangsa Maju, beliau bercakap mengenai dengan soal kad kredit *shopping complex*. Apa yang berlaku adalah mereka membuat promosi dan kemudiannya membawa pulang ke bank ataupun institusi kewangan untuk membuat kajian sejauh manakah boleh atau tidak *credit card* ini diberikan kepada individu-individu yang memohon. Dari segi kos, saya mengambil *comparative study*. Kos di Malaysia antara 9% sehingga 17.5%, Australia – 9% hingga 19.5%, Hong Kong – 17.8% hingga 36%, Singapura – 18% hingga 27% dan negara-negara lain.

Jadi dari segi kos pendidikan kita juga *competitive* berbanding dengan negara-negara lain. Dari segi *bank charges*, yang ini saya harap beliau dapat memberi laporan lebih lengkap lagi mengenai dengan kehilangan kad kredit. Ini kerana dari segi peraturannya, apabila individu hilang kad kredit dan membuat laporan segera, maknanya *genuine case*. Jadi pembayaran hanya dibuat setakat RM200 ke RM250 sahaja. Jadi, saya mohon maklumat lebih lengkap supaya dapat kita buat kajian.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan kehilangan kad kredit. Saya rasa kad kredit buat masa ini adalah kurangnya perlindungan. Sebagai contohnya, jika seseorang individu, dia telah hilang kad kreditnya dan belum sempat beliau membuat laporan kepada bank, kad kreditnya telah digunakan di *petrol station*, di pam-pam petrol di mana tidak memerlukan sebarang tandatangan pemilik kad tersebut. Jadi di dalam situasi ini, saya rasa apakah pihak kementerian akan meneliti sama ada menambahkan perlindungan kepada pemilik kad kredit ini sebab hanya kalau di pam petrol hanya perlu goreskan kad itu sahaja. *Just swept the card* macam itu sahaja.

Perkara yang kedua saya ingin ambil kesempatan hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apa pendirian kerajaan dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan memandangkan Perwakim semalam telah membuat protes berkenaan 10% *rebate* kepada pembeli insurans

terutamanya motor, polisi insurans. Mereka telah membuat protes semalam dan hari ini telah berjalannya *ruling* tersebut. Apakah kerajaan ada mempertimbangkan pandangan mereka bagaimana ia akan menjejaskan pendapatan mereka dan juga pekerjaan pekerja-pekerja bawahan agen-agen ini?

Perkara ketiga, maaf ya saya hendak tanya berkenaan dengan *motor insurance, third party* bagi kenderaan lama atau traktor atau lori lama lebih daripada 15 tahun. Hari itu Yang Berhormat Bandar Kuching ada bangkitkan mengenai perkara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jawab bahawa ada satu MMIP di mana akan menerima *third party insurance*. Akan tetapi persoalan yang timbul Yang Berhormat Menteri ialah saya telah balik kawasan dan pemilik traktor, mereka telah berkumpul. Mereka berkata bahawa MMIP bukan sahaja dua. Memang benar yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hari itu dua cawangan insurans iaitu Multi-Purpose Insurans Berhad dan Uni.Asia General Insurance.

Akan tetapi persoalannya, bukan sahaja boleh memberi *third party* tetapi mensyaratkan pemilik traktor atau kenderaan lama itu untuk mendapatkan satu laporan *adjuster report* yang membebankan kos mereka Tuan Yang di-Pertua, RM80.

■1710

Apa yang perlu buat? Hanya hantar empat keping gambar traktor, dua keping bahagian depan, dua keping bahagian belakang, serah dan selepas itu keluar satu *adjuster report*. Ini *business* boleh untung banyak. Jadi, mengapa ada syarat ini yang boleh membebankan pemilik kenderaan lama dan traktor, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri, pemilik traktor mengatakan kami jarang-jarang memandu traktor di atas jalan raya kecuali hendak pergi dari suatu tempat ke *site* sahaja. Kebanyakan masa adalah di *site*, di tempat projek. Jadi, mereka tidak pernah membuat tuntutan kemalangan jalan raya. Mungkin dari aspek ini, kenderaan kategori ini, pihak kementerian meneliti semula agar tidak membebankan mereka. Jikalau mereka tidak pergi ke MAIP, insurans yang lain mensyaratkan komprehensif dan personel insurans, *personal accident*, PA. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri penjelasan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Boleh Yang Berhormat? Boleh Yang Berhormat saya tumpang sedikit sahaja iaitu berkaitan dengan kad kredit tadi. Pentadbiran Obama telah melihat juga masalah pengedaran dan penggunaan kad kredit yang begitu longgar nampaknya juga merupakan satu punca atau masalah kewangan Amerika dan dunia. Pentadbiran Obama telah mengambil tindakan yang agak keras dan mengenakan syarat-syarat yang saya faham lebih ketat kepada syarikat-syarikat kad kredit ini. Adakah kita mengambil sedikit pengajaran daripada tindakan pentadbiran Obama itu, kerana sebagaimana yang kita tahu syarikat-syarikat kad kredit ini *Visa, American Express* dan sebagainya adalah syarikat-syarikat asalnya, ibu pejabatnya di Amerika Syarikat sendiri. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh? Sedikit sahaja mengenai kad kredit. Saya hendak tanya, adakah Bank Negara

pernah membuat kajian mengenai tahap literasi masyarakat, terutama di luar bandar dari segi perundangan, produk perbankannya terutama dalam aspek *credit card*? Ini kerana, saya lihat keghairahan mempromosi untuk menyertai kad kredit itu tidak seghairah seperti mana mahu memperkasakan rakyat dengan literasi perundangan perbankan. Ini kerana saya tidak pernah lihat sekurang-kurangnya di Parlimen Balik Pulau, bahawa Bank Negara ada inisiatif ke luar bandar melakukan kerja-kerja kempen literasi. Jadi, saya rasa itu amat perlu terutama di kawasan-kawasan luar bandar dari segi tahap pendedahan, tahap pendidikan, tetapi yang pentingnya, akibatnya amat kuat, amat teruk kalau mereka gagal memahami terutama aspek-aspek perbankan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah menyentuh tentang *adjuster report*, ini saya akan memberi perhatian. Kita tidak mahu rakyat kita dibebankan dengan kos yang tinggi. Beliau juga menyentuh tentang 5% rebat. Ini akan diperkenalkan pada 1 Julai akan datang di mana apa yang berlaku, individu yang menggunakan, mengambil insurans secara *direct* atau *online*, mereka akan dapat rebat tersebut. Untuk makluman Dewan, sebenarnya dari segi peratusan yang akan terlibat dari segi sistem tersebut adalah 8% daripada keseluruhan insurans yang ada di negara kita dalam erti kata lain, agen insurans ada *business* dia.

Selain daripada itu, pihak Bank Negara telah berbincang dengan persatuan insurans daripada tahun 2001 lagi untuk menggunakan sistem yang baru ini dan bagaimana untuk *empower*, dengan izin *insurance agent* dan sekarang telah mula mengeluarkan lesen untuk *financial planner* dan sebagainya. Kemudian, yang lain saya sudah sentuh.

Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh mengenai dengan *credit card*. Apa yang berlaku...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan mengenai *third party insurance*. Hari itu jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, syarikat insurans tidak dibenarkan untuk tidak menerima pemilik kenderaan lama mengambil *third party insurance*. Akan tetapi, sekarang apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah dan saya juga ada menerima satu aduan bahawa syarikat itu yang akan menerima *third party insurance*, tetapi mereka meletakkan syarat bahawa pemilik kenderaan lama itu mesti membeli *personal accident, PA* dengan *third party insurance*. Kenapa ini boleh berlaku? Apakah Bank Negara buat atas kelakuan ini? Kalau mereka tidak dibenarkan untuk *reject any application for third party insurance only, then it should be implemented*. Apa yang Bank Negara akan lakukan terhadap syarikat insurans itu? Syarikat insurans yang telah disebutkan ialah Kurnia Insurans. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu penjelasan atas perkara ini? Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ada dua syarikat insurans yang terima insurans *third party*, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sentuh tempoh hari. Oleh kerana aksesnya begitu sukar, maka pihak *post office* akan

digunakan untuk tujuan individu hendak mengadakan *third party insurance* melalui pihak *post office*. Di samping itu, Bank Negara sudah pun mendapat komitmen daripada syarikat-syarikat insurans untuk mengadakan sistem *third party* tersebut.

Yang Berhormat Tumpat menyentuh tentang Obama. Apa yang berlaku, Obama telah mengarahkan supaya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, apakah langkah yang akan diambil? Saya tidak faham apa jawapan telah diambil. Apakah langkah yang akan diambil atas Kurnia Insurans yang memaksa pemilik kenderaan lama mengambil *personal accident*? Apakah Bank Negara...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *Personal accident* memang tidak boleh. Tidak boleh...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Akan tetapi, ini sudah berlaku dan kita hendak satu jawapan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: *Personal accident* tidak boleh. Saya berharap individu yang dikenakan untuk mengambil *personal accident* daripada *third party* membuat laporan kepada polis. Obama telah mengarahkan bank tidak menaikkan kadar pinjaman tanpa memberi notis kurang daripada 60 hari dalam konteks kita sepertimana saya nyatakan tadi, bahawa *charge* untuk *credit card* kita adalah antara yang terendah berbanding dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan Yang Berhormat Bukit Bintang membangkitkan tentang sindiket mesin. Saya harap dapat memberi maklumat kepada saya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan sedikit. Ekoran dari Yang Berhormat Bandar Kuching, Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *insurance* ini, kerap kali kita ada situasi, macam jawapan yang dibuat oleh Menteri sebenarnya ini *practical difficulty on the ground*. Di mana, kita tahu ramai di antara rakyat Malaysia adalah di mana *last minute* hendak beli insurans. Pihak insurans mengimpose *conditions* yang tertentu, syarat-syarat yang tertentu. Maka macam mana dengan senang Yang Berhormat Menteri mengatakan, dia boleh pergi laporkan kepada pihak polis. Kita semua tahu, kita pun ada kena sedemikian, di mana personel polisi yang baru, *overriding* dan sebagainya dikenakan.

Jadi, oleh kerana Yang Berhormat Bandar Kuching sudah pun memberitahu bahawa Kurnia Insurans terlibat dalam perkara ini, maka apakah tindakan yang akan diambil terhadap insurans tersebut? Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai, baru-baru ini saya difahamkan Tahan Insurance telah pun muflis dan keadaan rumit juga terlibat kepada semua insurans di negara ini, di mana *debt ratio* mereka sangat tinggi. Apakah kawal selia yang dibuat oleh Bank Negara supaya perkara yang terjadi kepada Mercantile Insurance dahulu kepada QBE Insurans tidak akan terjadi pada masa sekarang? Apakah tindakan yang ada ini?

Kedua adalah cadangan kerajaan untuk mengadakan *no fault liability*, di mana Peguam Negara telah mengatakan ada syor-syor yang tertentu seperti yang digunakan di New Zealand, ia akan diguna pakai di negara ini dan apakah keadaan tersebut? Terima kasih.

■1720

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai *personal coverage* tadi saya telah menyatakan bahawa itu satu kesalahan berdasarkan kepada *guideline* daripada Bank Negara tidak boleh dilaksanakan dan saya kata pergi *report police* memang tidak terima. Okey, tidak apa. Apa yang saya akan lakukan saya akan minta Bank Negara supaya lihat manakah syarikat insurans yang tidak melaksanakan itu supaya ambil tindakan yang terus menjual *personal coverage* itu akan ambil tindakan kepada mereka. Yang Berhormat menyentuh mengenai...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. MMIB yang mewajibkan *adjuster card report* RM80. Dua syarikat tadi saya kata cawangan Multipurpose UniAsia di bawah MMIB. Dia jual *third party insurance* tetapi mengenakan *adjuster report* RM80. Saya ada hubungi dan bercakap dengan penolong *manager Multipurpose*, dia kata ini dari atasan Bank Negara. Adakah ini benar?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Laporan *adjuster* ini perlu apabila...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, kalau ada kes spesifik seperti begitu tulis surat sahaja kepada Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Tulis kerana kes spesifik seperti begitu mungkin *isolated*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ha!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tahu. Itulah makanya saya sarankan supaya jangan menghabiskan masa perbahasan dengan soal-soal begitu. Kalau ada spesifik seperti Yang Berhormat Batu Gajah telah bercakap dengan satu *floor manager* bermakna spesifik. Manalah Yang Berhormat Menteri boleh jawab soal-soal spesifik kalau tidak ada penyelidikan. Tulis. Saya sarankan supaya tulis surat dan Yang Berhormat Menteri ambil tindakan. Sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya, seperti mana yang saya nyatakan tadi *adjuster* ini hanya perlu kepada masa tuntutan bukan masa membuatnya. Kemudian, tadi saya hendak jawab Yang Berhormat Tumpat tadi tentang Obama. Yang ini telah saya sentuh. Yang Berhormat Bukit Bintang saya minta supaya beri laporan kepada saya dan kita lihat tindakan yang perlu kita ambil.

Yang Berhormat Beruas juga menyentuh mengenai *Sitiawan Credit Corporation*, *you give more information to me*. Kemudian sistem perbankan hendaklah adil di mana sistem *Islamic banking* lebih murah daripada konvensional. Sebenarnya, kedua-dua sistem itu sama akhirnya kos yang perlu dibayar tetapi perbezaannya *Islamic banking* kerana ia telah menetapkan kadar

yang perlu dibayar tidak ada perubahan sehingga habis pinjaman. Maknanya kalau konvensional sistem apabila berlaku kenaikan harga faedah ataupun turun nilai faedah ia akan membuat *adjustment* mengikut perkara itu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 100 -

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tumpat.

5.24 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin merujuk kepada fasal 15 iaitu berkaitan dengan Gabenor dan Timbalan Gabenor. Soalan dan pandangan saya mudah sahaja. Adakah kementerian berhajat untuk memikirkan istilah-istilah yang lebih sesuai daripada mengekalkan istilah Gabenor, Timbalan Gabenor. Budaya Bank Negara dari segi menukar istilah-istilah jawatan pernah ada. Dahulu istilah *bank advisor* ataupun penasihat bank Negara sekarang ini sudah ditukar kepada *assistant governor*, penolong gabenor tapi saya ingin bertanya dan meminta supaya kementerian memikirkan istilah-istilah yang sesuai dengan bahasa kita, budaya kita daripada mengekalkan penggunaan istilah gabenor atau timbalan gabenor. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbicara tentang fasal 55 dan 62 berhubung dengan rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah. Sebagaimana yang kita tahu berlainan bank yang ada di negara kita ini berlainan corak ataupun kaedah pinjaman, faedah dan lain-lain yang ada hubung kait dengan pinjaman tersebut. Kalau kita lihat setengah bank menggunakan kaedah musyarakah, mutanaqisah. Setengah bank menggunakan *Al-Bai' Bithaman Ajil*, ada bank menggunakan mudharabah, murabahah dan juga *Al-Qardul Hasan*. Semua ini merupakan pinjaman yang memberikan corak-corak yang berlainan dari segi faedah dan juga pembayaran yang dikenakan kepada peminjam-peminjam.

Saya ingin bertanya kepada kementerian berhubung dengan Majlis Penasihat Syariah ini. apakah mereka ini mempunyai autoriti untuk mengarah bank-bank tersebut seperti mana yang terkandung dalam fasal 58 di mana sekiranya bank tidak mengikut apa juga nasihat mereka

bank akan dikenakan denda iaitu sebanyak kalau tidak silap saya RM3 juta. Maknanya apabila nasihat yang diberikan ataupun bank yang merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah ini apakah satu hukuman ataupun nasihat yang diberikan sama rata di antara satu bank dengan bank yang lain kerana kalau kita lihat misalnya musyarakah mutanaqisah kita membayar kurang daripada kita menggunakan pinjaman *Al-Bai' Bithaman Ajil*. Ini perkara-perkara yang perlu diberi perhatian kerana seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Beruas tadi ia akan memberikan satu masalah jumlah pembayaran yang mungkin berlebihan kalau dibandingkan di antara satu kadar sistem yang digunakan dengan kadar sistem yang digunakan oleh bank yang lain.

Jadi kalau sekiranya Majlis Penasihat Syariah ini memberi satu nasihat yang berguna ataupun yang ada kredibiliti kepada peminjam-peminjam saya rasa peminjam-peminjam tidak akan menghadapi masalah antara dua sistem yang digunakan tadi. Itu yang pertama.

Yang keduanya berhubung dengan fasal 62 iaitu mata wang kertas ataupun syiling. Kalau kita lihat sejak Bank Negara mengeluarkan kertas RM5 daripada polimer ini saya yang juga sebagai bendahari di masjid di kampung saya, saya dapati banyak wang RM5 ini yang kita tidak boleh gunakan. Misalnya kalau dimasukkan dalam poket terlupa masuk mesin basuh yang menggunakan air panas dia akan orang Kedah kata '*ghedot*'. Dia tidak boleh kita gunakan lagi duit tersebut. Banyak di antara duit ini yang terpaksa kita buang, kita lupuskan. Kita hendak bayar kepada pekedai-pekedai runcit pun dia tidak mahu terima. Ini masalah. Saya rasa Bank Negara perlu memikirkan tentang wang-wang kertas polimer ini dan juga mesin-mesin di *shopping complex* yang menggunakan *autopay machine* tidak boleh kita gunakan wang polimer ini. Begitu juga dengan *cash deposit machine* di bank-bank juga tidak menerima wang polimer jenis RM5 ini.

Jadi saya harap pihak Bank Negara perlu memberi perhatian terhadap perkara ini supaya ianya tidak menjadi wang yang dikeluarkan tapi tidak boleh diterima balik. Itu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Balik Pulau. Selepas Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Machang.

5.28 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas mengenai seksyen 15 terutama 15(1) yang mengatakan bahawa gabenor hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalan gabenor oleh menteri. Saya membayangkan bahawa mungkin tujuan untuk gabenor itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mungkin mewujudkan satu kebebasan di antara aspek pengurusan dana dengan mungkin yang ditentukan ada aspek-aspek Perlembagaan di situ di dalam menguruskan hasil negara. Akan tetapi apabila timbalan gabenor dilantik oleh Menteri saya mungkin tidak berapa jelas apa tujuannya di situ kerana saya membayangkan kalau gabenor itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, timbalan gabenor juga biarlah dilantik oleh gabenor, pada pandangan saya. Ini kerana di

sini tidak ada sistem seperti yang ada di negara-negara lain contohnya dengan izin, *appropriation committee* iaitu kalau kita mahu melantik *treasurer* atau kita mahu melantik hakim Mahkamah Agung. Ia akan melalui proses-proses yang mana banyak isu akan dibangkitkan seperti yang dilakukan di Amerika kerana saya rasa sebagai ketua-ketua agensi besar seperti Bank Negara ini saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya membentuk satu mekanisme yang mana tidak akan timbul calon-calon yang mempunyai *track record* yang tidak baik.

■1730

Ada di dalam seksyen 2 mengatakan reputasi dan sebagainya tetapi saya lebih yakin sekiranya ada satu mekanisme di dalam menentukan reputasi dan latar belakang yang baik itu dapat dikawal silia. Seterusnya, saya juga ingin membahaskan mengenai peruntukan seksyen 51 di dalam bahagian 7 perniagaan kewangan Islam. Saya rasa setakat hari ini selain daripada Akta Perbankan Islam yang membenarkan secara *statutory* nya penubuhan agensi-agensi perbankan Islam atau pun praktis perbankan Islam itu saya rasa sehingga hari ini kita tidak nampak akta-akta lain terutama kalau kita membicarakan mengenai *Islamic hire purchase*, mungkin lain-lain dari segi wakaf dan sebagainya.

Dari segi pemberian, hadiah yang mana merujuk kepada produk-produk perbankan Islam yang lain. Saya rasa perkara itu amat perlu terutama sekali di dalam kita mengiktiraf usul fikah atau pun dengan izin, *Islamic jurisprudence*, terdapat kepelbagaian pendapat. Bayangkan mana mungkin satu nasihat yang bersifat harmoni akan wujud di dalam pasaran apatah lagi di dalam keadaan tertentu, produk-produk kita sendiri pun tidak mendapat tarikan di negara-negara yang lain yang mengamalkan pendekatan, mazhab-mazhab yang berbeza mengikut tempat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi, saya mencadangkan selain dari memudahkan Majlis Penasihat Syariah di dalam menasihatkan, saya rasa mungkin dalam hal ini Bank Negara, kerajaan sendiri mungkin mempercepatkan meluluskan akta-akta yang merupakan khusus untuk produk perbankan. Ini kerana, saya masih ingat ketika mana kerajaan mahu membentuk Bank Muamalat, ketika mana mahu memindahkan produk-produk perbankan Islam kepada entiti yang baru banyak perkara-perkara yang timbul contohnya dari segi akad dan sebagainya.

Sebab itu kita melihat perbezaan amalan dari segi pendekatan yang diambil oleh Bank Al Rajhi contohnya di dalam menyelesaikan akad, amat berbeza, amat *strict* sifatnya. Saya mencadangkan memandangkan perkara-perkara yang berlaku di dalam pasaran perbankan Islam ini, saya mencadangkan ada perkara yang boleh diwartakan atau pun dengan izin, di *legislate*, bagi memudahkan penasihat syariah perbankan Islam di dalam menjalankan tugas. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Saya tadi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada lagi. Ya, Yang Berhormat Machang.

5.36 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di peringkat Jawatankuasa, saya ingin membangkitkan tiga perkara. Pertama, berkaitan dengan pembiayaan. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada satu trend yang agak merimaskan, yang melibatkan urusan bank, pinjaman *property*, *property loans*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh kebanyakan bank-bank di negara kita yang mengenakan lima tahun, *lock in period*.

Dalam tempoh lima tahun ini, jika kita sebagai *borrower*, peminjam hendak *refinance* pinjaman kita itu dengan bank yang sama atau pun kita hendak *refinance* dengan bank yang lain, kita akan dikenakan 5% penalti ke atas *outstanding amount*. Saya berpendapat bahawa *ruling* ini sangat memberikan keuntungan kepada bank-bank dan merugikan *borrower*. Sebab saya katakan begitu ialah, kita bayangkan keadaan di mana katakanlah kita membeli sebuah rumah pada tahun 2006 dengan harga RM500,000 dan kita pinjam RM400,000 dengan kadar *interest* 6%.

Sekarang, polisi Bank Negara ialah kadar faedah yang rendah tetapi kita tidak boleh *refinance the balance* sebab *lock in period* ini. Jadi, keadaan ini menyebabkan saya berpendapat tidak begitu adil kepada pemilik *property*. Apakah *ruling* ini di *sanction* dan digalakkan oleh Bank Negara kerana jelas ianya memberikan faedah kepada bank pada ketika *borrower* tidak dapat mengambil peluang manfaat daripada kadar faedah yang rendah disebabkan oleh *lock in period* lima tahun.

Saya suka mencadangkan supaya Bank Negara sepatutnya mengurangkan *lock in period* daripada lima tahun kepada dua tahun atau mengurangkan juga penalti daripada 5% kepada kurang daripada 2%. Itu lebih munasabah. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Menteri saya merujuk kepada perkara 5 mengenai matlamat dan fungsi bank. Ini sebenarnya berkaitan dengan Bank Negara sebagai badan *regulator*. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini Bank Dunia, dalam kajiannya untuk tempoh 1996 hingga tempoh 2008, satu tempoh yang agak lama kajian ini terhadap 212 negara yang dipanggil *Worldwide Governance Indicators Project*. Ia memberikan hasil bagaimana kedudukan negara kita jatuh dalam empat kategori iaitu:

- (i) *voice and accountability*, dengan izin;
- (ii) *political stability*;
- (iii) *regulatory quality*; dan
- (iv) *control of corruption*.

Di antara empat kategori ini yang ada kena mengena dengan Bank Negara, saya fikir sebagai peranan badan *regulator* adalah *regulatory quality*. Untuk kajian yang begitu lama 1996 hingga 2008 dan memberikan hasil atau dapatan yang sebegini tentu ada sebab. Apakah

kerajaan telah mengenal pasti kenapa ianya berlaku? Apa puncanya? Kalau telah dikenal pasti, apakah kerajaan telah mempunyai jawapan terhadap masalah ini.

Perkara ketiga dan terakhir, saya merujuk kepada perkara 89, kuasa mengkompaun. Saya sempat membaca sedikit sejarah Bank Negara. Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah bertugas di Bank Negara, waktu zaman Tun Ismail Ali dan Tan Sri Aziz Tahar. Waktu itu Bank Negara dalam menguruskan kerenah bank-bank komersial pernah mengenakan kompaun kepada bank-bank komersial jika sekiranya perjalanannya setelah dihantar audit Bank Negara ke bank-bank komersial ini mendapati salah laku ataupun amalan praktis perbankan yang tidak mengikut peraturan. Kompaun pernah dikenakan.

Saya ingin tahu apakah dalam tempoh ini, kebelakangan ini, Bank Negara ada mempraktikkan seksyen 89 kuasa mengkompaun yang memberikan hak kepada Gabenor dengan izin, bertulis pendakwa raya mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan, apa-apa jumlah wang yang difikirkannya patut.

Kalau dahulu, waktu kepimpinan Tun Ismail Ali dan Tan Sri Aziz yang saya sebut tadi kaedah mengkompaun ini pernah dikenakan. Akan tetapi, apakah ini masih menjadi amalan dalam pentadbiran sekarang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.39 ptg.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada perkara 62 mengenai hak untuk mengeluarkan, mencetak dan menempa mata wang. Nampaknya tiada sebarang peruntukan dalam bil ini yang telah menyebut tentang cara-cara untuk memelihara keselamatan mata wang ringgit itu sebagai satu *means of payment* yang selamat.

Kita ketahui bahawa mata wang kita yang moden itu selalunya disumberluarkan, di *outsource* kan kepada pencetak-pencetak di luar negeri. Teknologi mencetak itu kepunyaan orang asing dan kebanyakannya kita tidak tahu sama ada terdapat lagi *loop holes* atau pun *leakages* dalam satu kitaran semasa kita menempa, membuat *production*, penyerahan, selepas itu pengeluaran dan juga peredaran dalam pasaran mata wang.

■1740

Jadi kita ingin kaitkan dengan pencetak mata wang yang terdapat dalam negara iaitu salah satunya ialah Focus Equity Sdn Berhad. Syarikat ini telah menjadi satu bahan polemik pada tahun 2006 dan 2007. Sama ada syarikat ini masih menjadi salah satu daripada *outsource agent* dengan izin kepada Bank Negara Malaysia sebagai pembekal dan juga sasaran menempa mata wang untuk kita.

Kita juga ingin tahu sama ada kita mengguna pakai sebarang *guide line* ataupun garis panduan seperti mana yang telah dipakai di *European Union* supaya semua pengamalan untuk meng*outsour*cekan pencetakan mata wang itu adalah mematuhi statut dan syarat-syarat yang diterima sebagai bertaraf antarabangsa. Perkara yang kedua, ingin saya rujuk kepada perkara 60(1) dan (2) mengenai dwi sistem kewangan.

Nampaknya *bill* BNM 2009 ini adalah satu naskhah yang mengemaskinikan apa yang terkandung dalam BNM 1958 dalam mana terdapat satu bahan yang agak baru mengenai mempromosikan Malaysia sebagai satu Pusat Kewangan Islam Antarabangsa. Di sini disebutkan perkataan 'mempromosikan'. Jadi apakah istilah yang benar-benar ditakrifkan dalam bil ini sama ada 'promosi' sebagai satu cara menimbulkan kesedaran ataupun 'promosi' sebagai satu cara pemasaran yang kental. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

5.42 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama mengenai dengan Yang Berhormat Tumpat menyentuh mengenai istilah. Sebenarnya istilah yang kita gunakan ini adalah istilah yang selaras dengan Konvensyen Antarabangsa, itu kedudukan kita. Yang Berhormat Pendang menyentuh mengenai dengan Majlis Penasihat Syariah, mengenai dengan produk-produk yang dikeluarkan. Bagi makluman Yang Berhormat, bahawa apa yang berlaku apabila ada produk-produk baru yang diperkenalkan oleh pihak bank, ini akan dikemukakan kepada Majlis Penasihat Syariah.

Jika tidak patuh barulah dikenakan penalti sepertimana ada di dalam akta ini. Kemudian Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan wang RM5. Saya ingat ini biarlah pihak Bank Negara kaji perkara ini. Yang Berhormat Balik Pulau menyentuh mengenai dengan proses pelantikan gabenor. Apa yang terjadi, pelantikan di buat oleh Yang di-Pertuan Agong dan pelantikan ini mestilah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri ataupun Jemaah Menteri. Yang Berhormat Machang menyentuh mengenai dengan *log in period*.

Sebenarnya tidak semua bank mengenakan *log in period* kepada peminjam. Kemudian yang bertanya sama ada kuasa ataupun tidak untuk mengkompaun, kuasa ini masih ada. Kemudian Yang Berhormat Jelutong menyentuh mengenai mencetak mata wang, menyentuh spesifik Focus Equity Sdn Bhd ini. Saya tidak ada jawapan secara spesifik sekarang. Yang Berhormat menyentuh mengenai dwi sistem mempromosi. Mempromosi Yang Berhormat, juga bermaksud membentuk Sistem Kewangan Islam Malaysia sebagai hak kepada kewangan Islam. Bukan sahaja kita hendak buat iklan supaya membentuk menjadikan sebagai pusat kewangan terhad.

Fasal-fasal 1 hingga 100 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang. Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (PINDAAN) (PINDAAN) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

5.42 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 2009 iaitu Akta A1353 untuk mengukuhkan ketulusan dalam pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Seksyen 5 Akta A1353 dicadangkan untuk dipinda dalam fasal 2 rang undang-undang. Sebelum ini di bawah Akta A1353 selain Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Suruhanjaya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah melantik tiga orang anggota lain daripada kalangan orang yang terkemuka untuk menjadi anggota jawatankuasa. Di bawah pindaan ini tiga orang terkemuka tersebut digantikan dengan tiga orang anggota daripada masyarakat madani yang mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia.

Fasal 2 rang undang-undang dipinda dengan memotong subseksyen 11A(6) memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mempertimbangkan pendapat, pandangan atau syor jawatankuasa berhubung dengan pelantikan anggota Suruhanjaya berkenaan. Pindaan kepada Akta A1353 ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan terhadap kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta A1353 adalah bertujuan untuk mengukuhkan ketulusan dan proses pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Dengan adanya penglibatan masyarakat madani dalam jawatankuasa pelantikan anggota suruhanjaya yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hak asasi manusia. Penglibatan masyarakat madani juga adalah selaras dengan kehendak Prinsip-prinsip Paris

dengan izin “ *Pluralist Representation of The Social Forces (Civil Society)*” dan juga pemerhatian dengan izin “ *International Coordinating Committee of National Institutions For The Promotion and Protection of Human Rights, ICC.*” Berdasarkan Akta A1353 yang telah diluluskan pada sesi Parlimen yang lepas. Dengan pindaan ini diharapkan ICC akan berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil. Kerajaan Malaysia berharap SUHAKAM akan terus berada dalam status A. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

■1750

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin ingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rang undang-undang ini adalah rang undang-undang pindaan dan mengikut perkara 36(1), hanya perkara-perkara yang dipinda sahaja yang perlu dibahas dan akta induk itu tidak perlu disentuh dalam perbahasan. Maksudnya hanya perkara 11 yang dicadangkan dipinda itu sahaja yang akan dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Lipis.

5.50 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini.

Walaupun ia melibatkan sedikit pindaan pada seksyen 11A atau berkenaan di mana perkataan, “tiga orang terkemuka” itu akan diganti dengan “tiga anggota daripada masyarakat madani” iaitu mereka yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia. Ia masih tetap menjadi kepentingan yang tersendiri. Sejarah memperlihatkan pembentukan satu masyarakat Malaysia yang memiliki daya ketahanan kebangsaan dalam pelbagai segi kemajuan adalah pra syarat penting dan perlu dalam pengisian inti pati jati diri bangsa Malaysia.

Sekiranya aspek ketahanan kebangsaan ini tidak diberi penekanan sewajarnya, maka masyarakat dengan benteng ketahanan kebangsaan yang lemah, kurang berupaya untuk mempertahankan pencapaian yang sedang dinikmati dan akhirnya boleh menjadi punca kepada kehancuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang jelas penglibatan daripada setiap anggota masyarakat itu sendiri adalah pra syarat penting, dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang agung. Penglibatan ini harus diterima sebagai tanggungjawab sosial oleh setiap warga kepada

negaranya. Tanpa penglibatan jitu atau *true commitment*, dengan izin, daripada keseluruhan anggota masyarakatnya, yang mampu diwujudkan hanya sebuah negara dan bukannya sebuah negara bangsa. Dalam hal ini seruan agar peranan masyarakat madani dalam proses pembinaan negara bangsa ditonjolkan adalah wajar dan perlu dialu-alukan.

Peningkatan peranan masyarakat madani itu sendiri adalah satu pra syarat dan input perlu dalam usaha untuk membawa negara ke arah merealisasikan status negara maju sebelum tahun 2020. Tanpa penglibatan aktif daripada masyarakat madani, agenda pembinaan negara bangsa mungkin tidak dapat direalisasikan dengan sepenuhnya. Secara umumnya, masyarakat madani adalah teras apabila wujudnya masyarakat bertindak atau dengan izin *people or citizen action* untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam masyarakat dan negara.

Atas landasan itu, mengapa perlu ada pindaan seksyen 11A adalah sebagai usaha yang bukan sahaja didukung oleh golongan terdidik dan intelek dalam negara, tetapi masyarakat madani dipercayai bukan sahaja berkemampuan dalam memberi pandangan berwibawa dan bertindak sebagai mekanisme *check and balance*, dengan izin, dalam melahirkan satu sistem pentadbiran negara yang mantap. Malah boleh berperanan sebagai peneraju utama dalam proses pembangunan dan pembinaan negara bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu SUHAKAM perlukan anggota-anggota di kalangan masyarakat madani sebagai satu sumbangan secara signifikan, ke arah melahirkan sebuah negara bangsa yang berkeupayaan dalam menghadapi pelbagai cabaran globalisasi...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Sila.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Saya ucapkan tahniah kepada Barisan Nasional, sekarang mereka sedar dan perlukan masyarakat madani. Sebenarnya undang-undang ini dipinda tidak lama sebelum sesi ini dan kita cuba bahas akta ini dan waktu itu pihak pembangkang sudah mengingatkan bahawa kita perlukan pindaan yang lebih ketara, untuk mencerminkan penglibatan dari masyarakat madani atau *civil society*. Akan tetapi kerajaan tolak dan kita tolak undang-undang ini dan sekarang terpaksa kembali ke sini. Adakah ini kerana kita dengar kepada tekanan masyarakat antarabangsa lebih daripada suara dari pihak Pakatan Rakyat?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Yang itu kena tanya Yang Berhormat Menteri tetapi walau bagaimanapun, bagi saya proses masyarakat madani ini telah berlaku sejak tahun 1957 lagi, sampai sekarang. Konsep itu atau gagasan itu telah dibawa, hanya prosesnya berubah-ubah mengikut peredaran masa. Jadi apabila ada keperluan, kita akan masukkan perkara ini, yang lebihnya Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Jadi bagaimanapun saya ingin mengingatkan bahawa, penyertaan anggota daripada masyarakat madani dalam proses pelantikan suruhanjaya SUHAKAM ini perlu memikirkan secara rasional terhadap proses dan objektif SUHAKAM itu sendiri. Jangan pula dalam hal-hal yang membabitkan kebebasan bersuara, atas nama hak asasi kemanusiaan, mereka ini pula yang bertindak sebagai jaguh seolah-olah ingin menjatuhkan kerajaan dan ingin menyalahkan kerajaan semata-mata. Harus diingatkan bahawa anggota di kalangan masyarakat madani perlu juga sedar atas dasar apa mereka dilantik.

Kita tidak mahu kemampuan pemikiran dan intelek mereka disia-siakan hanya untuk mengkritik kerajaan atas platform SUHAKAM. Anggota yang dilantik dalam SUHAKAM perlu berlaku adil dan telus di samping berkebolehan menilai perkara yang perlu diutamakan secara diplomasi. Di samping itu, imej SUHAKAM juga perlu dilihat dalam suasana yang seimbang dan berlaku adil kerana itu setiap anggota Suruhanjaya SUHAKAM perlu bertindak secara neutral dan saksama. Jangan hanya tahu melepaskan komen-komen yang tidak menentu, sehingga menjejaskan nama negara sendiri dan menimbulkan ketidakpuasan pula di peringkat antarabangsa.

Lihat sahaja apa yang berlaku di negara Republik Iran. Apakah pandangan yang harus diberi oleh SUHAKAM sekiranya ia berlaku di negara kita? Memang nampak ada suara-suara ketidakpuasan dan hak kebebasan bersuara dan berhimpun digunakan sebaik mungkin. Akan tetapi adakah SUHAKAM akan bersuara dan mengkritik setiap kepimpinan yang dilihat gagal memberi jaminan kestabilan politik dan keselamatan, walhal Presiden Iran menang dengan cara atau prosedur yang betul. Itu di Iran ya, Tuan Yang di-Pertua.

Ini lah yang saya maksudkan bahawa setiap pihak perlu berhati-hati mengeluarkan komen dan peranan yang dipertanggungjawabkan, kerana ia perlu dilihat dalam pelbagai sudut. Oleh sebab itu saya dari awal tadi menekankan bahawa anggota SUHAKAM perlu bijak melihat apa yang berlaku di sekeliling mereka, sebelum bertindak secara wajar dan rasional. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.
5.58 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya turut serta berbahas tentang Rang Undang-undang Pindaan SUHAKAM ini. Walaupun tadi Tuan Yang di-Pertua memperingatkan saya dan rakan-rakan semua, bahawa hanya perlu menyentuh kepada aspek pindaan semata-mata tapi saya gembira kerana Yang Berhormat Lipis telah berbahas. Perbahasan beliau tentang perkara yang tertera dalam pindaan seksyen 11A ini, yang menyentuh tentang perkara 2(c), iaitu tiga orang anggota lain daripada masyarakat madani yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia, hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri.

Saya rasa perkataan masyarakat madani itu boleh mengundang satu perbahasan yang panjang dan menarik dan saya rasa ini penting bagi kita melihat bahawa pindaan kepada akta ini, benar-benar dapat memberikan manfaat kepada rakyat dalam negara kita. Walaupun disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri yang membentangkan pindaan ini, ianya mungkin sekadar untuk memuaskan hati pihak ICC yang tidak berpuas hati, tentang pindaan yang dibuat secara tergesa-gesa pada sesi Mac yang lalu, iaitu sehari sebelum berlangsungnya satu Konvensyen Hak Asasi Manusia di Geneva.

■1800

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tentang isu masyarakat madani tadi dan saya melanjutkan perbahasan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lipis. Saya rasa definisi tentang masyarakat madani ini salah satu rujukan yang boleh kita ambil tentang apa yang pernah di nukil atau pun diperkatakan oleh Ibnu Khaldun dalam buku agungnya *al-Muqaddimah* atau pun *The Muqaddimah* yang ditulis oleh beliau yang digelar sebagai Bapa Sosiologi yang telah mengasaskan beberapa ilmu yang bersangkutan dengan disiplin sosiologi.

Apabila kita membaca dengan teliti tentang beberapa yang diungkapkan oleh Ibnu Khaldun ini adalah tentang bagaimana perlunya sesuatu bangsa itu memiliki tamadun dan keagungan tamadun itu sudah tentu dinilai dengan ciri-ciri yang mengangkat tamadun itu sebagai suatu bangsa yang mencerminkan bangsa itu yang pernah menakluki atau memerintah dunia ini dalam mereka mengaplikasikan nilai-nilai yang baik, nilai-nilai sejagat yang mengangkat tamadun itu sendiri.

Jelas apabila kita melihat tentang perbahasan masyarakat madani ini yang kita kaitkan dengan pembangunan tamadun itu, kita juga mesti melihat di samping keagungan yang memuncak tetapi apakah juga ciri-ciri yang penting dalam menjahanamkan tamadun itu sendiri. Ini boleh juga kita rujuk dalam buku *The Fall of The Roman Empire* sebagai contoh apabila sesuatu tamadun itu mula mengamalkan perangai, tabiat atau kelakuan-kelakuan yang meruntuhkan tamadun itu sendiri yang sudah pasti ia bertentangan dengan nilai sejagat manusia di mana hak-hak manusia, pelanggaran hak asasi manusia, pelanggaran hukum hakam dan juga apa yang disebut sebagai ciri-ciri yang juga disebut oleh Ibnu Khaldun tentang Teori Putaran atau pun *Cyclical Theory* di mana akan ada satu saat tamadun itu walau bagaimana agung sekali pun bila ia mengamalkan ciri-ciri jahilliah atau pun ciri-ciri yang bertentangan dengan manusia itu sendiri maka akan sampai masanya tamadun itu akan runtuh.

Dalam konteks Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, bila kita membahaskan tentang masyarakat madani ini, saya suka untuk merujuk tentang yang pertama sekali tentang *accountability* iaitu sikap pertanggungjawaban sesebuah kerajaan dalam menentukan atau pun memastikan perjalanan pentadbiran dan urus tadbir negara ini bertambah baik bukannya...

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Dari masa ke masa mengundur ke belakang dan mengakibatkan kepada suatu pencelaan dengan izin, kalau saya boleh gunakan perkataan itu oleh rakyatnya sendiri bila perkara ini dibiarkan dengan begitu sahaja. Sila.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih. Saya hendak balik sedikit kepada masyarakat madani. Saya teringat, mungkin boleh disahkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini. Memperkenalkan masyarakat madani ini bukan baru. Ia sudah boleh. Bekas Timbalan Perdana Menteri dulu iaitu Ketua Pembangkang sekarang ini. Ini telah menjadi konsep dulu membina masyarakat madani. Adakah pemilihan perkataan masyarakat madani dalam hak asasi manusia ini kembali kepada apa yang ditegaskan oleh Ketua Pembangkang yang waktu itu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak setuju?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih rakan saya daripada Pengkalan Chepa. Saya rasa Yang Berhormat Lipis dimaklumkan memiliki PhD. Saya tidak tahu apa disiplinnya. Mungkin Yang Berhormat menyebut tadi dengan begitu fasih tentang masyarakat madani ini mungkin salah satu rujukan ialah bila beliau banyak membaca kertas kerja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dahulu, yang sekarang menjadi Ketua Pembangkang tentang syarahan yang kita banyak dengar dulu tentang masyarakat madani. Khususnya syarahan-syarahan beliau di peringkat antarabangsa yang mengundang dan mendapat sanjungan pada waktu itu.

Jadi mungkin saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan juga Yang Berhormat Lipis juga tekun dalam menelaah ucapan Ketua Pembangkang pada waktu itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada asas isu yang kita hendak kita sebut hari ini dan Yang Berhormat Menteri yang bakal menjawab dan yang membentangkan tadi pun saya tengok banyak perubahan sudah. Semakin "jambu" dan kemudian dulu sesi lepas dulu saya ingat lagi beliau begitu agresif. Akan tetapi sekarang sudah banyak berubah. Mungkin atas isu untuk menjadi masyarakat madani jugalah beliau...

Seorang Ahli: Itu pasal lah itu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Banyak mengkorupsi diri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, "jambu" itu bukan untuk wanita sahaja kah?... *[Ketawa]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lelaki kacak Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi dia ini "jambu"

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Akan tetapi dia ini "jambu"...

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lain,

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia ini "jambu". Kacak lain. Jauh... *[Ketawa]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut, saya merujuk kepada laporan SUHAKAM ini sendiri yang telah mengesyorkan tentang banyak perkara. Saya rasa dalam laporan tahunannya kalau kita teliti dan kalau kita baca dengan cermat. Terdapat beberapa syor yang berulang-ulang sifatnya. Khususnya daripada satu pesuruhjaya kepada satu pesuruhjaya yang lain yang saya rasa telah memberikan sedikit sebanyak dapat mewarnai apa yang dikatakan perjuangan hak asasi negara kita ini. Kita telah merujuk tentang beberapa perkara yang banyak kali diungkap, disebut dan juga dalam setiap kali laporan tahunannya dinyatakan tanpa rasa jemu.

Terutama sekali tentang urus tadbir negara yang mengaitkan tentang pentadbiran keadilan yang saya rasa ini tidak lari daripada apa yang kita bahas tentang masyarakat madani, yang mana di antara keagungan sesuatu tamadun itu bila ia dapat melahirkan manusia itu dalam bentuk manusiawinya, yang tinggi nilai akhlaknya. Dalam konteks bahasa politik hari ini bila bicara tentang negara ialah tentang *good governance*. Di sana terletaknya pemimpin-pemimpin yang dihormati bukan pemimpin yang mencari dirinya untuk dihormati atau pun memaksa rakyatnya menghormati, tidak. Dalam satu istilah lain dengan izin, saya menyatakan bahawa *respect is earn, not to be demanded*. Di mana kita melihat keagungan-keagungan tokoh-tokoh tamadun dunia ini kalau kita melihat, mereka semuanya dihormati. Bukan memaksa rakyat dia itu dihormati. Maka dengan sebab itulah unsur-unsur yang baik sebagai contoh dalam *good governance* ini mesti lah diperlihatkan.

Yang pertama tentang bila disebut tentang urus tadbir negara yang mesti dilihat keadilannya yang pertama; dalam setiap kali laporan tahunan SUHAKAM ini menyebut tentang penahanan tanpa bicara, tentang ISA. Jadi saya rasa sebagai sebuah negara yang telah ada Perdana Menteri yang keenam yang kita telah melangkah 50 tahun kemerdekaan. Tidak kan tidak ada suatu suasana dalam Kabinet yang ada di kalangan komponennya Menteri-menteri yang saya rasa telah sampai masanya memang ISA ini mesti dihapuskan. Kita tidak lagi memerlukan akta yang zalim ini.

Tidak adakah golongan cerdik pandai di kalangan ahli undang-undang-undang di dalam negara kita ini yang boleh membuat satu undang-undang yang lebih adil daripada ISA ini kita *replace* satu undang-undang yang lebih adil dalam konteks masyarakat madani ini di Malaysia untuk kita menggantikan ISA ini. Takkan tidak ada, takkan tidak boleh?

■ 1810

Kita rasa Menteri yang jaga Parlimen ini pun, yang Menteri yang menjaga undang-undang ini pun yang saya sebut tadi yang jambu ini pun ahli undang-undang, *restate the law*. Ya sudah tentu saya merasakan ialah sejauh mana yang saya faham bila membaca tentang tingkah laku ahli-ahli perundangan ini, hakim-hakim, peguam-peguam semakin tua semakin dewasa. Semakin tua semakin putih rambut nya semakin matang...

Seorang Ahli: Semakin menjadi-jadi.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Janganlah, semakin apa?... [Ketawa] Semakin menjadi-jadi. Jadi saya rasa itu sifatnya, jadi takkanlah tidak ada dengan pengesyoran sendiri daripada SUHAKAM ini, maka negara tidak boleh untuk memikirkan sesuatu undang-undang.

Bukan kita bercakap, ini maknanya kita mengabaikan, kita meremehkan persoalan keselamatan dalaman. Bukan kita meremehkan atau kita tidak memandang ringan, kita memandang ringan tentang aspek keselamatan rakyat dalam negara kita. Tapi kita minta dengan pengesyoran SUHAKAM ini supaya ada suatu undang-undang yang digubal dalam Dewan yang mulia ini, untuk menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang jelas pada hari ini telah menimbulkan suatu fenomena ataupun suasana yang tidak baik, bagi apa yang dikatakan perjuangan hak asasi manusia dalam negara kita, jadi saya rasa tak ada masalah tentang itu untuk kita mahu melihat pada masa depan SUHAKAM itu sendiri yang diharap dapat memberikan satu pembelaan yang lebih efisien sifatnya kepada perjuangan hak asasi manusia dalam negara kita.

Begitu juga dengan penguatkuasaan undang-undang, bukan sekali lagi saya bangun di sini bukan dengan niat untuk kita memperlekeh sesuatu institusi yang telah banyak berjasa kepada negara. Pada hari ini, yang menjadi satu dengan izin, *public acrid*, kritikan orang ramai terhadap berapa anggota polis yang dilihat tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab kepada negara dan rakyat.

Akan tetapi apa yang disebut oleh dalam pengesyoran SUHAKAM ini tentang beberapa tindakan-tindakan pihak keselamatan, pihak polis dilihat tidak membantu untuk mengangkat, mengangkat negara kita ini dalam aspek polis yang adil dan cekap. Di sini kita melihat Tuan Yang di-Pertua, tentang pengesyoran tentang perkara ini juga diutarakan oleh SUHAKAM. Ini saya memang ambil seratus peratus daripada laporan SUHAKAM tahun 2008, apabila mereka membuat pengesyoran ini kepada pihak kerajaan, tentang permit sebagai contoh, tentang majlis-majlis yang dianjurkan khususnya oleh kami di sini, kadang-kadang tidak munasabah permit itu tidak diberi, menggunakan pelanggaran Akta Polis itu jelas kita melihat, ini semua adalah merupakan perkara-perkara yang kita melihat tidak membantu apa yang saya sebut tadi tentang masyarakat madani itu.

Ketiga kita melihat kebebasan bersuara dan juga maklumat, yang juga satu pengesyoran daripada pihak SUHAKAM sendiri, bagaimana dalam konteks ini kita melihat ada lagi tentang akhbar-akhbar permintaan daripada sama ada dari pihak individu, NGO ataupun parti-parti politik yang mahu menerbitkan akhbar harian mereka. Kenapa tak boleh? kenapa kebebasan media ini masih lagi di peringkat yang minimum dalam negara kita?

Dengan kita melihat hari ini, paling tidak pun ada tujuh atau lapan stesen televisyen yang sememangnya tidak pernah berpihak kepada kami di sini, tapi yang kami minta adalah *license* untuk kami menerbitkan stesen televisyen, *license* untuk kami menerbitkan akhbar-akhbar harian,

adakah tidak boleh. Jadi saya rasa bila kita menyebut tentang kita memasukkan tentang perkataan masyarakat madani di sini, saya merasakan ia penting, sangat penting untuk kita memikirkan bersama pada hari ini, adakah tuntutan-tuntutan yang kami minta kepada pihak kerajaan ini tidak demokratik sifatnya.

Apa yang kita minta ialah benda suatu perkara yang termaktub dalam Perlembagaan, yang menjadi hak kita, walaupun sahabat saya dari Yang Berhormat Lipis tadi mengatakan kita kena ambil pengajaran daripada Iran, kenapa berlakunya suatu semacam, suatu *havoc* ataupun suatu suasana demokrasi yang besar-besaran di Iran, sebab itu saya rasa kita kena mendapatkan suatu *first hand information*, dengan izin, kenapa itu berlaku di Iran. Bila kami mendapatkan penjelasan sendiri daripada pihak Kedutaan Iran barulah kita dapat faham, yang berlaku di Iran itu ialah suatu campur tangan gabungan dua agensi terbesar dunia iaitu CIA dan MIA15 di dalam mereka mencaturkan politik dalaman di Iran yang mereka tidak mahu sekali-kali Ahmadinejad itu menjadi Presiden Iran.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang terhormat setuju tak bahawa apa yang berlaku di Iran itu sangat berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia, khususnya di Negeri Perak.

Apa yang berlaku di Negeri Perak ini, dia merupakan satu rampasan atau perompakan kuasa, tidak menghormati hak asasi manusia dalam membuat keputusan di dalam pilihan raya. Ini bukan datang daripada Amerika, bukan datang dari Amerika ataupun bukan datang daripada campur tangan dunia luar tetapi datang daripada sebuah parti yang menguasai kerajaan di peringkat Persekutuan yang tak boleh terima keputusan yang dibuat oleh rakyat.

Oleh sebab itu bagi saya, saya melihat walaupun pindaan ini dibuat, dia tidak membantu kepada untuk meletakkan Malaysia ini pada rating yang munasabah dari sudut hak asasi manusia apabila isu-isu yang seperti mana Yang Berhormat sebut tadi dan juga seperti isu yang berlaku di Negeri Perak itu tidak dapat diperbetulkan dan tidak dilihat ada satu keyakinan bahawa peristiwa seperti itu tidak boleh berlaku lagi pada masa yang akan datang. Maka sudah tentu bahawa imej kita pada mata dunia tentang hak asasi ini tidak dapat diperbetulkan.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Pokok sena, jadi apa yang berlaku di Perak itu, Tuan Yang di-Pertua ialah satu perkara yang telah menjadi satu titik hitam dalam sejarah negara kita dan ia telah mengundang kepada satu persoalan bukan sekadar pada peringkat nasional tetapi juga di peringkat *international*. Bagaimana berlakunya pelanggaran, berlakunya apa tu yang dikatakan *abused of power*, yang dikatakan bagaimana pihak keselamatan digunakan untuk menghalalkan segala tindakan mereka.

Jadi, saya rasa, perkara-perkara yang seperti ini, telah pun menjadi suatu yang tercatat dalam sejarah kita. Kita mengharap satu hari esok, ia tidak berulang lagi dan apa pun yang kita katakan dalam Dewan yang mulia ini adalah, biarlah apa yang dibuat itu melambangkan kita

memang mendukung semangat demokrasi itu. Saya sudah sebut tadi, apa pun yang kami minta hari ini, apa pun yang kami tuntutan daripada pihak kerajaan yang ada pada hari ini adalah, apa yang terkandung, yang termaktub dalam Perlembagaan, dan tidak pernah terkeluar daripada perkara itu.

Apa yang disebut oleh rakan saya, Yang Berhormat Pokok Sena tadi itu, memberikan satu pengajaran di masa akan datang, sebab kita tidak boleh meremehkan perkara ini, sebab kalau ia berlaku dan kita perlu belajar kepada apa yang berlaku dalam negara luar. Sesuatu itu tidak mungkin berlaku dengan sendirinya, tanpa ada perkara-perkara yang mencetuskan. Kalau kita percaya kepada apa yang dikata, dengan izin, *the law of cause and effect* ini.

Ada sebab musababnya sesuatu tragedi, sesuatu revolusi, sesuatu malapetaka, rusuhan rakyat berlaku, proses bagaimana kita melihat Che Guevara dalam hero dunia Amerika Tengah, saya rasa ini semua ada sebab musabab kenapa ini berlaku dalam masyarakat dunia. Jadi oleh itu kita mengharapkan perkara-perkara ini tidak akan berlaku dalam negara kita.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin bertanya juga, pandangan Yang Berhormat Kuala Lipis tadi yang sedang dihujah dan dihujah balas oleh Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai apa yang berlaku di Iran. Saya rasa seperti beliau juga, kita menganggap pilihan raya yang berlaku di Iran telah berjalan dengan baik. Walaupun ada negara-negara Eropah dan Amerika yang mempersoalkannya tetapi saya rasa rata-rata kita di Malaysia menganggap pilihan raya telah berjalan dengan baik.

■ 1820

Ahmadnejad telah menang besar tetapi ada orang yang tidak berpuas hati. Apa yang kita hendak ialah perasaan tidak puas hati itu tidak boleh ditekan. Ertinya kalau rakyat ada sesuatu yang dirasakan tidak betul yang mereka boleh tunjukkan contoh buktinya lalu mereka keluar ke jalan raya untuk membantah, saya rasa ini adalah suatu reaksi yang agak neutral daripada mana-mana pihak.

Apa yang dipersoalkan di sini ialah apabila berlaku penekanan *suppression* dengan izin, terhadap kebangkitan itu sehingga berlaku pembantaian yang teruk, pembunuhan dan kematian, inilah yang dikatakan pencabulan terhadap hak asasi. Hak yang ada kepada rakyat ialah menunjukkan suara mereka, tunjuk rasa *demonstration*.

Akan tetapi yang kita tentang ialah pembantaian dan pembanterasan itu sehingga menyebabkan kematian. Ini kita tidak boleh *tolerate*. Begitu juga berlaku di Malaysia, kita buat demonstrasi atas isu-isu yang dekat dengan rakyat dan bagi kita yang melakukan demonstrasi kita rasa benar tetapi pembantaian, penangkapan dan penggunaan kekerasan yang berlebihan seperti yang disebut dalam beberapa siri *inquiry* oleh SUHAKAM. Ini yang kita hendak tentang. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Boleh tambah sedikit?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Saya jawab dahulu. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kuala Krai. Memang itu kita tidak boleh *tolerate*. Penggunaan pembantaian, penggunaan kekerasan oleh mana-mana pihak, ini kita tidak boleh *tolerate*. Atas nama apa pun, atas sebab apa pun ini kita tetap berpegang teguh dengan prinsip ini bahawa tidak boleh.

Sebab itu dalam *inquiry* Tragedi Batu Buruk sebagai contoh, ini SUHAKAM jelas menunjukkan berlakunya satu bentuk yang SUHAKAM menyasat penggunaan peluru hidup dalam suatu demonstrasi aman, ini tidak boleh. Baik di dalam negara kita atau luar negara, ini tidak boleh dan kita tidak mahu ini berlaku dalam negara kita. Jadi saya menyambung.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya minta penjelasan sedikit. Tadi pada awal ucapan sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian ada mengatakan apabila berlaku kekacauan di Iran, pihak Yang Berhormat Kubang Kerian telah bertanya kepada Kedutaan Iran dan daripada apa yang saya faham yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi ialah seolah-olah ada satu campur tangan daripada Amerika seperti perisikan Agensi CIA dan sebagainya yang telah membuat kekacauan di Iran sehingga menyebabkan rakyat itu berdemonstrasi di jalanan membantah kerajaan yang ada di Iran.

Akan tetapi selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai mengatakan bahawa demonstrasi itu tidak patut dibantah...

Seorang Ahli: Bantai.

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: ...Dan tidak patut dikekang. Jadi saya tidak tahu yang mana satu pandangan yang betul ini tetapi itu tidak mengapa. Soalan kedua, kalau betul pengaruh CIA dan juga agensi-agensi perisikan Barat ini boleh berlaku di Iran, setuju atau tidak kalau saya katakan di Malaysia ini juga boleh berlaku apabila agensi-agensi CIA dan sebagainya ini boleh menyeludup masuk ke dalam gerakan-gerakan tertentu yang membuatkan rakyat di negara Malaysia ini memberontak. Ini pun juga satu *possibility*. Cuba komen.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi bukannya membantah tetapi pembantaian, dibantai, diperlakukan dengan kasar, itu kita tidak boleh bersetuju. Itu kita tidak boleh *tolerate*. Di Iran atau di Malaysia dan di mana-mana sahaja, itu kita tidak boleh *tolerate*, itu jelas.

Tentang apa yang disebutkan tadi kalau ianya CIA, G15 boleh campur tangan dalam usaha-usaha mereka di negara-negara membangun, adakah ia tidak boleh berlaku dalam negara kita? Saya rasa dalam konteks kita mengadakan demonstrasi di dalam negara kita ini, kita yang paling besar kita pernah bantah tentang ISA, tentang PPSMI. Itu saya rasa tidak, macam mana pula kita hendak kaitkan dengan CIA, berlakunya pemberontakan.

Saya rasa dalam sejarah kami PAS dan Pakatan Rakyat, kita mengadakan demonstrasi tidak ada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, tidak ada kecuali kita dibantai, itu ada. Kita dibantai, kita kena gas, kita kena bermalam di lokap, itu ada. Yang Berhormat Kota Belud tidak ada pengalaman tentang itu. Walaupun lama dalam Pemuda UMNO tetapi tidak ada pengalaman itu. Selalunya diraikan jadi ...

Dato' Haji Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Cukuplah itu. Saya hendak beralih kepada tajuk yang lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sebut tentang hak dua golongan rentan ini ialah yang pertama tentang orang asli yang disebut di dalam laporan ini ialah tentang perjuangan mereka, tentang hak mereka, tentang taraf sosial kehidupan mereka. Ini memang saya rasa telah sampai masanya bagi pihak kerajaan melihat isu ini dengan lebih fokus lagi.

Keduanya ialah tentang pekerja asing dalam negara kita. Kita secara objektif saya ingin menyebut tentang dua golongan ini yang tadi tentang Orang Asli dan yang kedua tentang pekerja asing ini memang kita tidak boleh juga bertolak ansur, kita tidak boleh *tolerate* kalau suatu kezaliman itu ditimpakan ke atas diri mereka.

Mereka mengumpul wang di sini, mereka mengeluarkan keringat mereka di sini, mereka secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita, kita ambil mereka bekerja tetapi tiba-tiba wang atau hasil yang mereka hendak bawa balik itu dirompak di tengah jalan, hak dan gaji mereka tidak dibayar oleh majikan. Itu kita tidak boleh terima.

Kalau kita hendak menyebut dan kalau kita hendak membicarakan persoalan masyarakat madani. Jadi saya rasa tentang apa yang saya telah hujahkan itu Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kerana memberikan peluang untuk sama-sama saya membincangkan tentang pindaan daripada Akta SUHAKAM ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

6.29 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh SUHAKAM adalah sangat mustahak dan ia adalah satu badan di mana ia perlu mengambil kira semua hak asasi dan perkara-perkara berkaitan dan kalau kita tengok dalam report yang diberikan kepada Parlimen oleh SUHAKAM dan di antara rekomendasi-rekomendasinya adalah yang kita semua ketahui tetapi hingga sekarang ia tidak dapat ruangan di Parlimen dengan formalnya didebatkan di Parlimen.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Paris Principle di mana International Coordinating Committee telah memberi beberapa arahan kepada kerajaan untuk diimplementasikan jika tidak mereka akan di *downgrade* SUHAKAM dan pada 26 Mac, pada hari itu dengan tergesa-gesa

kerajaan membawa rang undang-undang untuk meminda beberapa seksyen supaya ianya akan mengikut kehendak ICC.

Akan tetapi pada masa itu juga, kita telah memberi beberapa pandangan dan akan tetapi kerajaan berniat untuk membawa rang undang-undang dengan tergesa-gesa dan seterusnya keesokan harinya pada 27 Mac, Tan Sri Abu Talib iaitu Ketua Pesuruhjaya SUHAKAM telah berada di Geneva di mana apabila membentangkan bahawa apa yang telah dicapai di Parlimen dan ICC telah menolaknya dan semasa itu Tan Sri Abu Talib telah mengatakan dengan izin, *“They were concerned however with the amendment that provided for the committee to advise Prime Minister on the appointment of Commissioner but also allowed the Prime Minister to ignore the committees opinion.”*

Inilah sebab sekarang membawa rang undang-undang untuk memindanya di bawah subseksyen 6 dan itu adalah kehendak ICC dan ini adalah satu di antara perkara yang diambil kira. Kita hendak tahu apakah SUHAKAM setakat ini telah mencapai dengan beberapa *annual report* dibuat setiap tahun.

■ 1830

Apakah itu semua menjadi satu posmen sahaja, tetapi tidak ada apa-apa, betul-betul efektifnya sebagai satu badan untuk hak asasi di negara ini, dan berkaitan dengan ini baru-baru ini ada beberapa laporan telah dibuat kepada SUHAKAM mengenai pemelukan agama, dan perkara itu telah dibangkitkan beberapa kali dengan SUHAKAM. Saya sendiri telah membawa perkara itu ke Parlimen secara dengan menanya soalan dan juga dalam *adjournment speech* pada 16 hari bulan di mana saya telah membawa perkara-perkara yang ketidakadaan kesamaan undang-undang untuk bukan orang Islam dan kerajaan perlu membawa undang-undang dan seragamkan perkara-perkara tersebut. Pada hari itu Menteri telah mengatakan dalam Parlimen bahawa tiga rang undang-undang telah dikenal pasti dan akan membawa ke Parlimen untuk mengubah supaya ia akan diseragamkan, dan semua pihak yang ada berkaitan masalah dengan pemelukan agama akan mencapai satu penyelesaian.

Tiga rang undang-undang tersebut adalah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, nombor dua Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan). Dan ketiga-tiga undang-undang saya difahamkan dahulu, di mana pandangan telah diberi oleh Raja-Raja Melayu di mana ia telah diarahkan untuk dirujuk ke setiap negeri untuk mendapat pandangannya. Akan tetapi saya hendak tanya kepada kerajaan, semasa menjawab soalan saya, apakah pendirian kerajaan dalam hal ini?

Adakah kerajaan serius untuk menyeragamkan, apakah kehendak yang telah dibuat oleh Kabinet pada tiga bulan dahulu, di mana Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon telah dilantik sebagai ketua untuk membawa beberapa rang undang-undang, dan di antaranya tiga undang-undang yang saya katakan sebelum ini dan juga prinsip-prinsip berkaitan dengan pemelukan

agama dan apakah pendirian komuniti tersebut dan apakah pendirian kerajaan mengenai perkara tersebut, memandangkan baru-baru ini perkara itu akan dirujuk kepada kerajaan negeri-negeri?

Mengenai SUHAKAM, peranan yang dimainkan oleh SUHAKAM adalah sangat mustahak dalam hal ini. Saya minggu lepas telah pergi ke SUHAKAM untuk memberi satu bantahan kepada penangkapan beberapa Ahli Parlimen dan ADUN pada 26 hari bulan di Ipoh, semasa kita menjalankan *hunger strikes*, di mana pihak polis tidak mengira undang-undang yang sedia ada dan telah menangkap dan menahan kita untuk lebih dari lima jam, dan ini semua adalah bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada, dan kita telah memohon kepada SUHAKAM supaya mengadakan satu *inquiry* bebas.

Dalam hal ini saya khuatir bahawa kemungkinan besar SUHAKAM akan membuat satu rekomendasi seperti *annual report* dan ini, *it will be collecting dust*, dengan izin, dan tidak ada peranan yang boleh dimainkan oleh SUHAKAM dengan seriusnya. Semasa perjumpaan itu kita telah beritahu kepada SUHAKAM bahawa mereka perlu ada *teeth*, mereka perlu ada kuasa dan kerajaan patut mengubah undang-undang yang tertentu, yang menyekat peranan hak asasi SUHAKAM dalam mengimplementasikan kehendak-kehendak rakyat dan juga undang-undang yang kena-mengena dengannya.

Tidak perlu ada SUHAKAM sebagai satu *punching bag*, di mana kerajaan mengalih tanggungjawabnya kepada SUHAKAM, walhal kerajaanlah yang patut disalahkan dan *commissioners* hari ini kita ada rang undang-undang yang dibawa untuk meminda dan menggunakan perkataan-perkataan yang sangat tinggi dan profesional, masyarakat madani dan sebagainya. Akan tetapi yang betul adalah yang ini Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia satu negara di mana tidak sampai 27 juta orang. Berapa *commissioner* yang kita ada? Berapa anggota yang kita ada? Tidak kisah ada madanikah tiada madani berapa orang? Ada 18 orang Tuan Yang di-Pertua. 18 orang *commissioners*. Di India satu negara yang ada populasi 1.2 bilion orang. Berapa *commissioner* Tuan Yang di-Pertua? Hanya lima orang sahaja. Lima orang sahaja dan dia ada lebih kurang 50,000 orang pekerja untuk SUHAKAM.

Human Rights Body di India hanya lima *commissioners*. Semua *full time commissioners*. Akan tetapi kita ada 18 *commissioners*. Madani atau tidak madani saya tidak tahu, tetapi ramai di antara *commissioners* cukup tidak boleh pakai. Antaranya adalah Mohd Shafie peguam yang terkenal, di mana saya dalam undang-undang saya tidak pernah tahu dia ada terlibat dalam *human rights issue* termasuk dengan beberapa *commissioners*. Tidak ada apa-apa peranan yang mereka telah mainkan dalam kehidupan mereka untuk meningkatkan atau berperanan hak asasi dalam negara ini. Tiba-tiba ketua-ketua korporat, ketua-ketua jabatan, tidak lama lagi mungkin Ketua Polis Negara juga akan dilantik sebagai *commissioner*. Apa ini! Tak masuk akal langsung Tuan Yang di-Pertua. Ini lah walaupun *International Coordinating Committee*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Dan sebagainya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi dibuat perbandingan di antara jumlah *commissioner* di Malaysia dan juga di India. Saya mengambil satu pendapat bahawa di India ini bukanlah satu contoh yang begitu baik. Di India kita tahu hak asasi manusia walaupun 50,000 yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi melibatkan diri dalam gerakan hak asasi manusia ini, tetapi India *is not the right country*. Kita tahu di sana wanita mengikut kasta dan juga hak asasi orang-orang yang berada dalam Islam, *Ghetto* dan sebagainya tidak diberi perhatian. Jadi kalau boleh janganlah ambil India ini sebagai salah satu negara yang boleh dijadikan contoh, mungkin carilah negara-negara yang lain. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kota Belud, *let the fact right*. Di Malaysia tidak Islamkah? Orang Asli yang tidak ada *connection electricity* dan air, *clean water they cannot get* di dalam negara ini. Di Sabah dan Sarawak kemiskinannya teruk. Apa ini? *Do you know what is the rational?...* [Ketawa] Ada pernah pergi ke Indiakah? *Do you have been there to see the reality?*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, I...*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya kata mengenai prinsipnya, kalau kita banding kepada Australia dan New Zealand. Keadaan yang sama, tetapi saya kata dengan populasinya ini 1.2 bilion mereka ada hanya ada lima *commissioner* sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya cadangkan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kenapa di negara ini, bukan di negara-negara lain juga serupa di Australia dan New Zealand.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya cadangkan kepada India, *next time you go to India* cadangkan tambah lagi *commissioner* di India itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan. Saya rasa tidak perlu. Tidak perlu bodoh macam negara ini. Tidak perlu bodoh macam Kerajaan Malaysia. Tidak perlu! Tidak perlu! Tidak perlu! *We did not be silly...* [Dewan riuh] Jangan membazirkan wang. Kita ada 18 *commissioners* berapa ratus...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang bodoh, yang bodoh, Yang Berhormat!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berapa ratus ribu ringgit digunakan, dan kebanyakan *commissioners* Tuan Yang di-Pertua adalah *part time commisioner*. Dia tidak datang ke *office* langsung.

So much money wasted. Kalau kita tengok 18 *commissioners* ini, siapa yang betul-betul ada *human rights* sebelum itu yang terlibat?

Seorang Ahli: Latar belakang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Latar belakang mereka. Sebenarnya diragui *other site, the suspicion on their character*. Akan tetapi oleh kerana mereka ada *connection* berkaitan dengan kerajaan maka mereka dilantik. Saya bukan kata mereka tidak layak dari segi profesional mereka, mereka layak dari segi profesional mereka, tetapi dari segi hak asasi ini adalah yang dipertikaikan. Bukan saya sahaja, ICC pun kata. Jadi saya bandingkan dengan negara lain. Saya rasa boleh bandingkan dengan Eskimo, dengan Cambodia, dengan Rwanda, dengan Brazil kalau mahu. Saya hendak bandingkan satu negara di mana mempunyai 26 juta penduduk macam penduduk di Bombaylah.

■1840

Akan tetapi seluruh negara di India, 1.2 bilion hanya ada lima *commissioner*. *Where got rational and common sense* untuk kita ada 18 *commissioner* dan fungsi-fungsi dan peranan yang mereka main, latar belakang *commissioner*. Itu yang saya pertikaikan. Saya pohonlah agar kerajaan akan memikirkan. Jangan macam dikatakan dalam bahasa Inggeris, kita ada semua tiga *commissioner* baru di antaranya adalah ada hak-hak yang dikenakan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *it is not the form but the substance*. Itu adalah mustahak. Tidak perlu kita mengikut statistik melantik dan apakah peranan dan apakah yang dimainkan setiap kali?

Saya tidak tahu berapa orang Ahli Parlimen di antara Barisan Nasional ada pernah pergi SUHAKAM atau tahu kah di mana SUHAKAM, tahu kah dia punya simbol, tahu kah siapa *commissioner* tersebut. Kita di pembangkang kerap kali terpaksa pergi kerana hak-hak asasi kami selalu dilucutkan, di *stamped*. Kita ada pergi ke sana. Kerap kali bila kita pergi sana hanya ada dua *commissioner*, dua setengah *commissioner*, tiga *commissioner*, tiga setengah *commissioner*. Yang lain semua lenyap tetapi cukup bulan dibayar. RM7 ribu? Mungkin lebih, ada *driver* dan sebagainya. Kita *driver* sendiri...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kereta percuma.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ha! Kereta percuma dan sebagainya. Kita tidak mempertikaikan *all this benefit* sebenarnya *full time commissioner* patut dibayar dengan lumayan tetapi ada *commissioners* di sana saya khawatir tiga antara orang yang akan dilantik pun serupa juga. Suhairi, dia adalah ahli korporat. Dia adalah ahli kasino, ketua pengarah. Dia akan dilantik sebagai *commissioner* di hak asasi, SUHAKAM. Itu yang saya khawatiri. Ini terjadi, ternyata. Dalam sepuluh tahun ini di mana SUHAKAM wujud, tidak ada apa-apa yang *the imagination of the public* di mana kita boleh kata bahawa Suhakam telah memainkan peranan untuk kehendak rakyat. Hingga sekarang, dia hanya membuat rekomendasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26 Mac kalau tengok dalam Hansard, beberapa kali saya telah bangun untuk membahas, akan tetapi hari itu kerajaan ingin membawa rang undang-undang dengan tergesa-gesa dan satu di antara perkara yang saya sangat ragui hari itu dan hingga sekarang adalah pengerusi dalam pelantikan semua ini adalah Ketua Setiausaha Negara. Ini saya perlu bantah dengan sepenuh-penuhnya kerana nombor satu, dia adalah *hand man of*

the government, the element of buyers dalam pelantikan dan semua ini kalau di antara mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tahu kenapa semua ini bukan sahaja dibuat atas kehendak ICC, juga kerana ada desakan-desakan di mana Perdana Menteri kerap kali ada beberapa orang jumpa beliau untuk mendapat pelantikan sebagai *commissioner*.

Ini adalah satu cara untuk mengelakkan tetapi perkara yang mustahak adalah KSU. Kalau kita banding dengan negara-negara lain, Australia, New Zealand dan sebagainya kerap kali semua orang-orang dalam menjadi *commissioner* adalah hakim atau bekas ketua hakim, bekas Ketua Hakim Negara, bekas *President Court of Appeal* dan sebagainya. Mana bekas hakim negara kita? Semua sudah bankrap. Tidak boleh dipercayai kah? kenapa mereka tidak dilantik? Mereka lebih arif dalam hal hak-hak asasi dan inilah saya hendak tanya dan walaupun ini adalah rang undang-undang nampaknya satu rang undang-undang yang sangat kecil tetapi untuk kerajaan, status mereka tergugat di mana jika mereka *didowngrade*, ini menjadi satu *big blow* kepada kerajaan.

Kita pun tak mahu dan walaupun kita dalam pembangkang, kita tak setuju bahawa ia *didowngrade*. Akan tetapi sebelum proses ini, kenapa kerajaan tidak mengikuti semua ini? Prinsip-prinsip Paris dan beberapa rang undang-undang yang sedia ada dalam *Federal Constitution* yang bertentangan dengan *Paris Principles* dan ini perlu diubah juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang yang dicadangkan, walaupun nampaknya satu rang undang-undang ada hasrat oleh kerajaan untuk membawa satu nafas yang baru dalam SUHAKAM, *human rights* ini tetapi ia tidak akan membawa apa-apa perubahan jika konsep dan prinsip sedia ada dalam kerajaan tidak ditukar. Tidak ada penukaran dalam Menteri, tidak ada penukaran dalam Timbalan Menteri atau Ahli Parlimen. Saya kata sedemikian kerana dengan apa yang setakat ini, peranan yang dimainkan oleh SUHAKAM.

Satu di antara kecacatannya dan di mana kepintaran pihak polis dalam negara ini adalah bila kita membawa satu kes untuk penyiasatan, *open enquiry*, bila polis mengetahuinya, mereka membawa tuduhan, mengelak dan SUHAKAM tidak dibenarkan untuk menyiasat kes-kes tersebut kerana daripada segi undang-undang yang sedia ada telah ternyata mengatakan bahawa SUHAKAM tidak ada kuasa untuk menyiasat apa-apa kes jika ada sesiapa tersebut kes-kes mereka telah dibawa ke mahkamah.

Ini adalah kecacatan. Kalau kita tengok di luar negara, negara-negara lain. Kebanyakannya tidak ada, *there can be a parallel action* dalam perkara ini. Ini adalah satu di antara perkara yang perlu diambil kira dan saya nak tahu Tuan Yang di-Pertua, daripada 18 *commissioner* yang kita ada, tolong senaraikan peranan dan berapa fungsi, apakah perkara yang telah mereka mainkan. Saya difahamkan ramai daripada mereka suka pergi ke luar negara. Peranan mereka lebih mustahak di luar negara dari dalam negara. Berapa kali mereka telah pergi ke perkampungan Orang Asli? Ke tempat-tempat orang miskin dan sebagainya? Mereka lebih aktif ingin memainkan peranan yang besar di luar negara.

Jika sedemikian, suruh dan arahkan mereka menggunakan wang mereka sendiri. Jangan kerajaan membiayai wang rakyat kepada mereka-mereka ini dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, semua rang undang-undang yang dibawa hari ini adalah satu rang undang-undang yang tak perlu langsung jika ia telah mengikuti prinsip-prinsip Paris daripada mulanya dan daripada 26 Mac di mana ia dibawa ke rang undang-undang ini, kita sudah memberitahu pada masa itu juga bahawa ada kecacatan-kecacatan yang tertentu dan Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah mungkin sedikit luar biasa di mana *amendment towards amendment*. Luar biasa, satu tahun tak sampai satu ke dua rang undang-undang sedemikian tetapi yang lebih mustahak untuk menteri untuk menjawab kenapa rang undang-undang yang telah dijanjikan membawa pembaharuan, memberi satu penyelesaian dalam pemelukan agama dalam negara ini tidak dapat diselesaikan walaupun Yang Berhormat menteri telah berjanji di Dewan ini bahawa sebelum sesi ini habis, rang undang-undang ini akan ada.

Saya khuatir perkara-perkara ini akan wujud balik, kerap kali akan membawa kesusahan bukan sahaja kepada keluarga, bukan sahaja kepada anak-anak mereka tetapi juga kepada ahli-ahli politik, dengan kerajaan dan juga bangsa-bangsa yang lain di negara ini dan untuk mengelak perkara ini, kerajaan boleh kalau mahu mengambil tindakan untuk mengatasinya iaitu membawa undang-undang dengan melambat-lambatkan perkara tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tuaran.

6.49 ptg.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin menyertai perbahasan ini secara ringkas oleh kerana *amendment* ataupun pindaan rang undang-undang ini hanya spesifik. Walau macam mana pun saya menyentuh satu dua perkara iaitu apa yang menarik di sini ialah istilah yang digunakan daripada tiga orang yang terkemuka digantikan dengan tiga orang anggota daripada masyarakat madani.

■ **1850**

Walaupun hanya penggantian istilah ini, tetapi bagi saya ia bermakna. Ini mencerminkan hasrat kerajaan untuk memperkasakan akta ini dan mengambil kira perasaan dan juga status minda rakyat semasa iaitu mahukan soal hak asasi manusia ini diambil perhatian secara serius oleh kerajaan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, istilah Madani ini memberi pengertian yang banyak dan banyak pengertian bagi kita. Pertama sekali, masyarakat Madani ini bagi saya adalah mempunyai ciri-ciri di mana masyarakat itu berlandaskan kepada kedaulatan undang-undang. *The society which is best*, dengan izin, *on the rules of law*. Selain daripada itu juga, dalam istilah "Madani" ini, dalam masyarakat Madani ini, kita tidak lari daripada menyentuh tentang soal kebebasan. Kebebasan dari segi semua aspek. Kebebasan ekonomi, kebebasan sosial dan kebebasan politik itu biasalah tetapi tidak kurang pentingnya dalam konteks masyarakat di Malaysia ini iaitu kebebasan beragama.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Ipoh Barat telah menyentuh tentang soal kebebasan beragama ini. Saya juga ingin menyentuh bahawa walaupun kita ini kerajaan ataupun rakyat Malaysia sampai ke tahap di mana orang lain melihat bahawa kita ini mencapai satu tahap dari segi *equality* dalam aspek yang lain. Ekonomi dan sebagainya. Itu pun masih banyak lagi perkara yang perlu disentuh. Namun begitu soal semua ini tidak lengkap dan tidak akan mencapai sasarannya, objektifnya, kalau tidak dimasukkan soal kebebasan beragama. Saya berterima kasih kepada kerajaan walaupun Yang Berhormat Ipoh Barat banyak mempersoalkan, bahawasanya beberapa persoalan dari segi agama ini telah pun kami bawa ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan kita telah mengetahui bahawa Majlis Raja-Raja akan merujuk kepada perunding sebelum beberapa undang-undang itu dicadangkan diubah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal perkahwinan dan pemeluk agama ini, juga perkara mengenai dengan kebebasan penggunaan istilah ini yang sekarang ini sudah pun di bawa ke mahkamah. Saya pohon kepada kerajaan supaya perkara ini ditangani dengan sebaik-baiknya supaya kita mendapat satu *solution* yang dapat diterima oleh semua pihak kerana soal ini kita tahu sangat sensitif sekali dalam konteks rakyat yang majmuk, yang berlandaskan pelbagai agama dan kepercayaan. Kerajaan sudah tentunya kita, saya faham kerajaan mempunyai masalah yang besar untuk mengambil satu jalan yang diterima oleh semua pihak dan kita tidak dapat memuaskan semua pihak. Jadi kita harus memberi sokongan dan juga kerjasama kepada kerajaan untuk mencari satu jalan di mana penyelesaian soal sensitiviti agama ini ditangani dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai dengan keahlian suruhanjaya ini. Selain daripada istilah Madani ini digunakan, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa apabila membentuk jawatankuasa suruhanjaya ini, kita harus juga mengambil kira tentang perwakilan daripada suku-suku kaum di Malaysia ini. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana sekarang ini keanggotaan suruhanjaya ini diambil kira perwakilan daripada semua kaum. Umpamanya dari Sabah ini seorang yang dilantik adalah seorang yang dihormati di Sabah iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun. Dengan izin, *he is a Christian*. Walaupun Yang Berhormat Ipoh Barat mempersoalkan *qualificationnya*, *backgroundnya*, Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun ini adalah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri dan beliau ini terkenal sebagai seorang yang *straightforward*, yang lurus dan tidak boleh dipengaruhi dari segi pendapatnya di atas isu-isu dan perkara-perkara mengenai dengan kebebasan ini.

Saya juga kira beliau ini telah memainkan peranan yang begitu cemerlang. Saya pernah berjumpa dengan beliau, Tuan Yang di-Pertua. Beliau juga mengeluh tentang beberapa cadangan beliau, *findings* beliau sendiri yang beliau minta dimasukkan dalam laporan SUHAKAM. Kadang-kadang ada juga laporan dan cadangan beliau ini tidak dimasukkan. Beliau juga mengeluh. Akan tetapi pada keseluruhannya, saya kira beliau ini telah mainkan peranan dan

begitu juga ahli-ahli suruhanjaya yang lain. Kalau kita katakan dan Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan semua 16 orang ahli *Commission* ini tidak guna, saya rasa itu adalah satu mukadimah yang tidak adil sama sekali.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Ya, itu tidak adil. Tuan Yang di-Pertua, sekejap ya. Kalau kita soalkan tentang *background*, apakah *qualification* yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Ipoh Barat? Apakah mereka yang dikatakan di sini yang mempunyai pengalaman praktis dalam hak asasi manusia. Adakah dicadangkan bahawa mereka ini diambil daripada orang yang selalu demonstrasi di tengah jalan? Yang dilantik sebagai, adakah ini? Dalam soal hak asasi manusia ini tidak ada *degree* atau tidak ada kursus-kursus dalam universiti. Sudah tentunya kerajaan akan memilih mereka yang bekas kakitangan kerajaan, ahli masyarakat yang dihormati dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan membentuk suruhanjaya ini dan kita kondem mereka terus menerus, bagaimana kita untuk membentuk? *Nobody's perfect* dengan izin. Yang Berhormat tadi minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tangga Batu, sila.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya sebenarnya bila menyebut tentang nama Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon ini, saya pernah berada dalam dua *occasion* bersama beliau. Pertama di Bangkok iaitu *Civil Rights Society Forum* tahun 2002. Kemudian pada musim yang lepas apabila mendengar ucapan beliau yang mana saya kira antara ciri-ciri yang perlu ada pada anggota suruhanjaya ini ialah mereka yang berfikir secara terbuka yang mengambil kira bukan sahaja hak asasi itu perlu diambil kira daripada golongan-golongan minoriti tetapi juga golongan-golongan yang berkepentingan keseluruhannya.

Jadi, antara saranan-saranan beliau ialah hak asasi ini diajar secara wajib di dalam institusi-institusi pengajian tinggi dan juga sekolah-sekolah menengah di peringkat atasan. Jadi apa komen Yang Berhormat tentang pemimpin-pemimpin SUHAKAM yang mempunyai keterbukaan seperti ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak sambung sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya tidak berapa jelaslah istilah yang diberi oleh Yang Berhormat bahawa masyarakat

Madani ini ialah kumpulan manusia yang tunduk dan patuh kepada undang-undang. Itu salah satu cirinya. Jadi dengan pelantikan tiga orang yang diistilahkan sebagai daripada masyarakat Madani, adakah yang 15 orang ini tidak Madani? Itu saya hendak tahu, bagaimana ini? Sepatutnya semua ini masuk dalam konteks Madani sebabnya tentulah kalau istilah itu patuh kepada undang-undang. Bagaimana?

Datuk Wilfred Majilip Bumburing [Tuaran]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya respons komen yang pertama itu. Ya, saya telah katakan kalau saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati semua watak-watak yang dilantik oleh kerajaan. *We have to give them due credit.* Kalau ada sekiranya salah laku antara ahli-ahli ini, maka ada *avenue* kita untuk *complaint* dan kita bagi peluang mereka untuk menjalankan tugas. Kembali kepada perwatakan salah seorang ahli *Commissioner* ini iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun. Saya selalu berjumpa dan berbincang dengan beliau. Satu kes lagi di mana mencerminkan di mana betapa prihatinnya beliau ini. Ini saya ambil contoh seorang yang saya kenallah Tuan Yang di-Pertua.

■ 1900

Satu hari beliau ke Pulau Banggi di utara sana, diutuskan oleh suruhanjaya untuk menyiasat sesuatu perkara. Semasa beliau di pulau itu ada ibu bapa yang telah berjumpa dengan beliau bahawasanya ada guru-guru yang tidak membuat kerja, tidak mengajar semasa sekolah dan guru itu memancing ikan di laut. Beliau sendiri datang dan mendapati benar bahawa cikgu itu sedang memancing dan kelas itu tidak ada guru. Ini dibuat laporan. Ini juga ada kaitan dengan hak asasi. Murid-murid dan anak-anak kita mempunyai hak asasi manusia, bahawasanya guru ini harus menjalankan tugas. Perkara yang kecil pun beliau ambil perhatian. Begitulah wataknya.

Jadi, menyentuh tentang komen tadi, saya kira apabila akta ini diubah istilah "madani" itu adalah diguna pakai untuk semua bukan hanya tiga orang sahaja. Jadi, apabila dilantik nanti semuanya madanilah itu... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Tuaran. Ringkas sahaja. Saya bersetuju dengan kebanyakan daripada pandangan Yang Berhormat Tuaran nyatakan tadi. Tinggal lagi dalam ulasan sebentar tadi Yang Berhormat seolah-olah mengecualikan orang-orang yang pernah terlibat dalam demonstrasi jalanan sebagai salah satu di kalangan orang yang tidak semesti tidak layak untuk menjadi ahli Suruhanjaya SUHAKAM ini.

Saya fikir, pertamanya, demonstrasi ini adalah suatu yang hak dan yang halal. Keduanya, tidak berapa lama yang lalu di antara tokoh-tokoh yang berdemonstrasi termasuklah Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said; termasuklah bekas pegawai kanan kerajaan, bekas

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Hassan Ahmad. Jadi, takkanlah kita hendak menidakkan kelayakan hanya kerana orang ini terlibat dalam suatu tindakan yang sah, yang memang dibenarkan oleh Suhakam dalam banyak kesnya sebagai merupakan suatu yang tidak melayakkan seseorang itu menjadi bakal untuk dipilih sebagai anggota suruhanjaya ini. Jadi, saya harap Yang Berhormat menjelaskan supaya tidak menjadi kekeliruan di kalangan kita.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Tuaran, kalau saya boleh sikit untuk penjelasan lanjut. Saya ada sedikit peluang belajar mengenai hak asasi manusia, belajar sedikit di peringkat *post-graduate*. Saya betulkan, pegawai saya ada di sini. Saya tidak jumpa dalam sejarah dunia bahawa hak asasi itu bermula dengan satu perkara yang memang jelik. Tidak ada tokoh hak asasi manusia yang wujud di gedung-gedung cantik.

Ini saya cakap secara fakta, sehinggakan orang macam Martin Luther King, Jr atau Mahatma Gandhi. Saya menyoal perkara ini, mengapa begitu? Kata jawapannya, mungkin boleh diperbetulkan, pegawai ada di sini, falsafah hak asasi manusia itu sendiri berasaskan kepada andaian bahawa sebuah negara itu, *state*, satu pembentukan yang akan melakukan dengan izin, *tyranny of the state*. Pembentukan hak asasi manusia itu sendiri, tidak kisah dari sejarah Eropah, daripada *enlightenment* kah, ada yang mengatakan dengan bahasa '*human dignity*'. Ada yang berkata *human dignity* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bermaksud, '*karramah insaniah*'.

Jadi, mana mungkin pada pandangan saya, kalau kita tengok sekarang ini latar belakang suruhanjaya-suruhanjaya dilantik semua bagus. Akan tetapi saya melihat Tan Sri Datuk Panglima Simon Sipaun bagus, saya setuju. Akan tetapi pada contoh yang sama ada orang seperti bekas Hakim K C Vorra...., tidak dilanjutkan. Ada seorang tokoh seperti Professor Mehrum Siraj tidak dilanjutkan. Saya secara falsafahnya mengatakan bahawa sejarah hak asasi manusia tidak pernah terbentuk dalam keadaan yang baik, sekarang semua jelik. Itu persoalan saya kerana itu falsafahnya berkaitan dengan *tyranny of the state*, tidak pernah yang memihak kepada kerajaan kerana bentengnya hak asasi manusia. Jadi, saya mohon penjelasan di situ dan saya akan berhujah lagi.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya respons mengenai dengan *qualification*. Saya hanya respons kepada Yang Berhormat Ipoh Barat di mana beliau ini selalu mempertikaikan perwatakan yang dilantik. Sama sekali saya tidak mengatakan bahawa mereka yang berdemonstrasi tidak *qualified*.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang saya boleh nyatakan di sini, saya juga pernah turut dengan demonstrasi dulu. Saya mengetuai mahasiswa dari Sabah... [Disorak] Tahun 1974, 1976 dan saya tahu berjumpa dengan FRU pada masa itu, Yang Berhormat. Demonstrasi ini adalah satu *expression* yang bebas. Hanya apa yang saya katakan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Kota Belud silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuaran dan Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini terpampang nama Ahli-ahli Suruhanjaya Suhakam bagi tahun sesi 2008/2010. Ada 16 nama kalau saya tidak silap. Daripada 16 itu enam mempunyai kelayakan *doctorate*. Nama-nama yang saya sebutkan ini adalah mereka yang pada pendapat saya mempunyai latar belakang yang begitu baik. Datuk Siva Subramaniam, seorang yang memperjuangkan hak asasi pekerja; Dr. Denison Jayasooria, terlibat dalam kerja-kerja NGO dan juga hak-hak asasi. Selain daripada beberapa orang individu yang berjuang atas nama hak asasi bukan dari kaca mata pembangkang iaitu hak asasi yang dilihat dari prisma, *prism politic* tetapi hak asasi kanak-kanak, hak asasi wanita, hak asasi pekerja, Orang Asli dan sebagainya.

Jadi, tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi adalah tuduhan yang begitu berat, tuduhan yang begitu sombong dan angkuh. Saya minta pandangan Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Itulah, Yang Berhormat, saya katakan bahawa kita melihat latar belakang ahli yang dilantik ini. Kita hormati kebijaksanaan kerajaan. Saya kira kebanyakan calon-calon, *candidates* ini dicadangkan daripada semua pihak. Jadi, saya ulangi bahawa saya sama sekali, *for the recorded of the Dewan*, saya tidak mengatakan bahawa mereka yang pernah tunjuk perasaan itu tidak layak, *disqualified* tetapi sebaliknya. Namun saya hanya respons kepada Yang Berhormat Ipoh Barat seolah-olah siapa sahaja yang telah dilantik itu tidak mempunyai *qualification* yang betul.

Ini berkaitan dengan jumlah pula. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan dengan izin *with the population of 27 million decision* kita selalu mengatakan *two heads is better than one*. Kalau kesemua 16 ahli ini menjalankan tugas mereka, apa salahnya? Kalau lima orang itu boleh menjalankan tugas dengan baik di India, *let's it be*, tetapi mungkin di dalam konteks Malaysia ini jumlah 16 ini difikirkan satu *commission* yang memadai, mencerminkan keadaan rakyat kita yang berbilang kaum, berbilang agama ini maka *let's it be*. Tidak ada masalah. Saya tidak ada persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Bahawasanya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuaran. Saya baru membaca MalaysiaKini. *I cannot help but sharing this information with you. "Kedah DAP quits PAS let's government di Kedah."* Kerajaan Pakatan di Kedah telah bubar. *"Kerajaan Campuran di Kedah pecah bila DAP isytihar keluar pakatan pembangkang bantah Majlis Bandar Raya Alor Setar roboh rumah sembelihan babi"*. Ha, ini pun masalah dari segi hak asasi juga ini sebab pada saya apabila Kerajaan Kedah membuat sesuatu keputusan itu adalah hak asasi majoriti. Yang DAP mahu bising ini semua buat apa? Majoriti juga mempunyai hak asasinya. Jadi, apabila Menteri Besar membuat keputusan ini, *I can't help but smiling* lah. Pakatan di

Kedah sudah bubar, hancur dan ini akan diikuti dengan negeri-negeri yang lain Pulau Pinang dan sebagainya.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ya, maklumat terkiniilah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan iaitu menyentuh tentang laporan SUHAKAM ini.

■1910

Persoalan saya di sini apakah kerajaan ini terikat ataupun terikat dengan laporan SUHAKAM ini? Kalau SUHAKAM ini hanya bekerja sehingga membuat laporan, disampaikan dan laporan itu *will be left in the shelf, collecting dust*, maka keberkesanan SUHAKAM ini akan sampai begitu sahaja. Jadi saya harap laporan-laporan ini akan diambil perhatian serius oleh kerajaan kerana kerajaan yang menubuhkan suruhanjaya ini.

Saya tertarik dengan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai dengan soal hak asasi ini. Saya setuju kalau kita rakyat Malaysia mahukan hak kita ini dibela dan dipelihara, kita juga harus bertindak adil, kita juga harus memelihara hak asasi mereka yang bekerja di Malaysia. Kan Yang Berhormat? Yang Berhormat, saya pernah ke Indonesia untuk *recruiting* pekerja di ladang Sabah Food yang saya pengerusi. Kita memerlukan 1,200. Di Sulawesi, setiap tempat ini saya diminta menerangkan mengenai keadaan kebajikan pekerja Indonesia di Malaysia dan saya ini bukan orang politik masa itu.

Jadi saya terpaksa mempertahankan Malaysia bahawasanya apa yang dilaporkan penganiayaan pekerja itu adalah *isolated case* dari tempat satu ke dua dan sebagainya. Saya sedikit sebanyak dapat meyakinkan bahawa *this is isolated case*. Akan tetapi semasa saya terbang dari Sulawesi ke Singapura dan ke Kuala Lumpur, saya tengok *front page The New Straits Times*, disiarkan satu gambar di mana pekerja Indonesia itu diikat dengan tali. *It happened somewhere in our country*. Perasaan saya sangat sedih kerana begitu kuat kita mempertahankan imej negara kita tetapi ada kejadian begitu.

Dalam soal ini, *if you want to be fair to yourself*, dengan izin, *you have to be fair to others*. Beratus ribu pekerja asing di sini *to be fair as human being*. Kita juga harus adil kepada mereka. Sebab itu kerajaan di Indonesia telah memberhentikan pekerja ke Malaysia oleh kerana mungkin perbuatan hanya segelintir, bukan semua. Jadi ini juga berkaitan langsung dengan soal yang dibincangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap pemindaan ini, apa yang kita telah cadangkan, kemukakan di Dewan ini diambil kira oleh kerajaan dan teruskan satu yang saya pohon ialah soal pokok kebebasan dan hak ini dipelihara dalam semua aspek, sosial, ekonomi dan agama, tanpa menyentuh perkara-perkara khusus, kita faham. Jadi saya juga ingin mencadangkan teruslah mengambil ataupun mencadangkan mereka yang mewakili suku-suku kaum di Malaysia ini. Mungkin kita dalam Dewan ini memang *disqualified*, orang *politician* ini tidak boleh sebab *political bias*. Walau macam mana pun mungkin kita tidak salah kalau kita

cadangkan perhatian daripada pembangkang, daripada kerajaan, kita boleh cadang. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

7.13 mlm.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengatakan bahawa cadangan pindaan ini pun mungkin tidak mampu mengembalikan taraf 'A' seperti yang kita pernah ada yang mana telah diturunkan. Kerana saya berhujah begitu, dengan izin, yang dipentingkan di sini juga ialah satu kebebasan, bukan satu prinsip fundamental hak asasi manusia kerana saya berhujah tadi di dalam telahan tadi ialah hak asasi manusia itu secara falsafahnya ialah merujuk kepada ke arah mempertahankan hak kemanusiaan ataupun sebenarnya dalam bahasa yang lebih menggerunkan ialah maruah iaitu *karamah insaniah* itu ataupun *human dignity* itu. Di situlah bermulanya sejarah hak asasi manusia.

Kalau kita hendak ambil sekontemporari yang mungkin pun sehingga 1946, 1948, 1947, ketika mana Eleanor Roosevelt, walaupun seorang perempuan, dengan karismanya telah berjaya meyakinkan dunia kita perlu ada satu hak asasi yang universal. Maka berlaku. Kalau di peringkat itu pun ia bertujuan ke arah mempertahankan rakyat daripada salah guna kuasa, apa yang dimaksudkan sebagai tirani itu sendiri.

Jadi kalau cadangan yang diberikan ialah tiga orang anggota lain daripada masyarakat madani. Komplikasinya di sini adalah kerana perkataan *civil society* yang dicadangkan itu di peringkat antarabangsa diterjemahkan secara literalnya sebagai masyarakat madani yang mempunyai satu beban sejarah, satu beban falsafah, satu beban kebudayaan yang amat besar yang tidak mampu, hanya diterjemahkan sebagai *civil society* yang boleh diistilahkan sebagai NGO.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebab itu dibangkitkan tadi kalau yang dimaksudkan ialah masyarakat Madani seperti yang dihujahkan ataupun digagaskan oleh mantan Pemangku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, ia bermaksud boleh diambil daripada Manifesto Parti Keadilan ketika mana 8 Mac, pilihan raya baru-baru ini iaitu di dalam tekad pertamanya sekali iaitu mahu mewujudkan negara madani untuk semua, mempertahankan perpaduan, hak asasi dan integriti kerana masyarakat madani yang dibayangkan di situ ialah macam mana masyarakat yang tinggi nilai kebudayaannya, yang menghormati akan hak asasinya, bukan dari segi klasifikasi *Non-Governmental Organization* (NGO) *versus* kerajaan.

Jadi di sini saya rasa betul. Sebab itu yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian itu di sini akan mengalami satu perkara yang perlu diperjelaskan. Saya rasa Menteri perlu perjelaskan di sini di mana kalau yang dimaksudkan ialah NGO ataupun *civil society* kerana *civil society* itu sendiri pun di dalam ruang lain mempunyai pelbagai definisi dan saya rasa definisi itu perlu

diperjelaskan mungkin di dalam seksyen 2 yang mana selalunya istilah-istilah dimasukkan bagi membangkitkan satu pemahaman ataupun dengan izin, *harmonize interpretation* ataupun terjemahan yang harmoni.

Seterusnya saya juga ingin membangkitkan dan memohon penjelasan Menteri yang bertanggungjawab, kalau yang diidamkan oleh ICC ialah satu kebebasan yang memberi ruang penglibatan kepada Badan Bukan Kerajaan yang akan terbentuknya apa yang dipanggil CSO, dengan izin, *Civil Society Organization Engagement*, saya rasa kalau diberi kuasa di tahap ini juga kepada Perdana Menteri untuk melantik kelompok ini, maka akan terbentuklah satu keadaan lagi sekali, *human right is again a monopoly of government*. Itu lagi kita akan salah pada pandangan saya.

Sepatutnya apa yang perlu dibetulkan di sini ialah satu keadaan, sudahlah yang 16 sebelum ini semuanya monopoli oleh kerajaan, tiga ini akan memberi ruang kepada masyarakat madani, itu pun sekali lagi dimonopoli oleh Perdana Menteri. Saya rasa, saya khuatir agenda yang diidamkan itu tidak akan dapat dicapai, malah akan ditertawakan di peringkat antarabangsa.

Seterusnya saya tahu permasalahan, pada pandangan saya, kalau yang kita katakan di sini kriterianya ialah mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia pada lazimnya ia akan bermula dengan selain daripada pengalaman praktikal, ia akan bermula dengan pengalaman bersifat akademik yang saya khuatir dalam keadaan sekarang – betulkan saya sekali lagi kalau fakta saya kurang tepat – tidak ada mana-mana institut pengajian tinggi secara khusus di Malaysia mengajar hak asasi manusia, secara khusus.

■ 1920

Saya bukan bermaksud di peringkat pelajaran opsyenal secara pilihan kerana itu pun saya yakin tidak wujud di kebanyakannya dan mungkin semua fakulti perundangan di negara kita. Saya yakin agenda yang perlu seterusnya SUHAKAM buat ialah kerana permasalahan hak asasi manusia itu telah berkembang dan menjadi agak kompleks, agenda pendidikan hak asasi manusia perlu menjadikan agenda utama kerana Tuan Yang di-Pertua perkembangan hak asasi manusia di peringkat global amat hebat, amat berkembang, amat maju. Ini kerana mereka bukan sahaja membicarakan hak asasi manusia di peringkat sivil dan *political rights*, sudah berkembang hak asasi manusia sebagai pembangunan dan pelbagai.

Di sini saya mahu dengan tegas menyatakan bahawa bukan permasalahan agenda asasi manusia itu merupakan agenda barat, *western*. Saya kata itu hujah lapuk kerana di sini kita masih lagi berhujah agenda hak asasi manusia acuan sendiri yang mana acuan saya tak tengok sampai sekarang. Akan tetapi yang pastinya agenda teras hak asasi manusia merupakan nilai-nilai Asia itu hujah yang lapuk yang telah tidak dapat dipertahankan. Saya katakan itulah satu kerangka yang perlu kita pecah supaya saya yakin agenda hak asasi manusia ini bukan satu perkara yang amat asing kita sebagai orang Islam, kita teman-teman bukan Islam, kelompok Tionghoa, kelompok India, semuanya mengangkat agenda hak asasi manusia.

Seperti yang dikatakan oleh Confucius kita mesti melayan orang, bagaimana kita mahu kita dilayan. Islam juga mengajar tidak akan beriman seseorang itu kalau kita tidak menghormati, menyayangi dan banyak konsep-konsep pada hari ini yang kita perlu melihat sebenarnya ialah bagaimana maruah negara kita dapat ditunjukkan bahawa kitalah yang di dalam bergelut membangunkan sesebuah negara maju mengangkat agenda hak asasi manusia sebagai agenda yang utama. Di dalam pendekatan itu saya yakin pembentukan institusi ataupun prasarana di dalam mengangkat agenda tersebut amat penting.

Oleh sebab itu saya tidak boleh terima kenapa tokoh-tokoh seperti yang saya sebutkan tadi yang pada pandangan saya bukan sahaja dihormati di peringkat domestik malah di peringkat global seperti Yang Arif Graeser D'vorah, Profesor Mehrun Siraj itu tidak diteruskan, tidak dilanjutkan sebagai suruhanjaya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir bahawa satu lagi perkara yang akan ditertawakan ataupun menjadi satu perkara yang tidak meyakinkan masyarakat ICC walaupun saya berhujah tadi tujuannya bukan hendak meyakinkan orang atas dasar *PR exercise* tetapi yang pentingnya ialah secara jujurnya dan secara bersungguh-sungguhnya mahu mempertahankan hak asasi rakyat Malaysia bukan disebabkan disuruh ataupun dicadangkan oleh orang lain. Ini kerana saya yakin seperti yang saya katakan tadi ajaran-ajaran kita sendiri dengan budaya timurnya memang terkenal dengan asas hak-hak asasi manusia. Ini kerana saya katakan begitu, banyak saranan seperti yang diujulkan tadi oleh pihak SUHAKAM dipandang enteng.

Saya beri contoh ketika berlakunya sesuatu perkara, tidak semua akan terbentuknya contohnya *inquiry* SUHAKAM. Akan tetapi dalam keadaan perkara itu tidak berlaku secara lazimnya, berlaku secara kadang-kadang. Contohnya seperti *inquiry* KESAS, Suruhanjaya KESAS yang mana SUHAKAM memberi satu laporan yang khusus mengatakan tidak ada perhimpunan haram. Tidak ada malah mereka ini telah dianiaya, terdapatnya pencerobohan hak asasi manusia. Apa yang berlaku? Mereka masih lagi didakwa di atas alasan kononnya bahawa pendakwaan jenayah dan hak asasi adalah dua perkara yang berbeza.

Jadi saya merasa khawatir kerana seolah-olah terdapat di Malaysia ini satu pemahaman hak asasi manusia yang terlalu istimewa sehinggakan sukar difahami oleh mana-mana orang yang belajar hak asasi manusia. Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada pihak SUHAKAM di peringkat ini. Bukan SUHAKAM sebenarnya, orang yang mahu melantik suruhanjaya-suruhanjaya ini adalah baiknya paling asas, prasyarat-prasyarat kepada mereka yang mahu dilantik sebagai suruhanjaya-suruhanjaya ini sekurang-kurangnya mempunyai pendidikan formal. Tidak kisahlah diploma atau apa kerana itu kita maklum di Malaysia tidak ada program khusus.

Saya yakin kalau dilihat contohnya Dato' Dr. Raj Abdul Karim. Beliau mungkin merupakan seorang doktor tetapi pengalaman beliau di dalam hak asasi manusia, kanak-kanak dengan pengalaman di LPPKN, saya rasa itu juga merupakan satu pengalaman yang amat bagi saya hak asasi manusia. Akan tetapi saya tidak dapat mempertahankan. Contohnya, maaf saya

terpaksa sebut Dato' Dr. Michael Yeoh. Macam mana saya hendak mempertahankan individu sebegini sebagai tokoh hak asasi manusia? Oleh sebab itu apabila nama macam Tan Sri Panglima Simon Sipaun dibangkitkan, saya bersetuju secara seratus peratus. Kita tahu perkara-perkara begini. Akan tetapi pada masa yang sama kita juga ada individu yang amat *conflicting*, amat kontradiksi sifatnya. Dalam satu segi terlibat di dalam satu ketika kebebasan bersuara, mewakili Battleson, mewakili *Far Eastern Economic Review*, mewakili Murray-Havard. Akan tetapi pada masa yang sama terlibat di dalam kes bukan memihak kepada orang melawan hak asasi manusia, kes Bakun. Akan tetapi memihak kepada sang penguasa yang lebih terkenal di dalam bukan aspek-aspek mempertahankan hak asasi manusia. Jadi saya sekali lagi sebenarnya saya yakin pendekatan institusi ini bagus tetapi akhirnya sekali jiwa kemanusiaan itu hak asasi manusia akan terbentuk lebih kuat di dalam individu yang beretika yang dilantik.

Jadi pada pandangan saya akhir sekali yang akan menentukan sama ada negara kita mengangkat agenda hak asasi manusia ini sebagai agenda yang sebenar-benarnya kita buat bukan sebagai *PR exercise* ialah rekod hak asasi manusia kita yang memang kita tidak dapat tipu di kaca mata masyarakat dunia. Pun begitu saya berhujah lagi sekali, perkara ini tidak payah hanya mahu menyedapkan pihak antara bangsa kerana saya berhujah lagi sekali hak asasi manusia juga merupakan satu perkara yang tidak asing kepada masyarakat daripada Perlis sampailah ke Sabah dan Sarawak.

Apa yang saya maksudkan di situ dari segi, dengan izin, *civil and political rights* nya dan juga dari segi *economic and social culture rights* nya saya rasa perkara itu merupakan satu perkara yang diangkat oleh masyarakat Malaysia dan perlu dibuktikan. Saya rasa ini peluang kita, maka kita buatlah sesungguhnya-sungguhnya supaya kita tidak mempunyai satu mangsa yang akan ditertawakan. Bukan salah kita kerana kita memang terkenal dengan satu asas kemanusiaan yang tinggi tetapi politik kita perlu diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Tangga Batu selepas itu Yang Berhormat Tawau.

7.29 mlm.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kita membahaskan satu rang undang-undang yang jika kita tidak membahaskan, kemungkinan kita akan kehilangan hak untuk terlibat dengan secara aktif dalam sesi perbincangan suara hak asasi manusia di peringkat antarabangsa dan mungkin juga kita akan kehilangan hak dalam forum Asia Pasifik. Mungkin juga kita akan dilihat sebagai sebuah negara yang bukan tidak mempertahankan tetapi mungkin tidak faham pun apa itu hak asasi manusia.

■1930

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang status 'A' atau status 'B'. Hari ini negara-negara yang berstatus 'A' adalah negara-negara seperti Afganistan, India, Pakistan. Itu adalah negara-negara yang berstatus 'A', yang dipandang tinggi oleh kumpulan masyarakat ICC ini yang mengkategorikan..., Kalau kita lihat secara kesannya ialah, negara yang tidak pernah nampak ada satu keamanan, ketenteraman dan boleh dihidupi secara tenang dan harmoni oleh rakyatnya sebagai negara-negara berstatus 'A'.

Manakala negara seperti Switzerland, dan negara-negara maju yang lain. Switzerland status 'B'. Di sini sebenarnya ada pertembungan Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia pula kalau tidak menepati beberapa saranan yang telah digariskan oleh pihak ICC ini. Kita pula akan dikumpulkan seperti negara-negara yang tidak boleh memahami apakah yang sebenarnya hak asasi manusia itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar secara teliti rakan-rakan yang berbahas sebentar tadi, yang meletakkan kita berada di persimpangan. Apabila berlaku demonstrasi di jalan, hendak menunjukkan yang kita sebenarnya mengizinkan kegiatan-kegiatan, petunjuk utama hak asasi manusia itu boleh dilaksanakan ialah protes secara beramai-ramai di jalan-jalan. Pada masa yang sama, kita perlu menimbang ada juga hak-hak asasi kumpulan manusia yang lain, seperti peniaga-peniaga yang terpaksa menutup kedai, yang menanggung kerugian apabila berlaku demonstrasi-demonstrasi yang lazimnya sampai ke peringkat di luar kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita menyatakan perlu ada kebebasan apabila kita memperjuangkan hak asasi manusia. Akan tetapi dalam gerombolan-gerombolan yang merencana dan melaksana demonstrasi-demonstrasi ini mempunyai kepentingan politik, mempunyai agenda tersendiri di sebalik himpunan-himpunan itu. Jadi, di sini sebenarnya kita perlu menyarankan kepada pihak kerajaan apabila...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Sedikit lagi, apabila kita menentukan pesuruhjaya-pesuruhjaya ini, ahli-ahli yang dilantik, supaya mereka ini mempunyai satu pemikiran yang begitu terbuka yang mengambil kira dan mengambil kepentingan semua pihak. Sebab itu, apabila kerajaan, pihak menteri ingin menggariskan perkara-perkara yang dilakukan oleh SUHAKAM umpamanya. Saya sendiri berpendapat SUHAKAM mesti menjadi lubuk utama bagi pihak kerajaan untuk mendengar dan menghayati apakah sebenarnya semangat di dalam perkara, keluhuran perlembagaan, serta kesopanan dan kesusilaan yang terdapat di dalam Rukun Negara kita.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Terlebih dahulu saya ingin membetulkan Yang Berhormat Kota Belud, kerajaan di Kedah belum jatuh lagi. ADUN DAP satu orang sahaja dan tidak menjejaskan

kerajaan negeri kalau itu pun maklumat yang tepat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kota Batu dan saya...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: ...Yang Berhormat Tangga Batu, minta maaf, ialah bahawa hak untuk berdemonstrasi dan hak untuk orang-orang lain yang tidak berdemonstrasi seperti tuan-tuan kedai dan sebagainya. Saya ingat, pengerusi pertama SUHAKAM iaitu Tun Musa Hitam dalam jawatannya dalam Pengerusi SUHAKAM pernah melontarkan cadangan supaya tempat-tempat khusus disediakan, padang-padang, stadium dan sebagainya untuk demonstrasi.

Katanya, dengan tujuan supaya ianya tidak menjadi suatu halangan kepada kehidupan biasa masyarakat, trafik, pekedai dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Tangga Batu fikir itu satu cadangan yang agak baik dipertimbangkan, untuk mengelakkan daripada ianya menjadi suatu aktiviti yang menjejaskan kehidupan hak asasi masyarakat lain. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Pada pendapat saya, Pengerusi SUHAKAM ketika itu, adalah seorang yang berfikiran terbuka dan mematuhi beberapa klausa, beberapa artikel yang terdapat dalam SUHAKAM sendiri, yang menyatakan apabila sesuatu hendak dilakukan perlulah mengikut tatacara dan prosedur. Bagi menunjukkan apakah sebenarnya suara-suara yang dibawa oleh kumpulan ini.

Tempat-tempat seperti yang telah dicadangkan di Stadium Bukit Jalil dan hari ini banyak perhimpunan-perhimpunan seperti ini berlangsung di stadium-stadium di Negeri Selangor yang saya kira adalah mematuhi kedaulatan, menegakkan kedaulatan undang-undang yang mempunyai keluhurannya tersendiri dan juga yang paling penting di sini kesopanan dan kesusilaan itu.

Jadi, saya yakin dan percaya jika pihak SUHAKAM seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, menyatakan sendiri apa yang mereka perlu. Pada masa yang sama, pihak kerajaan pula perlu menyediakan tetingkap, perlu menyediakan ruang bagi pihak SUHAKAM ini, untuk menyalurkan apakah ketidakpuasan hati di kalangan ahli-ahli mereka. Jikalau ruang yang cukup disediakan seperti sekarang ini di negeri-negeri. Kita tidak dapat melihat ada ruang-ruang dan peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan supaya suara-suara ketidakpuasan ini dapat disalurkan secara sistematik.

Ianya bukannya secara tiba-tiba Tuan Yang di-Pertua, apabila ada isu dan sebagainya baru kita sibuk hendak melaksanakan tugas dan peranan kita. Akan tetapi, ia dilaksanakan secara konsisten, ada sahaja ruang ketidakpuasan hati di kalangan kumpulan-kumpulan masyarakat madani, *civil society*, mereka mempunyai forum-forum yang tertentu yang dikendalikan secara ilmiah, yang diberikan petunjuk dan juga pengajaran, apakah akibat jika berlaku sesuatu yang di luar jangkaan dan sebagainya.

Saya sendiri pernah mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, ketika memegang jawatan suatu ketika, dahulu supaya tajuk-tajuk berkaitan dengan hak asasi manusia ini dibawa ke peringkat menara gading. Dibawa ke universiti, institusi pengajian tinggi awam, swasta dan juga pelajar-pelajar di peringkat menengah atas. Sepanjang ingatan saya Tuan Yang di-Pertua, kita belajar tentang hak asasi manusia pada mata pelajaran Sejarah di Tingkatan 2 sekolah menengah, kurikulum sekolah menengah lama dahulu. Semasa di Tingkatan 2 dalam mata pelajaran Sejarah, kita belajar apakah sebenarnya hak asasi manusia itu, tidak kena pada tajuknya Tuan Yang di-Pertua.

Mungkin hari ini boleh diperkenalkan satu kursus atau program khas, tidak perlu mengikut seperti cadangan Yang Berhormat Balik Pulau tadi, supaya pemegang-pemegang jawatan suruhanjaya ini, ahli-ahlinya perlu mempunyai sekurang-kurangnya diploma. Saya tidak nampak ada keperluan. Cukup sekadar kita menyediakan satu kursus selama dua minggu untuk mereka mempelajari sebenarnya Sejarah, latar belakang dan bagaimana untuk memainkan peranan sebagai ahli-ahli suruhanjaya dan sebagainya. Ini kerana, hak asasi ini Tuan Yang di-Pertua adalah sesuatu yang dapat yang dapat dirasai oleh semua insan yang ada di muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah kalau disebutkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Hak asasi ini adalah suatu yang menjadi *trend* orang-orang seperti Martin Luther King dan Mahatma Ghandi, yang bermula dengan kepayahan dan sebagainya. Ini suatu sejarah, satu pemikiran lama Tuan Yang di-Pertua. Setelah lama perkara ini wujud, hari ini kita tidak perlu lagi pakai pemikiran seperti itu. Sekarang ini kita sudah berada di era *blue ocean strategy*. Kena buat sesuatu yang tidak pernah dibuat oleh orang lain. Kita kena faham dengan kehendak dan keperluan zaman.

■1940

Kalau masih lagi memerlukan orang yang menunjukkan cara-cara lama untuk menangani suatu isu hak asasi, itu bukan lagi caranya. Hari ini dengan kaedah sains dan teknologi dengan langit terbuka, zaman globalisasi, berbagai-bagai cara, berbagai-bagai kaedah boleh kita gunakan untuk mendengar suara-suara ketidakpuasan ini dan saya yakin dan percaya dengan kaedah ini juga kita boleh menangani isu-isu yang dibawa secara cekap dan berkesan. Yang nampak berlaku kecelaruan ini Tuan Yang di-Pertua ialah apabila ada campur tangan orang-orang yang berkepentingan, yang mempunyai agenda tersendiri, yang ingin meraih sokongan...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Lualan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Politik, yang ingin meraih sokongan-sokongan murahan. Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tangga Batu tadi yang mengatakan kita tidak semestinya menggunakan cara-cara lama, walau bagaimanapun pada masa yang sama kita juga tidak boleh

mengetepikan sejarah dan pengalaman yang lalu kerana kita menggunakan sejarah dan pengalaman yang lalu sebagai batu sempadan untuk kita melonjak ke hadapan.

Akan tetapi apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu itu tidak selaras dengan tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang disokong oleh Yang Berhormat Tangga Batu sendiri. Sebagai satu contoh yang kecil RTM misalnya dalam siaran langsung untuk Parlimen waktu pagi langsung tidak mahu menyiarkan liputan apabila Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat diberi peluang untuk bercakap ataupun bertanya soalan. Malah tidak beri peluang pun. Kalau ada pun beberapa orang sahaja dalam *interview* yang dibuat oleh RTM. Ini sorot ke belakang malah. RTM telah mengambil pendekatan sorot belakang sedangkan melalui IT orang ramai boleh mendapat liputan daripada Parlimen ini secara langsung, tetapi sudah pastilah internet ini tidak semuanya mendapat akses. Ada berapa ramai lagi yang tidak mendapat akses dan inilah yang dipergunakan oleh RTM. Rakyat kita yang tidak ada peluang untuk akses kepada internet ini dipergunakan dan diperbodohkan oleh RTM yang merupakan sebenarnya satu agensi kerajaan yang kita juga sama ada daripada Pakatan Rakyat juga adalah sebagai pembayar cukai dan ada hak. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Tangga Batu tentang isu ini?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya tidak mengetepikan sejarah. Saya berpegang kepada fakta-fakta sejarah yang telah menyebabkan di mana kita berada pada hari ini cuma kaedah itu perlu diperbaharui mengikut keperluan zaman, mengikut kesesuaian pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan RTM saya kira mungkin Yang Berhormat perlu menepati piawaian kita. Maknanya substandard. Itu sebab RTM tidak pakai hujah-hujah yang tanpa fakta, dipenuhi dengan fitnah, tribulasi, mehnah, cerita-cerita yang tidak berasas, yang mempengaruhi pemikiran penonton. Itu sebab RTM tidak bagi. Cuba Yang Berhormat beritahu yang baik, hujah-hujah yang ada fakta, ada angka yang tepat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Tidak membuat-buat cerita penuh dengan fitnah. Kita tidak mahu meracuni pemikiran...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Penonton-penonton RTM.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disiarkan pada waktu pagi sesi soal jawab...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua lihat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...itu soalan tambahan sahaja...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Mana ada fitnah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini RTM pun tidak berani siarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seputeh, *floor* dia. Minta sama dia Yang Berhormat Seputeh, bukan saya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau perangai macam Yang Berhormat Seputeh mana boleh masuk TV menunjukkan satu contoh teladan yang tidak baik pada anak-anak kita menonton TV di rumah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tanya soalan tambahan sahaja. Kalau soalan tambahan pun dikatakan fitnah tak boleh disiarkan dalam televisyen apakah RTM ini? Tengoklah BBC. BBC juga seperti RTM satu perbadanan oleh Kerajaan Britain.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya tidak pernah ingat pun memberikan laluan kepada Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, tetapi BBC bagi ruang kepada semua pihak untuk mengudarakan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Teruskan Yang Berhormat Tangga Batu. Teruskan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini Exco Kerajaan Negeri Selangor tunjukkan contoh teladan yang tidak baik kepada rakyat Selangor.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tunggulah hari dan ketikanya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu ialah apa pun yang kita buat dalam menggagaskan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap suara-suara kumpulan masyarakat madani, yang paling penting pada penghujung hari Tuan Yang di-Pertua kita hendak tahu setiap perjalanan kita di dalam negara itu berada di dalam keadaan selamat, aman dan makmur. Tiada ketakutan, tiada kekhawatiran.

Contohnya hari ini di negara kita di mana ada ketakutan? Tidak ada. Semuanya boleh berjalan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Di mana sahaja di atas umi, di bawah langit, di dalam sebuah negara yang bernama Malaysia.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Tangga Batu minta penjelasan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kita...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Jelas sikitlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jangan marahlah.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tak marah. Saya tak marah pun. Saya tak marah. Saya duduk di sini, berdiri bercakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat saya hendak tanya satu soalan. Terima kasih ya.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya pada minggu lepas bila Ahli Parlimen Klang menganjurkan satu jamuan dan permit sudah pun dapat tetapi selepas itu polis batalkan. Itu hanya jamuan sahaja. Semua orang duduk makan sahaja, tapi polis datang dan halang orang masuk untuk makan. Apakah ini menunjukkan bahawa pihak polis kita ini sepatutnya menerima semua pengajaran, latihan, kursus, dan seminar mengenai hak asasi rakyat? Apakah pendirian Yang Berhormat?

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya mungkin boleh mencadangkan juga supaya pihak yang menganjur majlis jamuan tersebut supaya belajar mematuhi peraturan, memohon dan juga mempelajari perlembagaan kita. Perhimpunan-perhimpunan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pohon permit sudah dapat.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, macam inikah contoh yang baik?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lepas itu polis batalkan.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha! Sudah batal pun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Lepas itu polis ganggu.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah batal pun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, ya batal *on that day*.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Sudah dibatalkan mana boleh adakan perhimpunan. Itulah sebab polis datang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itulah...

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Akan tetapi apa pun Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itulah sebabnya sekarang beliau mengambil tindakan mahkamah terhadap polis.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yakin dan percayalah apa yang ada di hadapan kita inilah suatu yang perlu kita pertahankan. Apa yang ada di hadapan kita inilah perlu kita perjuangkan untuk kebaikan dan untuk kebahagiaan anak cucu kita di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya panggil Yang Berhormat Tawau tadi. Sila Yang Berhormat Tawau.

7.47 mlm.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Minta maaf. Sebelum diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, pagi ini Tuan Yang di-Pertua pada pukul 10.15 semasa Tuan Yang di-Pertua bertugas kami telah menyuarakan bahawa perlu RTM diberitahu...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu. *Point of order* ini yang mana Yang Berhormat

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Sebut dahulu *point of order*.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: 36(12) dan *on strangers*. 96 saya ingat kalau tidak silap, di mana ada RTM di sini semasa saya membawa perkara tersebut dengan Yang Berhormat Sri Gading tiba-tiba kedua-dua staf RTM melarikan diri dan selepas itu Tuan Yang di-Pertua mengatakan akan memberitahu kepada RTM. Saya bangun sekarang kerana hari sudah lewat. Esok hari pukul 10 pagi saya harap siaran langsung itu adalah siaran langsung yang benar kerana pada pengetahuan saya Tuan Yang di-Pertua kedua-dua mereka dibenarkan dengan direstui oleh Tuan Yang di-Pertua. Maka mesti ada sedikit kawalan. Kalau tidak mereka ini sepatutnya tidak boleh berada di sini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertamanya respons saya kepada itu Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 36(12) itu ialah menyelewengkan fakta... *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Minta maaf bukan mengelirukan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Maksud saya *point of order* yang ditimbulkan itu adalah *point of order* yang tidak berkenaan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Bukan, 36(12) pun boleh pakai. Saya mengatakan 36(12) kerana bila saya bahas dia tidak menyiarkan perkara tersebut, tetapi bila Ahli Parlimen Barisan Nasional menyoal semua dari di sana walaupun perjanjiannya. Saya tidak tahu apakah perjanjian dengan Tuan Yang di-Pertua. Dia mula pukul 10 pagi hingga 10.30 pagi dia adalah di bawah kawalan Tuan Yang di-Pertua. *He's a stranger in the House*. Dia bukan wakil rakyat, tetapi dibenarkan di ruangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *He's an acceptance to the rule*. Maka ada...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya saya setuju tapi tidaklah semestinya di bawah 36(12).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengeliru, mengeliru seluruh rakyat di negara ini hingga...

Tuan Yang di-Pertua: Mengelirukan dalam hujah sahaja Yang Berhormat bukan kehadiran.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Okay then the strangers like in the rules...*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *point of order* yang lain.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Like in the rules to the High Court in the hearing power of the court.*

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Okey, *the hearing power of the court.* Bukan peraturan mesyuarat. Tidak ada kena-mengena.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No, no strangers, strangers* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila. Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *That there's one of the strangers.*

■ 1950

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua. Mengelirukan Ahli Dewan atau mengelirukan rakyat, di mana sebenarnya?

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan dahulu Yang Berhormat. Ini *point of order*. Silakan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Maka saya harap *being strangers* Tuan Yang di-Pertua semestinya ada kawalan dan jangan menyalahgunakan kebenaran untuk berada di sini. Ini akan memalukan kita sebagai Ahli Dewan Rakyat di mana perkara yang tidak benar dilaporkan di seluruh negara. Mereka ingat pukul 10.15 *am* bila Ipoh Barat bangun, dia tidak mahu cakap. Ini ada *interview* pula.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bantu?... Aturan 94.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Titiwangsa. Saya faham.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: 94. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham. Isu yang cuba dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Titiwangsa ialah mengenai dengan isu yang telah pun tadi saya dengar mengenai dengan liputan yang dibuat oleh RTM. Itu saya faham okey. Begini Yang Berhormat, saya setuju bahawa kehadiran pegawai-pegawai RTM, orang-orang awam yang masuk dalam Dewan sewaktu berbahas, itu atas budi bicara kita membenarkan.

Itu jelas. Kehadiran mereka kita benarkan tetapi kalau ada kekacauan yang dibuat oleh orang awam termasuk Yang Berhormat sendiri yang tidak mengikut peraturan mesyuarat, itu kuasa Speaker ataupun Timbalan-timbalan untuk berbuat sesuatu. Akan tetapi *content* penyiaran yang dibuat oleh RTM tidaklah termasuk dalam bidang kuasa Speaker kerana apabila itu juga dimasukkan dalam bidang kuasa Speaker nanti Speaker juga berkuasa untuk sensor ucapan-ucapan Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat. Kita tidak mahu perkara itu berlaku.

Tolong Yang Berhormat jangan heret kuasa Speaker itu kepada bidang-bidang kuasa yang di luar kuasa Speaker di bawah peraturan mesyuarat. Akan tetapi yang nyata bahawa apabila ada kekacauan kita campur hal. Saya rasa mesej yang cuba diutarakan oleh Yang Berhormat ini iaitu penyiaran itu kalau boleh saya gunakan perkataan "berat sebelah", itu

barangkali sudah pun mendapat liputan sekarang. Jangan heret saya dan Timbalan-timbalan saya untuk mengatakan bahawa rancangan RTM perlu seperti ini. Itu di luar bidang kuasa kita. Terima kasih. Yang Berhormat Ipoh sudahlah ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. *There is a difference* Tuan Yang di-Pertua. *Yours is a power as a Speaker* dengan izin, di mana kita membenarkan seseorang *stranger* berada di sini. Bagaimana dia boleh membenarkan *mislead* memburukkan.

Seorang Ahli: Mengelirukan

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa] Saya faham apa Yang Berhormat maksudkan itu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tentang bahasa tidak mahu datang untuk diberitakan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua. *You see impression given the Speaker is powerless. The Speaker is being used. The Speaker is being misused and I am worried* Tuan Yang di-Pertua. Kalau sedemikian kita ada beberapa jawapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri menyatakan 10.00 malam hingga 10.30 malam kita ada siaran langsung *and* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan *'One Malaysia'*. Sekarang kita ada lima Malaysia. Satu Malaysia kata, *you* boleh masuk sini buat liputan siaran. Satu Malaysia mengatakan, saya akan sensor. Satu Malaysia cakap, muka Ipoh Barat tidak boleh tengok...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi ini saya rasa kita mengelirukan kehendak tinjauan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya membawa perkara ini kerana esok kita akan mula pada pukul 10 pagi. Kita akan sampai di sini esok pukul 9 pagi kerana ada satu pelancaran. Kita semua akan berada di sana untuk menyokong Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang mustahak...

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *No as a matter of principal we will. We will standby the Speaker if the needs to...*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya sudah mendengar *point of order* yang tidak relevan pun. Saya juga cukup sabar untuk mendengar hujah Yang Berhormat supaya hujah Yang Berhormat itu juga dapat masuk dalam *Hansard*, bermakna mesej itu sudah jelas. Akan tetapi pendirian saya, saya nyatakan semula bahawa saya tidak punya kuasa untuk memberi arahan kepada RTM membuat liputan seperti sedemikian.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu pendapat Yang Berhormat. Mengenai soal... Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua. Siaran langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat duduk dahulu apabila saya bercakap. Mengenai dengan soal sama ada Speaker itu dipandang tinggi, tidak dihormati dan sedemikian, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri kerana Ahli-ahli Yang Berhormat kadangkang pun memperkecil-kecilkan hujah Speaker, tindakan yang dibuat oleh Speaker dan sedemikian. Itu tidak apa. Saya masih menjalankan tugas. Soal itu sudah putus Yang Berhormat. Jelas.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Tawau untuk..

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Boleh tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Aturan 94?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dengan *point of order* yang serupa juga saya tidak layan Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Tidak perlu ya. Baca pun tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Baca pun tidak boleh kerana saya tahu apa yang dimaksudkan. Sila Yang Berhormat Tawau.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Inherent power*.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih, saya sudah tunggu lama. Kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat Tawau kerana soal-soal lain yang ditimbulkan oleh teman-teman Yang Berhormat Tawau sendiri... *[Ketawa]* Silakan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Pindaan) 2009.

Status SUHAKAM Malaysia telah diturunkan pangkat daripada 'A' kepada 'B' oleh Jawatankuasa Penyelaras Antarabangsa bagi Institusi-institusi Kebangsaan untuk promosi dan perlindungan hak asasi ICC atas sebab Malaysia tidak memenuhi prinsip-prinsip Paris sepenuhnya.

SUHAKAM telah pun membuat rekomendasi untuk memindah *Act 597* supaya memenuhi prinsip-prinsip Paris untuk memastikan bahawa status SUHAKAM dapat dinaikkan ke A pada 2 September tahun lalu. Apakah kemajuan tinjauan semula status SUHAKAM oleh Jawatankuasa Kecil Akreditasi (ACA) di Geneva dalam bulan Mac tahun ini. Antara rekomendasi dalam peruntukan *act* munasabah atau mencukupi untuk mencapai status 'A' iaitu mencapai misi Malaysia untuk melindungi hak asasi setiap orang rakyat Malaysia dan memastikan bahawa sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan saksama dicapai.

Tuan Yang di-Pertua saya akan merujuk kepada Pindaan seksyen 11A 2(c) iaitu tiga orang anggota lain daripada masyarakat madani yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri. Di sini saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang hadir di Dewan ini untuk mendengar dan mengambil perhatian tentang rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ucap terima kasih kepada Speaker Yang Berhormat kerana memanggil Yang Berhormat Tawau pada ketika yang... *[Ketawa]*

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Masuk balik, masuk balik.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada pindaan ini saya minta di antara tiga orang anggota ini, satu dilantik daripada Sabah sebab seorang ini yang faham latar belakang, *the background of* banyak isu yang berkaitan dan serius tentang hak asasi manusia di Sabah.

Saya akan ringkaskan tentang isu-isu yang berkaitan. Isu pertama, isu-isu tanah yang kontroversi di Sabah. Banyak kes konflik tanah sudah berlaku di Sabah sejak tahun 90an yang menyebabkan kematian, pengganasan, kecederaan, pembakaran rumah-rumah peladang, pemusnahan tanaman-tanaman yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini seperti berikut:

- (i) tanah seluas 3,000 ekar dimiliki oleh 200 orang peladang kecil telah diperoleh oleh syarikat-syarikat besar tanpa sebarang pampasan bagi peladang-peladang di Serudung Laut;
- (ii) rumah-rumah peladang telah dirobohkan dan tanaman-tanaman dimusnahkan, kubur-kubur dirobohkan dan keluarga-keluarga diheret ke mahkamah di Serudung Lama;
- (iii) peladang-peladang kecil yang telah bercucuk tanam di atas tanah pertanian seluas beberapa ribu ekar di Ulu Kalumpang telah dihalau keluar tanpa sebarang pampasan;

■2000

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tawau.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung esok?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Okey, saya akan sambung besok. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 akan kita sambung esok dan selepas itu Dewan akan membahaskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Laporan Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat mengikut Peraturan Mesyuarat 80A. Sekarang saya jemput Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membawa usul penangguhan.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**Penetapan Tempoh Pembinaan Hospital Queen Elizabeth**

8.01mlm.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membentangkan ucapan penangguhan ini. Saya ingin memohon agar Majlis ini dapat membincang untuk menyejajarkan serta menetapkan tempoh bagi pembinaan Hospital Queen Elizabeth yang diisytiharkan oleh pihak kerajaan tidak selamat untuk diduduki pada 24 Oktober 2008.

Hospital Queen Elizabeth yang terletak di ibu kota negeri Sabah adalah terkenal sebagai hospital terunggul. Bukan sahaja bagi rawatan kepakaran dengan bantuan alat-alat yang canggih kepada setengah juta penduduk di Kota Kinabalu tetapi bagi keseluruhan rakyat Sabah. Setelah hospital ini diisytiharkan tidak selamat untuk diduduki bagi lebih kurang empat ratus katil dengan kamar-kamar, bagi alat-alat bantuan hospital serta klinik-klinik bagi doktor pakar. Maka kesemua perkhidmatan kesihatan perubatan telah terjejas dengan seriusnya.

Hari ini adalah genapnya hari yang ke-239. Di mana perkhidmatan perubatan tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Pesakit-pesakit yang kritikal, yang memerlukan rawatan segera terpaksa ditangguhkan. Begitu juga dengan pesakit-pesakit luar yang memerlukan rawatan doktor pakar tidak dapat diberi perkhidmatan di hospital di ibu kota dan terpaksa dipindah di hospital di daerah-daerah lain yang menyukarkan keluarga pesakit untuk menemani disebabkan ketiadaan rumah tumpangan bagi mereka diami semasa pesakit di hospital daerah. Keadaan ruang pejabat serta kamar bagi kakitangan hospital sangat sempit dan tidak kondusif. Pesakit-pesakit terpaksa tidur di lantai semasa mendapat rawatan.

Kerajaan sangat kagum dan bangga dengan mengumumkan bahawa terminal lapangan terbang telah dibina dalam masa 18 bulan sahaja. Akan tetapi dengan pembinaan hospital nampaknya kerajaan tidak menangani perkara ini dengan seriusnya sedangkan ini melibatkan kesihatan, hidup atau mati rakyat yang telah menyokong penubuhan kerajaan kini. Kerajaan teragak-agak untuk mengambil tindakan. Adakah wajar untuk mengambil masa hampir tujuh bulan bagi Perdana Menteri untuk mengumumkan peruntukan pada 5 Mei 2009 berjumlah RM245 juta bagi pembelian SMC atau Sabah *Medical Centre* yang kedua.

Agaknya peruntukan yang diumumkan oleh pemimpin utama ini tidak mencukupi maka Menteri Kesihatan susuli untuk mengumumkan bahawa peruntukan sebenarnya bagi pembelian SMC ialah RM280 juta dengan tambahan bagi katil daripada 170 buah hingga 250 buah dan kemudahan yang lain yang berjumlah RM90 juta. Maka peruntukan keseluruhan sebenarnya yang diperlukan ialah berjumlah RM370 juta. Keadaan ini seolah-olah kerajaan hanya pentingkan peruntukan wang ringgit dan telah mengetepikan kesihatan perubatan kepada rakyat.

Rakyat Sabah sangat keliru dengan perangai kerajaan. Nampaknya rakyat yang memilih pucuk kepimpinan kerajaan hari ini tidak diberi layanan dan sebaliknya diketepikan. Pucuk pimpinan Pusat asyik mengumumkan peruntukan pembelian SMC kedua yang kononnya tersedia bagi operasi perkhidmatan perubatan. SMC pertama juga dibeli oleh kerajaan dengan tujuan sewaktu masa tersebut bagi menyediakan untuk pembinaan Hospital Queen Elizabeth di ibu kota yang besar untuk menampung dan menangani kerumitan dengan ruang perkhidmatan hospital.

Bagi pihak rakyat Sabah, saya mendesak di Dewan yang mulia ini agar kerajaan mengambil tindakan yang serius dan segera untuk menangani kerumitan yang ditanggung oleh rakyat Sabah dengan bangunan fizikal hospital. Kerajaan seharusnya bertindak untuk merancang perancangan jangka panjang yang mendatang. Saya difahamkan bahawa kerajaan mempunyai kawasan di Bukit Padang dengan keluasan hampir 50 hektar. Persoalannya, adakah kerajaan serius untuk membina Hospital Besar Queen Elizabeth untuk menggantikan Hospital Mesra.

Ini bukan sahaja dapat menampung pesakit-pesakit dari ibu kota Sabah memandangkan kawasan ini adalah bersempadan dengan daerah Penampang, maka pesakit daripada kedua-dua daerah serta daerah-daerah lain yang memerlukan doktor pakar dapat kemudahan perkhidmatan perubatan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

8.07mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan keutamaan yang tinggi di dalam usaha untuk menangani masalah menyediakan kemudahan bagi rawatan kesihatan yang dihadapi di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan Malaysia tidak pernah teragak-agak untuk mengambil tindakan yang diperlukan. Bagi makluman Yang Berhormat Sepanggar, selepas pengisytiharan bahawa blok menara Hospital Queen Elizabeth adalah tidak selamat, Kementerian Kesihatan telah dengan segeranya melaksanakan aktiviti perpindahan pesakit dan anggota perubatan daripada bangunan tersebut.

Seluruh bangunan blok menara yang mempunyai 262 katil dan bukan 400 katil seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sepanggar telah dapat dikosongkan dalam masa yang singkat. Tidak siapa pun yang inginkan situasi begini berlaku dan ianya adalah di luar kawalan kementerian. Ianya bukan sahaja menyusahkan pesakit malah kepada penjawat awam seperti doktor dan jururawat yang terpaksa bersama-sama menanggung beban dan kesusahan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Mereka terpaksa bergerak dari satu *facility* dan *premises-premises* kesihatan yang lain dalam jangka masa satu hari. Walaupun bangunan blok menara telah dikosongkan, perkhidmatan perubatan masih disediakan oleh kerajaan dengan memindahkan pesakit ke Hospital Likas, Hospital Bukit Padang, Sabah Medical Center (SMC) dan lain-lain hospital daerah yang berdekatan seperti Hospital Papar, Hospital Kuala Penyu dan juga Hospital Beaufort. Pesakit-pesakit yang kritikal yang memerlukan rawatan yang segera tidak ditangguhkan.

■ 2010

Manakala pesakit-pesakit yang tidak kritikal dan setuju untuk dirujuk ke hospital lain termasuklah hospital di Semenanjung Malaysia telah dirujukkan. Pesakit-pesakit hanya dipindahkan berdasarkan kehendak keluarga masing-masing. Isu kerajaan hanya mementingkan peruntukan wang ringgit dan telah mengetepikan kesihatan perubatan kepada rakyat Sabah adalah tidak benar. Pertamanya, kerajaan telah bertindak secara proaktif supaya hospital yang uzur dikosongkan dan rakyat diberikan kemudahan yang lain yang lebih selesa di SMC dengan penyewaan SMC yang melibatkan kos yang tinggi.

Sejak pesakit dipindahkan ke SMC pada bulan November 2008 sehinggalah sekarang, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM6,047,347.48. Dengan penyewaan SMC, kerajaan dapat mengurangkan kesesakan dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan penyewaan wad, katil ICU dan dewan bedah serta pembelian perkhidmatan radiologi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembelian SMC pertama dan pembelian SMC kedua adalah di atas keperluan yang berlainan. Untuk pembelian SMC pertama, kerajaan bertujuan menyediakan keselesaan kepada rakyat Sabah di mana ia telah digunakan sebagai hospital kanak-kanak dan wanita. Manakala pembelian SMC kedua adalah untuk menampung perkhidmatan yang tidak boleh dijalankan di Hospital Queen Elizabeth yang tidak selamat, iaitu untuk menampung perkhidmatan dalam waktu kecemasan yang dianggap dalam keadaan yang terdesak di mana kerajaan tidak dapat membina hospital baru dalam masa yang singkat.

Pada masa yang sama, kerajaan dapat meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat biasa yang berpeluang menggunakan peralatan yang canggih yang terdapat di SMC. Jadi pilihan yang terbaik ialah pembelian SMC kedua untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti dapat disampaikan kepada rakyat Sabah. Memang tidak dinafikan ia sedikit sebanyak memberi sedikit kesukaran kepada pesakit dan anggota kesihatan yang terpaksa pergi ke tempat yang berasingan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan untuk mengurangkan ketidaktelesaan telah diaturkan seperti penyediaan pengangkutan daripada Hospital Queen Elizabeth ke SMC. Berkaitan dengan pembelian bangunan SMC, banyak proses yang terlibat dan ini termasuklah proses penilaian oleh agensi kerajaan yang berkenaan bagi memastikan harga yang wajar dapat dirundingkan. Ia mengambil sedikit masa memandangkan proses penilaian perlu dibuat secara teliti yang meliputi penilaian bangunan serta aset-aset di dalamnya.

Berdasarkan penilaian tersebut, rundingan bagi pembelian yang berharga RM280 juta telah dipersetujui dan pada masa ini Kementerian Kesihatan bersama dengan pihak JKPTG iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian sedang memuktamadkan dokumen perjanjian jual beli yang akan ditandatangani oleh pihak kerajaan dan pihak SMC Sdn. Bhd. Bagi menyediakan lebih banyak katil kemudahan lain yang berkaitan di bangunan SMC, kerja naik taraf dan penyiapan ruang yang masih belum digunakan di bangunan SMC akan dilaksanakan oleh pihak JKR. Dimaklumkan juga bahawa pihak JKR telah pun memulakan perancangannya sementara menunggu perjanjian jual beli ditandatangani.

Dalam hal ini kerajaan telah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pembelian dan juga melaksanakan kerja-kerja naik taraf tersebut. Bagi penyediaan kemudahan yang diperlukan dalam tempoh jangka panjang, kerajaan telah pun merancang untuk membangunkan bangunan blok menara baru di Hospital Queen Elizabeth dengan kapasiti 660 katil yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi projek ini, kerja-kerja menanam cerucuk ataupun *piling*, dengan izin, telah pun siap dan fasa yang selanjutnya sedang dalam peringkat rundingan harga.

Bagi meneruskan pembinaan struktur bangunan blok menara baru, blok menara yang retak perlu dirobohkan terlebih dahulu memandangkan lokasinya yang amat berdekatan. Perkara ini juga sedang dalam tindakan JKR Sabah dan juga JKR ibu pejabat bagi kerja-kerja merobohkan dijalankan. Kementerian tidak menolak keperluan untuk menyediakan lebih banyak katil dalam erti kata lain pembinaan hospital baru memandangkan lebih kurang 90% rakyat Sabah bergantung kepada perkhidmatan hospital kerajaan.

Oleh itu, kerajaan turut mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah hospital baru di tapak Hospital Mesra Bukit Padang untuk menampung keperluan katil penduduk di Kota Kinabalu dan juga negeri Sabah keseluruhannya. Di samping itu Kerajaan Negeri Sabah telah

pun dengan murah hati menyediakan tanah seluas 50 ekar di Kinarut untuk pembinaan hospital tambahan bagi menampung kesesakan yang berlaku di Hospital Papar.

Kesimpulannya, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau kemajuan proses serta tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan kemudahan yang diperlukan dapat disediakan dengan secepat mungkin. Bagi keperluan lain di masa hadapan, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sabah akan menilai kembali perkhidmatan yang sedia ada dan mengemukakan perancangan selanjutnya bagi dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pemulihan Projek Terbengkalai - Plaza Rakyat

8.16 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebut sahaja Plaza Rakyat, ramai orang akan membayangkan satu projek terbengkalai terbesar dalam pusat bandar raya. Satu projek yang dikatakan sudah mati tetapi masih bernyawa kerana ia sentiasa menjadi sebutan rakyat malah pelancong-pelancong asing. Projek mega ini yang dinantikan oleh banyak pihak sudah melepasi sepuluh tahun lebih terbengkalai begitu sahaja, walaupun ianya merupakan projek usaha sama DBKL dan swasta. Setelah bertukar beberapa orang Menteri dan Datuk Bandar namun projek ini masih sedemikian rupa. Ibarat satu kawah selepas terkena ledakan bom yang kuat. Tapaknya sudah usang dan besinya sudah berkarat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang baru sampai ke Kuala Lumpur, sering terkeliru bila menaiki LRT kerana stesen tersebut adalah stesen Plaza Rakyat yang bersebelahan dengan Puduraya. Orang tak kenal Puduraya tetapi orang kenal Plaza Rakyat. Akan tetapi pada hakikatnya Plaza Rakyat masih berkeadaan yang menyedihkan.

Mengapakah tiada tindakan kemajuan? Setelah saya menjadi wakil rakyat Bukit Bintang, saya sentiasa membangkitkan isu ini dalam Dewan yang mulia ini yang mana setiap Menteri berjanji untuk meneruskan projek ini sehingga kedatangan Menteri Wilayah Persekutuan yang baru. Apakah pula janjinya? Saya ingin menggesa *senior power issue project* terbengkalai Plaza Rakyat, sudah sepatutnya dimuktamadkan kerana banyak projek terbengkalai di sekitar Kuala Lumpur sudah dipulihkan tetapi apakah istimewanya projek lewat dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL sebagai pemilik tanah asal yang terlibat dalam projek usaha sama yang sewajarnya memberi kata dua kepada pemaju, saya berasa kasihan ke atas nasib orang pemberi lot komersial atau kediaman di Plaza Rakyat yang sudah lama menderita. Bukan sahaja mereka kehilangan wang pelaburan tetapi terpaksa menanggung hutang akibat projek ini. Kepada siapa mereka harus mengadu setelah jutaan ringgit wang pelaburan mereka tersadai di projek tersebut tanpa ada faedah dan tidak boleh dikembalikan? Apakah pelan tindakan

pemulihan segera yang berkenaan oleh Kementerian dan DBKL bagi memastikan projek ini diteruskan secepat mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8.19 mlm.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang atas ucapan penangguhan beliau bertajuk "Menteri Wilayah Persekutuan hendaklah mengutamakan pemulihan projek terbengkalai Plaza Rakyat".

■ 2020

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, kerajaan amat memandang serius terhadap projek terbengkalai Plaza Rakyat dan telah mengambil beberapa langkah proaktif, dalam usaha untuk memulihkan projek terbengkalai ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bersama dengan saya telah turun padang di Plaza Rakyat untuk menyaksikan dan memerhatikan apa yang ada di sana.

Projek ini merupakan sebuah projek usaha sama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan pemaju Plaza Rakyat Sdn. Bhd.. Punca utama projek ini terbengkalai adalah kerana kedudukan kewangan pemaju asal iaitu, Plaza Rakyat Sdn. Bhd. yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997. Akibat daripada kegawatan itu, Plaza Rakyat Sdn. Bhd. tidak berupaya untuk menyiapkan projek tersebut sehingga siap. Setakat ini kemajuan kerja yang telah dilakukan hanya lebih kurang 37% daripada keseluruhan projek iaitu di peringkat *sub-structure* sahaja.

Dalam usaha untuk memulihkan semula projek ini, beberapa siri rundingan telah diadakan bagi mencari penyelesaian terbaik terhadap permasalahan yang telah timbul. Pada masa ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL telah pun menyediakan dan mengemukakan kertas pertimbangan kepada Unit Penswastaan Jabatan Perdana Menteri, berhubung cadangan untuk melantik syarikat baru bagi mengambil alih projek ini daripada Plaza Rakyat Sdn. Bhd.

Sekiranya Unit Penswastaan Jabatan Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan pelantikan syarikat baru tersebut dan pihak-pihak yang terlibat juga bersetuju dengan syarat-syarat dan terma-terma yang telah ditetapkan. Maka kedudukan projek ini akan dimaklumkan, setelah kita mendapat ulasan daripada Unit Penswastaan Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat pada hari ini di tangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Khamis, 2 Julai 2009. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.02 malam.